[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

# PARLIMEN KESEBELAS

## PENGGAL KEDUA

## MESYUARAT PERTAMA

**Bil. 2** ***Rabu*** **23 Mac 2005**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 27)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 23 Mac 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk mensyaratkan kepada semua GLC menyumbangkan dana kepada pihak kerajaan bagi tujuan penyelidikan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading. Berkenaan dengan penyelidikan, GLC sebagai syarikat komersial perlu memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan tidak akan menjejaskan prestasi mereka dan tidak akan merugikan mana-mana *stake holder* setelah dapat meningkatkan pulangan kepada pemegang saham.

Sekiranya kerajaan perlu mensyaratkan kepada GLC supaya menyumbang dana kepada pihak kerajaan bagi tujuan penyelidikan adalah wajar dana yang disumbangkan mempunyai kaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat yang menyumbang. Syarikat-syarikat mendapat manfaat daripada penyelidikan daripada hasil yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau mengikut rekod yang ada, untuk tiga tahun yang lepas kerajaan telah membelanjakan pada tahun 2002, 2003 dan 2004 yang jumlah semuanya RM621 juta dan pihak swasta juga berbelanja hampir sama. Kalau mengikut lagi rekod yang ada yang sebenarnya perbelanjaan kerajaan untuk penyelidikan meningkat semenjak 1996 sehingga tahun 2000 tapi telah menurun semula pada tahun 2002. Ini disebabkan oleh perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pihak swasta telah meningkat sepanjang tahun yang tersebut.

Mengikut amalan yang terdapat di seluruh dunia, mana-mana syarikat dan mana-mana negara yang telah maju, perbelanjaan untuk pendidikan lebih di pihak swasta dan pihak kerajaan membelanjakan kurang daripada pihak swasta. Contohnya di Amerika Syarikat dan Jepun, perbelanjaan oleh pihak swasta 2/3 daripada jumlah dana pendidikan. Tepi bagi Malaysia hampir sama dan angka ini sedang meningkat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang tidak dinafikan sumbangan kerajaan dan pihak swasta dalam menyalurkan bantuan kepada penyelidikan di negara ini. Tetapi memandangkan syarikat-syarikat GLC ini, untung dia berjuta-juta malahan berbilion-bilion. Saya difahamkan banyak kertas kajian dan penyelidikan di universiti-universiti kita di tanah air ini tidak dapat dibangunkan kerana masalah kewangan. Kalau ada dasar, syarikat GLC yang untung berbilion-bilion ini dapat memberikan sumbangan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan yang boleh menyalurkan bantuan ini kepada kertas-kertas ataupun kajian-kajian, penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat oleh pihak-pihak universiti kita ini maka lebih mudahlah bagi mereka mewujudkan apa yang ada dalam penyelidikan mereka untuk kepentingan nasional juga dan juga boleh memberikan sumbangan kepada kemanusiaan dan juga meningkatkan tahap pencapaian kita di negara ini.

Kita hendak membangunkan negara dan kita hendak menuju kepada Wawasan 2020. Kalau kajian-kajian ini dapat diwujudkan secara nyata, kertas-kertas kajian di universiti-universiti ini tidaklah tinggal sia-sia. Kita akan rugi kalau kertas ini tidak dapat hendak dibangunkan kerana masalah kewangan. Ini pandangan kitalah supaya wang ini disalurkan. Terima kasih berbanyak-banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang cadangan itu amat baik sekali dan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pihak syarikat yang membelanjakan wang mereka untuk penyelidikan, mereka memang mendapat insentif seperti *finance status*, mendapat *tax exemption* dan berbagai-bagai lagi.

Memang kalau mengikutkan amalan biasa yang telah saya sebutkan tadi bahawa pihak swasta, mereka akhirnya berbelanja lebih daripada kerajaan dalam hal penyelidikan kerana ini adalah kepentingan mereka. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia hanya membelanjakan '0.69%' daripada GDP negara untuk penyelidikan dan *target* atau matlamat kita pada tahun 2010 hendak membelanjakan 1.5% daripada GDP negara untuk penyelidikan.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. Saya ingin tahu adakah kerajaan akan mengarahkan syarikat GLC ini untuk membantu menyumbangkan kepada tabung PTPTN?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan lagi. Terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Petronas merupakan GLC yang besar dan penting bagi negara dan umum mengetahui bahawa Sabah, Sarawak dan Terengganu merupakan negeri-negeri yang menyumbang hasil besar untuk Petronas ini. Sejauh mana negeri-negeri ini kajian terhadap penyelidikan telah disumbangkan oleh Petronas kepada negeri-negeri yang menyumbang kepada sumber dana Petronas.

Saya juga ingin tahu apakah dalam penyelidikan yang memberi manfaat kepada Petronas itu sendiri pada ketika ini menunjukkan penyelidikan terhadap kemungkinan untuk mewujudkan industri-industri petrokimia, industri hiliran gas dan minyak untuk negeri Sabah umpamanya yang menyumbang sebahagian besar daripada sumber kewangan dana untuk Petronas. Adakah Petronas telah membuat penyelidikan terhadap pengwujudan industri-industri hiliran di negeri-negeri yang mengeluarkan sumber bagi kewangan Petronas. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan agak spesifik. Saya perlukan notis. Walau bagaimanapun saya boleh disebut di sini bahawa bagi sektor swasta, bagi tahun 2000 pihak-pihak swasta menyumbangkan RM967 juta untuk penyelidikan dan telah bertambah kepada RM1.6 bilion pada tahun 2002 untuk penyelidikan kerana sudah bertambah, sebab itu pihak kerajaan telah pun mengurangkan dana pihak kerajaan untuk penyelidikan.

**2. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

(a) kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan kementerian untuk memberi kelulusan “Approved Permits” (APs) kenderaan kepada individu atau syarikat kenderaan ; dan

(b) jumlah individu atau syarikat telah diluluskan mengikut kategori individu dan syarikat peniaga bermula 01/01/2003 sehingga 28/02/2005.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pada 19 April 2005 kerana ia berkaitan perkara yang sama iaitu mengenai lesen import (AP).

Kriteria yang ditetapkan dalam memberi kelulusan lesen import kepada individu ialah warganegara Malaysia yang bekerja atau belajar di luar negara melebihi satu tahun. Manakala syarat-syaratnya adalah kenderaan mesti didaftar atas nama pemohon di luar negara bagi tempoh tidak kurang dari sembilan bulan.

Kriteria bagi syarikat pula adalah peruntukan lesen import bagi syarikat bukan francais telah dibekukan semenjak tahun 1998. Walau bagaimanapun, permohonan daripada syarikat francais baru boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat:

(i) mempunyai perjanjian francais yang sah di antara pengimport dengan syarikat *principal* pengilang di luar negara;

(ii) pengimportan secara langsung dari pengeluar *principal* atau kilang di luar negara;

(iii) model kereta belum dipasang atau pun belum dipasarkan di Malaysia;

(iv) pegangan ekuiti sekurang-kurang 70% oleh bumiputera;

(v) terbukti berkeupayaan dari segi kewangan dan pengurusan; dan

(vi) mempunyai kemudahan ruang pameran dan perkhidmatan selepas jualan.

Jumlah individu yang diluluskan AP bagi tempoh Januari 2003 hingga 28 Februari 2005 adalah sebanyak 2,100 orang iaitu 871 orang pada tahun 2003, 976 orang pada tahun 2004 dan 154 orang pada tahun ini sehingga 28 Februari 2005. Manakala jumlah syarikat bumiputera pemegang francais yang diluluskan bagi tempoh yang sama ialah sebanyak 13 syarikat iaitu 5 syarikat bagi tahun 2003 dan 8 syarikat bagi tahun 2004 jadi syarikat diluluskan untuk tahun ini.

Dasar pengeluaran permit import ini telah berjaya meningkat dan mengukuhkan penyertaan bumiputera dalam peniaga automotif. Dasar mensyaratkan hanya syarikat bumiputera dengan pegangan ekuiti 70% sahaja yang layak mendapatkan peruntukan. Sehingga hari ini jumlah syarikat telah meningkat daripada 76 pada tahun 1988 kepada 116 pada tahun 2005.

Berkaitan penyalahgunaan permit import, kementerian ini sentiasa memantau syarikat-syarikat sedia ada dan akan menyenaraihitamkan syarikat-syarikat yang didapati menyalahgunakan AP yang diberikan. Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan yang diberikan. Seperti mana yang kita sedia maklum, AP ini masalah utamanya ialah penyalahgunaannya iaitu sekarang ini ada banyak tuduhan atau pun persepsi negatif mengenai AP yang sebagai contoh AP ini diberikan kepada segelintir peniaga atau pengimport sahaja atau pun AP ini adalah punca di mana kereta-kereta import ini adalah *under declare* dengan izin. Ini merupakan suatu kerugian kepada negara.

Walaupun penguatkuasaan *under declare* ini adalah di bawah Jabatan Kastam, tetapi puncanya adalah daripada AP. Soalan tambahan saya adalah mengenai adakah MITI bercadang untuk menggantikan sistem AP ini dengan sistem yang lain ataupun ada rancangan-rancangan tertentu untuk memberikan *improve* dengan izin sistem ini pada masa-masa hadapan. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, sistem AP ini pada peringkat sekarang ini akan dilaksanakan sehingga satu tempoh. Kita sedang melaksanakan sistem liberalisasi pasaran termasuk automatif yang akan sampai kepada satu peringkat AP tidak akan diguna pakai lagi. Waktu di mana liberalisasi sepenuhnya akan dilaksanakan, kita belum tahu lagi apabila segala-galanya telah lengkap maka

perkara itu akan berlaku. Sehingga ini dari segi penyalahgunaan AP Tuan Yang di-Pertua. AP ini mula dilaksanakan pada tahun 1970. Pada tahun 1987 satu *review* telah dilaksanakan untuk mengkaji keseluruhan sistem yang tersebut dan didapati bahawa daripada 269 pemegang AP, 153 adalah pemegang AP yang berhadapan dengan masalah. Antaranya tidak menjalankan perniagaan, tidak ada *show room*, penyalahgunaan AP dan juga *improper management of accounts*. Ini telah dikeluarkan, tinggal lebih kurang 116 sekarang termasuk AP terbuka dan juga AP francais.

Bagi AP terbuka yang mana telah saya maklumkan ini telah dibekukan dan sekarang mana-mana syarikat yang perlu menggunakan AP francais. Dari segi kementerian, kita terbuka. Sekiranya ada pandangan-pandangan untuk melakukan perubahan yang lebih baik, sila kemukakan kepada kita dan kita boleh mengkaji. Sekiranya ini dapat meningkatkan lagi cara penggunaan AP ini kita akan buat. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. AP ini dikeluarkan untuk membantu, kebanyakannya kita membantu bumiputera - orang-orang Melayu, tetapi kita nampak bahawa bumiputera yang diberikan AP ini mereka tidak berniaga sendiri. Mereka menyewakan AP dan mereka mengaut keuntungan setiap bulan bagi tiap-tiap satu kereta; mereka mengaut keuntungan setiap bulan sehinggakan kalau kita nampak di Sabah, bumiputera yang diberikan AP, *showroom*nya bukanlah milik mereka. Nama adalah syarikat mereka tetapi yang berniaga bukan mereka.

Saya berharap kementerian berhati-hati, sungguhpun mungkin sudah dikaji dan dikaji, tetapi masih ada lagi bumiputera yang menjual AP dan menerima komisen tiap-tiap bulan. Kita mintalah kementerian kalaupun ada tapisan-tapisan jangan bocor, ini kita mintalah kalau boleh. Persoalannya, adakah kementerian bersedia mulai pada hari ini untuk menapis dan sekiranya didapati bersalah, maka ditarik balik AP yang diberikan kepada bumiputera ini.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa AP ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor automotif . Ini telah dilaksanakan oleh pihak MITI dan kita telah mewujudkan beberapa syarikat. Tujuannya

tentulah untuk mewujudkan usahawan yang tulen dalam industri ini. MITI tidak ada halangan sekiranya kita dapati ada individu yang menyalahgunakan untuk disenaraihitamkan, ini telah pun kita lakukan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Rakyat sehingga sekarang ini, kita sebenarnya tidak menerima laporan resmi pun daripada mana-mana pihak. Memang kita tahu dalam industri perkara ini ada dicakapkan dan kita juga membuat siasatan. Kita berharap sekiranya ada laporan resmi adalah lebih mudah lagi bagi kita untuk mengambil tindakan. *Stand* MITI adalah kita mahu melahirkan usahawan yang tulen supaya dapat meningkatkan kedudukan bumiputera dalam sektor ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak adillah Timbalan Menteri menyuruh Ahli Parlimen ataupun masyarakat umum untuk menyelidik kerja ini, sepatutnya yang digaji itu kena buat kerjalah. Sepatutnya saranan dan rintihan yang dibuat oleh Ahli Parlimen ini kena ambil sebagai satu aduan (*complaint*) kalau tidak *Hansard* kita ini tidak pakailah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbincang panjang lebar dengan bekas Pengarah MITI di Sarawak. Memang dikatakan mereka menerima hakikat bahawa sebilangan besar AP *holder* ini tidak membuat *business* sendiri seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan tadi, semuanya berbuat macam itu.

Keduanya, dia mengatakan bahawa mereka tidak membuat *business* lain, sebenarnya arahan daripada MITI ialah supaya mereka terlibat dengan *business* lain - "*Diversification".* Eh! Betulkah perkataan yang saya gunakan itu?

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Betul ya? Yang kedua, dia mengatakan mesti memberikan perkhidmatan masyarakat - *social contribution* mesti dibuat, kedua-duanya mesti dibuat, tetapi kedua-dua ini pun tidak dibuat, tulis surat kepada surau minta RM5 pun tidak bagi. Persoalannya, MITI kena mengambil tindakan khusus memberi mesej kepada mereka ini supaya *diversification* dan *social contribution* ini dibuat. Dia menjual satu AP itu dengan harga RM25,000 untuk membeli sebuah Mercedes.. Saya pun boleh jadi kaya.

**Beberapa Ahli:** Wah!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalaulah ini tidak dibuat, saya pernah mencadangkan di sini dahulu, *rotate*kan kepada bumiputera lain; banyak lagi bumiputera lain yang boleh bekerja, yang mahu bekerja. Jangan bertumpu kepada satu sahaja, dia kaya, dia angkuh dan dia pun tidak menunjukkan muka lagi dengan orang.

Tuan Yang di-Pertua, minta tolong jawapan pengesahan. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tentang percakapan di antara pegawai dengan Yang Berhormat, ini adalah perkara spesifik. Ini bukan sesuatu yang bertulis, yang saya boleh mengambil tindakan, *this is specific;* syarikat itu bercakap dengan Yang Berhormat*, this is specific*. Tentang perkara yang dibangkitkan dalam Parlimen, sebenarnya isu ini tidak banyak dibangkitkan. *This is the first time* dibangkitkan. Apabila perkara ini dibangkitkan ia menjadi resmi dan tentunya kita akan mengambil tindakan.

Apa yang saya nyatakan tadi tentang tidak ada laporan resmi dibuat, saya hanya memberitahu bahawa ini kedudukannya. Dari segi kementerian kita tidak ada, malah kita telah bertemu dan bercakap dengan orang yang terlibat dalam bidang yang itu, tetapi mereka tidak membuat laporan yang resmi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah bertemu dengan pemegang AP keseluruhannya dan telah memberi arahan resmi, bahawa oleh kerana AP ini adalah perkara yang sementara dan akhirnya akan luput apabila sistem diversifikasi automotif dilaksanakan sepenuhnya supaya mereka menjalankan perniagaan itu sebaik-baik mungkin kerana *this is the ending part of that* AP dan ini telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri. Tentang kajian dan sebagainya, itu kita akan mengambil tindakan; itu tidak menjadi masalah.

3. **Dato' Haji Abdul Rahman Bin Ariffin [Jerlun]** minta Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menyatakan adakah Kementerian bercadang:-

(a) menambah bilangan Institut Kemahiran MARA di kawasan-kawasan luar bandar sehingga mencapai satu Parlimen satu IKM; dan

(b) menambah jenis kursus, bilangan kakitangan pengajar dan bilangan penuntut di IKM kawasan-kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat peranan Institut Kemahiran Mara (IKM) adalah untuk menyediakan kemudahan latihan kemahiran kepada para pelajar lepasan SPM bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan sektor perkilangan dan perindustrian negara di samping melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Pada masa ini dasar kita bangunkan IKM tidaklah kepada setiap Parlimen, ia didirikan berhampiran dengan kawasan perindustrian. Pada masa yang sama MARA juga tidak bercadang untuk menubuhkan IKM pada setiap Parlimen memandangkan setiap Parlimen telah pun ada Giat MARA.

Berpandukan kepada keperluan dan permintaan dari pihak industri, kementerian melalui MARA dari masa ke semasa memperkenalkan kursus-kursus baru. Pada masa yang sama juga kursus-kursus yang sedia ada terus dipertingkatkan dan diubahsuai di semua institusi IKM supaya latihan kemahiran yang ditawarkan sentiasa dinamik dan *carrier oriented* mengikut keperluan semasa. Di samping itu juga MARA sentiasa memastikan bahawa input-input pihak industri diambil kira semasa proses penggubalan kurikulum dan *syllabus* baru supaya dapat kita memenuhi keperluan pasaran tenaga mahir selaras dengan rancangan mewujudkan lebih banyak IKM baru, maka sudah pasti kursus-kursus baru, jumlah tenaga pelajar, kakitangan dan bilangan IKM akan dipertingkatkan.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Terima kasih Timbalan Menteri, cuma di sini saya hendak memperlihatkan secara praktikal. Di Kedah ada tiga IKM mungkin di negeri-negeri lain satu sahaja, dan ada juga Kolej Kemahiran Tinggi MARA di beberapa negeri. Sebagai negeri pertanian, IKM di Alor Setar ditubuhkan dalam tahun 1968, ada empat kursus dan tenaga pengajar hanya 50 orang, Sungai Petani ada 11 kursus dan di Sik ada 7 kursus.

Sebagai sebuah negeri yang bergerak ke arah industri yang asalnya negeri pertanian, saya berpendapat jawapan Timbalan Menteri cukup baik, cuma secara praktikal kemahiran-kemahiran perlu disediakan dan pada hari ini kita nampak lepasan-lepasan IKM ini semuanya mempunyai pekerjaan, tidak ada yang menganggur dan boleh dikatakan sifar walaupun bekerja sendiri 25% daripada tiap-tiap IKM.

Kalaupun tidak ada cadangan menubuhkan IKM di setiap Parlimen ataupun sebagainya, saya mencadangkan mungkin ada pra ataupun cawangan-cawangan IKM ini sebab ia sangat berguna. Kursus-kursus ini perlu ditambah memandangkan keperluan mengikut negeri yang ditubuhkan IKM tadi.

Soalan saya, mungkin adakah pihak kementerian bercadang mempunyai kriteria-kriteria baru supaya diperkasakan lagi IKM ini.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnyalah IKM MARA akan memperkasa lagi penubuhan IKM. Setakat ini kita sudah ada 15 buah IKM iaitu 12 ialah merupakan IKM dan tiga merupakan Kolej Kemahiran Tinggi MARA, itu yang sedang ada di negara kita. Insya-Allah, kita bukan merancang tetapi dalam pembinaan ada 10 buah IKM lagi dan Kedah merupakan di antara negeri yang mempunyai banyak sekali.

Itu sebab saya katakan tadi, pelaksanaan atau pembinaan IKM adalah terletak kepada keperluan sebuah negara itu dan berhubung dengan kursus, sudah tentulah kita menawarkan kursus-kursus mengikut keperluan atau kehendak semasa. Kursus-kursus baru yang sedang kita lakukan ialah di bidang Bio-teknologi, *Oil and Gas, Product and Design, Tools and Dye.* Di samping kursus-kursus yang telah pun kita laksanakan di IKM ialah merupakan kursus dalam seni binaan, perkayuan, *mechanical,* kejuruteraan, automotif, elektronik, tenaga, lukisan pelan dan tekstil, dan juga jahitan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa kebanyakan daripada Institut Kemahiran MARA ini menampung pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik ataupun *drop out* daripada akademik, pertanyaan saya apakah pelajar-pelajar lepasan daripada IKM ini berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka terutamanya dalam bidang teknikal sehingga ke peringkat yang tertinggi iaitu seperti di universiti ataupun di mana-mana institusi di dalam negara ataupun di luar negara.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sememangnyalah kriteria untuk memasuki IKM ialah mereka yang mendapat kredit dalam Bahasa Malaysia dan kredit dalam Sains dan Matematik, yang bersesuaian dengan kursus yang diikuti. Setakat ini, kalau kita tengok dasar pendidikan di MARA, di

GIAT MARA kita tawarkan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM ataupun yang *drop out* SPM atau PMR, yang mempunyai kemahiran atau minat. Yang ditawar di situ ialah sijil, selepas itu kita tawar IKM ataupun KKTM, yang saya maksudkan tadi Kemahiran Tinggi MARA. IKM yang kita ada ialah sijil, KKTM, peringkat tinggi kita tawarkan *degree* atau ijazah.

Di samping itu kita memang ada Universiti KL dan sudah tentulah pelajar ini mendapat peluang untuk mendapat *degree* di Universiti KL, yang menawarkan beberapa kursus-kursus teknikal yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Umpamanya ialah *Malaysian French Institute, British Malaysian Institute* dan kita buat bidang perkapalan yang dinamakan MIMET dan institut-institut lain yang juga termasuk MIAT yang saya rasa itu di antara kursus-kursus yang kita beri pendekatan. Setakat ini, pelajar-pelajar daripada IKM ataupun daripada KKTM telah pun berjaya mendapat pekerjaan-pekerjaan yang baik di pasaran negara kita. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kedudukan pekerja asing tanpa izin pada 28 Februari 2005 yang masih berada di dalam negara dan jumlah menurut pecahan negara yang telah berjaya dihantar pulang dan bagaimanakah langkah kementerian untuk mengisi kekosongan pekerjaan di berbagai-bagai sektor berikutan penghantaran pulang mereka ke negara asal serta kos operasi yang ditanggung.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah, tarikh soalan pada 28 Mac 2005; Yang Berhormat bagi Tangga Batu, tarikh soalan pada 31 Mac 2005; Yang Berhormat bagi Parit Buntar, tarikh soalan pada 5 April 2005; Yang Berhormat bagi Sekijang tarikh soalan pada 5 April 2005; Yang Berhormat bagi Tawau tarikh soalan pada 14 April 2005; Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tarikh soalan pada 18 April 2005; Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tarikh soalan pada 25 April 2005; dan Yang Berhormat bagi Bentong tarikh soalan pada 28 April 2005, kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kerajaan mengadakan program keampunan kepada pendatang tanpa izin, iaitu PTI bermula pada 29 Oktober 2004 sehingga 31 Januari

2005, seramai 380,082 PTI telah pulang ke negara asal. Pecahan mengikut warganegara adalah seperti berikut:

| Negara | Bilangan |
|---|---|
| Indonesia | 330,792 |
| India | 17,465 |
| Bangladesh | 7,890 |
| Nepal | 3,114 |
| Myanmar | 1,917 |
| Vietnam | 1,843 |
| Kemboja | 507 |
| China | 3,251 |
| Sri Lanka | 810 |
| Pakistan | 2,821 |
| Filipina | 7,125 |
| Thailand | 296 |
| Lain-lain | 251 |
| Jumlah Besar | **380,082** |

Kerajaan mengadakan program pengampunan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada PTI pulang ke negara asal secara sukarela tanpa dikenakan tindakan undang-undang dan ia tidak terhad kepada rakyat negara-negara tertentu sahaja. Mereka juga akan dibenarkan kembali bekerja di negara ini dengan syarat mereka mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan pas kerja yang bersesuaian. Bagi memastikan setiap PTI tersebut kembali semula ke Malaysia mengikut lunas undang-undang, setiap PTI yang pulang di bawah program pengampunan telah diambil cap jarinya.

Kerajaan sedar ramai majikan akan merasa kesan akibat daripada kepulangan PTI ini secara beramai-ramai. Berikutan daripada itu, kerajaan membenarkan majikan yang pernah menggaji PTI sebelum ini tanpa mengira sektor, memohon untuk mendapatkan pekerja asing yang sah dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Memandangkan hampir 87% PTI yang pulang ke negara asal adalah dari Indonesia, kerajaan kedua-dua buah negara telah bersetuju menubuhkan 11 pusat-pusat sebumbung, *one roof center* di Indonesia bagi memudahkan majikan mendapatkan pekerja asing dari Indonesia dengan mudah dan cepat.

Setiap PTI yang pulang di bawah program pengampunan tersebut boleh membuat dokumen perjalanan dan lain-lain keperluan yang disyaratkan di Indonesia, di pusat-pusat sebumbung tersebut. Jabatan Imigresen Malaysia juga telah menempatkan pegawai-pegawainya di pusat-pusat sebumbung tersebut bagi memudahkan pengeluaran visa perjalanan sehala. Pusat-pusat sebumbung di Indonesia adalah di Belawan, Dumai, Tanjung Uban, Entikong, Nunukan, Jakarta, Semarang, Surabaya, Lompok, Kupang dan Pari-pari.

Selain daripada itu, Jabatan Imigresen Malaysia juga turut mendapatkan pegawai di Filipina iaitu Zamboanga dan Tawi-tawi bagi memudahkan pengeluaran visa kepada pekerja asing dari Filipina yang terlibat dalam program pengampunan. Bagi pengesahan PTI dari negara-negara sumber yang lain, mereka boleh berbuat demikian di pejabat perwakilan Malaysia di negara tersebut yang akan turut dibekalkan dengan peralatan untuk menyemak cap jari PTI tersebut. Dalam melaksanakan program pengampunan tersebut ia telah dilanjutkan sebanyak dua kali. Pelanjutan program tersebut di bawa atas permintaan kerajaan-kerajaan yang mempunyai ramai rakyatnya berada di negara ini secara tidak sah.

Pelanjutan program tersebut juga telah dibuat atas dasar peri kemanusiaan kerajaan terhadap negara-negara yang menghadapi bencana Tsunami pada 26 Disember 2004 yang lalu. Anggaran sebenar PTI yang masih berada di negara ini tidak diketahui. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memberikan peluang dan tempoh yang mencukupi kepada PTI dan majikan yang menggaji mereka supaya patuh dan taat kepada undang-undang di Malaysia. Mulai 1 Mac 2005, kerajaan mula melaksanakan Ops Tegas yang akan menahan, menangkap dan mendakwa mereka yang ingkar terhadap undang-undang negara. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya percaya masih ramai pekerja asing tanpa izin yang bersembunyi dan mengikut tamat tempoh program pengampunan pada 28 Februari lalu dan mereka ini tidak berhasrat untuk balik ke negara asal mereka tetapi berhasrat untuk terus bekerja di Malaysia. Memandangkan pelbagai sektor ekonomi sudah menghadapi kesan kekurangan atau ketiadaan pekerja asing yang menyebabkan kegiatan perniagaan atau

industri mereka tidak dapat bergerak serta kesukaran dalam mendapatkan bekalan guna tenaga pekerja asing baru lebih cepat dan tidak membahayakan negara.

Apakah kerajaan bercadang untuk menukar dasar sekarang supaya mereka yang bersembunyi menyerah diri dan mereka ini boleh *legalize* untuk diambil bekerja di tempat mereka? Di mana kerajaan boleh mengutip levi yang banyak, dan ini lebih baik dari mengambil pekerja 100,000 dari negara Pakistan yang mana latar belakang mereka tidak diketahui sepenuhnya. Barangkali ini boleh menjadikan mereka menjadi anggota militan yang lain, yang boleh membahayakan keselamatan di negara ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bimbang tentang perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, program pengampunan yang telah dilanjutkan dua kali. Ini bermakna kita telah memberi masa yang mencukupi untuk PTI dan majikan-majikan yang mengkaji PTI supaya PTI, iaitu pekerja asing tanpa izin, boleh balik ke negara asal mereka. Mulai 1 Mac 2005, kita pun telah menjalankan Ops Tegas untuk menangkap, menahan PTI kerana mereka tidak mematuhi undang-undang negara.

Jadi, kepada PTI yang sembunyi atau masih berada di negara kita, kita tidak bimbang untuk mengadakan proses pemutihan. Oleh kerana kerajaan atau kementerian ini sedang melaksanakan sistem bio-matriks, ini bermakna pekerja-pekerja asing tanpa izin yang balik ke negara asal, cap jari mereka hendaklah diambil untuk kegunaan komputer supaya apabila mereka masuk ke negara kita, kita boleh pastikan atau kita pasti kenal pekerja asing yang sudah balik dan masuk ke Malaysia.

Tambahan pula kita membenarkan PTI yang sudah balik dan mereka boleh kembali ke Malaysia untuk bekerja dengan syarat mereka mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Dan, untuk memudahkan mereka balik, tadi saya pun sudah sebut bahawa kedua-dua kerajaan Malaysia dan Indonesia pun telah setuju bahawa sistem sebumbung, *one roof center*, telah ditubuhkan supaya mereka boleh dapat dokumen-dokumen yang diperlukan dan cara mudah dan cepat. Kita bukan hendak tolak pekerja asing supaya mereka tidak boleh balik ke Malaysia untuk bekerja.

Jadi, saya rasa apa yang kita buat sekarang telah memberi masa yang mencukupi. Isu proses pemutihan yang kita timbangkan pada masa ini. Terima kasih.

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Salah satu faktor PTI yang balik ini tidak dapat datang balik ke Malaysia adalah kerana kos yang begitu tinggi untuk masuk ke negara kita. Kita ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah mewujudkan *one roof center* untuk memudahkan PTI ataupun pekerja asing masuk ke negara kita. Untuk mengatasi masalah kos dan memudahkan pekerja-pekerja asing dapat menjalankan tugas mereka dalam negara kita, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu agensi induk khas untuk menguruskan pengambilan dan pertukaran pekerja-pekerja asing dalam negara kita. Kerana seperti kita sedia maklum dalam masa ini pengurusan pekerja asing diuruskan oleh agensi-agensi pekerjaan swasta, persendirian dan ini sedikit sebanyak menyusahkan apabila pekerja asing itu hendak menukar tempat kerja ataupun hendak mendapat kerja yang lain, jabatan perlu memproses balik permohonan tersebut. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu agensi agar kerajaan sendiri dapat memudahkan pengambilan pertukaran, tak payah susah-susah majikan hendak memohon dua, tiga kali untuk mendapat kebenaran. Saya minta penjelasan.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini majikan boleh buat permohonan terus kepada kementerian ini untuk mendapatkan pekerja asing. Pada masa sekarang untuk mendapatkan pekerja asing di mana di bawah Program Pengampunan, kementerian ini boleh luluskan permohonan dalam masa dua puluh empat jam. Ini bermakna kita telah memproseskan permohonan secara cepat.

Untuk menubuhkan satu agensi supaya pekerja asing atau untuk memudahkan majikan supaya mereka tidak menghadapi masalah, ini kita boleh timbang, tetapi ikut sistem sekarang memanglah ada kesan dan ada masalah yang dihadapi oleh kementerian ini adalah di bawah sistem sebumbung *(one roof center)* di mana Kerajaan Indonesia telah mengutip caj dengan amaun yang besar, di mana pekerja asing yang telah balik ke negara asal mereka memang susah hendak bayar. Jadi, kita sudah pun meminta pihak Kerajaan Malaysia supaya mengurangkan atau meng*adjust*kan, supaya pekerja asing boleh balik ke Malaysia secara cepat. Imigresen Malaysia telah

menempatkan pegawai-pegawainya di pusat-pusat sebumbung. Ini bermakna kita boleh keluarkan visa kepada mereka.

Jika pekerja asing yang hendak tukar sektor, katakan dia sekarang berkhidmat atau bekerja di sektor perladangan, bila majikan hendak pekerja asing bekerja di sektor pembinaan, pihak majikan boleh membuat permohonan dan kita akan *proceed* secara cepat.

5. **Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memasukkan perbuatan menghidu gam salah satu perbuatan penyalahgunaan dadah dan boleh disabitkan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Krau di atas soalan yang dikemukakan. Bagi menjawab soalan tersebut pada masa ini belum ada peruntukan undang-undang untuk mensabitkan mereka yang menghidu gam atau bahan-bahan lain yang menghayalkan seperti petrol dan sebagainya. Justeru, mereka yang dikesan terlibat dalam aktiviti ini tidak dapat didakwa di mahkamah atau diminta menjalani rawatan dan pemulihan.

Kerajaan memang mempunyai perancangan untuk menjadikan perbuatan menghidu gam dan bahan-bahan yang mengkhayalkan sebagai satu kesalahan yang boleh disabitkan di bawah undang-undang. Bagaimana pun, kementerian ini sedang mengkaji beberapa undang-undang dari negara lain seperti di Singapura – Intoxicating Substances Act 1987 dan di Brunei Undang-undang Perintah Darurat (Bahan-bahan Yang Mengkhayalkan) 1991 boleh dijadikan panduan menggubal undang-undang di negara kita.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih di atas jawapan Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, saya difahamkan bahawa perbuatan menghidu gam dan bahan-bahan khayal seperti petrol dan termasuk juga perbuatan menghidu najis binatang, seluar dalam dan sebagainya. Apa sahaja yang boleh menimbulkan khayal boleh menyebabkan kerosakan yang teruk terutamanya kepada otak dan menyebabkan seseorang tersebut tidak menjadi siuman. Ada juga kes yang

menyebabkan membunuh kaum keluarga sendiri termasuk bapa dan juga adik-beradik yang lain akibat daripada perbuatan menghidu gam ini.

Soalan tambahan saya adakah kajian telah dibuat bersama dengan Kementerian Kesihatan, sejauh manakah perbuatan menghidu gam dan bahan-bahan khayal seperti petrol dan juga perkara-perkara yang saya sebut tadi boleh menjejaskan kesihatan. Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkataan 'menghidu' gam dan bahan-bahan yang mengkhayalkan seperti petrol memang ada menjejaskan kesihatan kepada penghidu *(inhalant).* Mengikut kajian yang dibuat oleh Bahagian Kementerian Kesihatan, di mana laporannya telah diperolehi oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, bahawa kesan yang dialami oleh penghidu gam atau petrol yang mana bahan ini telah dikaji oleh pihak Bahagian Pendidikan, Kementerian Kesihatan iaitu kesan dari jangka singkat ialah *disorientation*.

Kedua, kehilangan kawalan diri, tidak sedar diri, sawan, kurang penyelarasan gerakan otot, reflex atau gerakan yang berkurangan ataupun *depress reflexes*, hidung berdarah, mata merah dan nafas berbau, bengkak dan pening kepala selama beberapa hari.

Bagi jangka panjang pula, kesan yang dialami oleh penghidu *(inhalant)* ialah letih lesu, pucat, kehilangan daya ingatan, kehilangan daya untuk berfikir dengan jelas dan waras, kedahagaan, kesusahan, kesusutan badan, bengkak, perasaan teraniaya, pengurangan pembentukan cel darah dalam sum-sum tulang. Itulah kesan-kesan yang telah dikenal pasti dalam penyelidikan oleh Bahagian Penyelidik, Kementerian Kesihatan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Gam biasanya dikaitkan dengan dadah. Penagihan gam ini akan menjurus kepada ketagihan dadah, dan dadah adalah satu bahan semula jadi ataupun bahan kimia yang diguna, yang mempunyai pengaruh dan mempunyai kesan kepada pembangunan fizikal dan mental dan akan menjurus kepada ketagihan.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan akta bahawa gam ini masih lagi tidak digubal dan masih lagi tidak dilaksanakan di negara kita, saya

mempunyai beberapa faktor dan angka di mana ada tangkapan yang dibuat, sehingga tahun 2004 sebanyak 47 kes tangkapan telah dibuat kepada pembawa ataupun penagih gam, petrol dan bahan-bahan khayal yang lain. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas klausa manakah tahanan ini dibuat dan apakah hukuman yang telah diberikan kepada mereka yang telah ditahan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang saya nyatakan bahawa buat masa ini belum ada peruntukan undang-undang yang membolehkan tindakan diambil ke atas penghidu-penghidu gam, petrol ataupun bahan-bahan yang mengkhayalkan. Bagaimana pun, terdapat angka-angka seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, sebenarnya sebanyak 41 orang yang dikenal pasti yang mana kebanyakannya adalah dari kalangan pelajar. Ini yang dikesan semasa pihak polis membuat penahanan terhadap seseorang yang disyakki memiliki dadah. Jadi, dalam masa pemeriksaan bahawa pihak berkuasa mendapati mereka memiliki gam. Dan daripada kejadian ataupun kes-kes yang dikesan itulah bahawa pihak berkuasa merekodkan data berkaitan pihak-pihak yang terlibat dalam menghidu gam ini.

6. **Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah orang Filipina khasnya pendatang asing tanpa izin (PATI) yang telah berkahwin dengan orang tempatan di Sabah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menyatakan jumlah sebenarnya orang Filipina khasnya pendatang asing tanpa izin yang telah berkahwin dengan rakyat tempatan Sabah. Ini kerana urusan kumpulan perkahwinan ini dilakukan oleh beberapa agensi, dan ada di kalangan agensi ini di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Agensi-agensi yang terlibat ialah Majlis Agama Islam Sabah, Jabatan Pendaftaran Sabah, Institusi Gereja. Dan yang menyulitkan ada di kalangan mereka ini apabila berkahwin tidak mendaftar dengan mana-mana agensi yang tersebut.

Mengikut statistik yang ada di bawah rekod Jabatan Pendaftaran Sabah mulai tahun 2001 sehingga 2004 selama empat tahun rakyat Sabah yang telah berkahwin dengan warganegara asing adalah seperti berikut:

| **Tahun** | **Lelaki** | **Perempuan** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|
| 2001 | 2,160 | 4,107 | 6,267 |
| 2002 | 2,359 | 4,844 | 7,203 |
| 2003 | 1,824 | 4,893 | 6,717 |
| 2004 | 1,199 | 5,096 | 6,295 |

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang kita tidak menafikan bahawa ramai orang asing ini sudah beristeri dan juga bersuami khasnya di Sabah. Tetapi apa yang kita ingin mendapat pandangan daripada kerajaan ataupun ketegasan daripada kerajaan ialah sepanjang 'Operasi Tegas ini ramai yang ditinggalkan tanpa suami dan tanpa isteri dan lebih-lebih lagi anak-anak mereka yang ditinggalkan sedang menderita. Apakah rancangan kerajaan untuk menangani masalah ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Sebenarnya kita mempunyai masalah untuk menangani masalah ini kerana di Sabah ada empat buah tempat untuk menempatkan pendatang asing ini. Pendatang asing ini kebanyakannya berada di enam tempat iaitu di Teleput, Kenarut, Kampung Bahagia di Sandakan, Kampung Hidayat di Tawau, Kampung Selamat di Semporna dan Kampung Muslim di Labuan. Kebanyakan mereka ini di bawah pengiktirafan United Nation bahagian pelarian dan kebanyakan mereka ini berkahwin di antara mereka sendiri. Apabila operasi ini kita lakukan kita tidak boleh berbuat apa-apa kerana ini adalah di luar bidang kuasa kita. Kita hanya boleh menahan mereka ini untuk menghantar balik ke negeri-negeri yang berkenaan.

7. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan memandangkan daripada 190,000 para graduan, masih lagi ada 140,000 graduan yang gagal membayar pinjaman pelajaran, mengapa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional tidak awal-awal mengambil tindakan yang tegas sehingga pinjaman yang tidak dikutip meningkat kepada RM7 bilion.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, Saya memohon menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Parit Buntar pada 24.3.2005, Ahli Yang Berhormat Lanang pada 29.3.2005, Ahli Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Permatang Pauh pada 7.4.2005, Yang Berhormat Tuaran pada 11.4.2005, Yang Berhormat Bandar Kuching pada 12.4.2005, Yang Berhormat Serian dan Yang Berhormat Jerai pada 14.4.2005 dan Yang Berhormat Kota Melaka yang dijadualkan pada 19.4.2005 memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga 31.12.2004, seramai 618,044 pelajar yang mengikuti pengajian di IPTA dan IPTS di seluruh negara telah pun menerima pinjaman PTPTN yang melibatkan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM7.9 bilion. Jumlah pinjaman ini perlu dibayar dalam tempoh dari 10 hingga 20 tahun. Dari jumlah tersebut seramai 189,231 orang pelajar telah pun menamatkan pengajian pada tahun 1999 sehingga tahun 2004 melibatkan jumlah pinjaman yang sepatutnya dikutip sebanyak RM420 juta dan bukan RM7.9 bilion sebagaimana telah ramai salah faham. Namun sehingga 31.12.2004 hanya sejumlah RM90 juta telah berjaya dikutip ataupun 22.2.% daripada jumlah kutipan sebenarnya. Untuk makluman hanya seramai 31,385 pelajar iaitu 16.6% telah mula membuat pembayaran balik. 19,973 pelajar atau 10.6% telah pun diluluskan penangguhan pembayaran kerana masih belum bekerja manakala baki seramai 137,873 pelajar atau 7.9% tidak memberi *respond* kepada surat atau notis yang dihantar oleh PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini PTPTN telah pun melaksanakan berbagai-bagai langkah seperti berikut bagi meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN iaitu:

(i) penghantaran notis arahan bayaran balik kepada setiap peminjam yang telah pun tamat pengajian serta mengeluarkan notis peringatan atau *demand* dengan izin juga telah dihantar kepada peminjam yang ingkar.

(ii) memperbagaikan saluran pembayaran balik pinjaman seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, penggunaan kaedah perbankan *internet* dan

perkhidmatan kaunter beberapa bank iaitu Maybank. RHB Bank, Bank Islam dan Bumiputera *Commerce* Bank.

(iii) mengadakan perkongsian maklumat dengan agensi kerajaan lain bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai peminjam seperti nama, alamat dan nama majikan.

(iv) mengadakan taklimat dan pameran secara berkala kepada semua pelajar IPT mengenai kewajipan dan tanggungjawab mereka untuk membayar balik pinjaman.

(v) pemberian intensif berbentuk rebat kos perkhidmatan sekiranya menyelesaikan hutang lebih awal dari jadual yang sepatutnya.

(vi) membenarkan peminjam untuk membuat bayaran ansuran lebih rendah sekiranya kurang berkemampuan.

(vii) meminta kerjasama majikan untuk memberikan maklumat kepada PTPTN mengenai maklumat pekerja yang mempunyai rekod pinjaman dengan PTPTN.

(viii) mengadakan laman web *interactive* bagi memudahkan peminjam menyemak maklumat seperti status pinjaman penyata kira-kira dan sebagainya.

(ix) mengkaji kemungkinan melantik pemungut hutang untuk mengesan dan memungut balik pinjaman.

(x) mengambil tindakan mahkamah kepada peminjam ingkar selepas semua usaha lain bagi mendapatkan pinjaman menemui kegagalan.

(xi) menyalurkan senarai peminjam ingkar dengan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh SITOS Sdn.Bhd. dan Centrol Credit Reference Information System dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, melalui tindakan-tindakan ini saya berkeyakinan bahawa PTPTN mampu untuk memastikan peratusan jumlah kutipan balik pinjaman PTPTN akan terus meningkat. Strategi dan usaha yang berpanjangan ini akan memupuk kesedaran di kalangan semua peminjam bagi menjelaskan bayaran pinjaman sebagai

salah satu tanggungjawab dan kewajipan mereka untuk generasi akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai yang mengemukakan soalan ini antaranya ialah Yang Berhormat Jerai. Saya minta Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah, dapatlah juga di penghujungnya. Kita telah mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bayaran balik. Saya hendak tanya satu soalan. Pertamanya saya difahamkan ada Akujanji di antara peminjam dengan pihak PTPTN ini. Sama ada Akujanji telah berkuatkuasa atau tidak. Kedua saya ingin tahu sama ada ibu bapa adakah penjamin atau tidak kepada anak yang memohon pinjaman kerana saya difahamkan MARA dulu ada. Kita mengambil ibu bapa sebagai penjamin. Kalau anak itu tidak bayar hutang kepada PTPTN maka orang tua ini akan dapat notis. Selalunya ibu bapa dia akan mula berleter kepada anaknya supaya membayar hutang. Ataupun bila hendak turunkan harta pusaka, hak dia tu suruh pergi bayar hutang kepada PTPTN pun boleh juga. Jangan suruh wakil rakyat, kami tidak boleh. Anak kami sendiri pun dah tak larat nak jamin dah.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, orang yang ambil pinjaman PTPTN ini dan kalau tidak bayar mereka ini adalah orang yang tidak bertanggungjawab. Bagaimanakah mereka hendak menguruskan negara ini pada masa akan datang kalau mereka sendiri tidak bertanggungjawab. Pihak kementerian kena akur dan beritahu kepada mereka bahawa mereka adalah pemimpin di masa akan datang. Buat kepungan kerana zaman sebelum ini, saya sudah tengok beberapa program Yang Berhormat telah cadangkan memang salah satunya ialah untuk mengutip balik. Saya kira kalau kita kutip balik boleh. Kalau mereka boleh beli kereta dan rumah takkanlah hendak membayar hutang pinjaman tidak boleh.

Apakah perancangan-perancangan jangka masa panjang dan saya minta kalaulah KWSP hendak beri pinjaman tidak mengapa, berilah. Janganlah ada NGO tahan, yang pergi pelajar itu pun anak mereka juga, anak-anak ahli NGO itu pun juga yang simpan duit dalam KWSP. Apa salahnya main dalam negeri bukannya kita pinjam dari luar negara. Itulah yang hendak saya sampaikan dan saya pada pandangan saya

apakah kementerian akan mengambil ibu bapa sebagai penjamin? Kalau tidak ada ibu bapa abang atau adik sebagai penjamin kepada pinjaman PTPTN ini. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi sokongan agar KWSP terus memberi pinjaman kepada PTPTN.

Setakat ini kita tidak mensyaratkan supaya ibu bapa atau saudara mara peminjam memberi jamin akan bayar balik dalam kontrak PTPTN ini. Ini disebabkan kita dapati kalau kita letakkan syarat-syarat mungkin ada peminjam tidak dapatkan jaminan tersebut. Tetapi untuk kontrak antara peminjam dan PTPTN, ia telah pun dikuatkuasakan, dalam kontrak tersebut semua peminjam setelah enam bulan tamat pengajian mereka, mereka perlu membayar balik segala pinjaman. Malangnya, ada bilangan pelajar yang tidak bertanggungjawab dan kita amat kesal dengan sikap tersebut dan kita sedang mengambil tindakan yang disenaraikan tadi untuk meningkatkan kutipan balik pinjaman. Sekian, terima kasih.

8. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah bentuk tindakan yang akan diambil kerajaan bagi menangani kontroversi majikan-majikan yang tidak melangsaikan bayaran gaji kepada pekerja-pekerja asing tanpa izin daripada Indonesia.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] pada 28 Mac 2005 kerana ia berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, pekerja asing tanpa izin ataupun PATI sebenarnya tidak dibenarkan bekerja di negara ini atau memasuki sebarang kontrak pekerjaan dengan mana-mana majikan kerana kehadiran mereka di negara ini adalah secara tidak sah. Namun demikian, atas perasaan perikemanusiaan, kementerian ini telah berusaha membantu PATI yang terlibat mendapatkan tunggakan gaji mereka yang belum di bayar.

Sehubungan itu, kementerian ini telah memaklumkan perkara ini kepada Kedutaan Besar Republik Indonesia dan PATI yang terlibat supaya melaporkan kes mereka kepada kementerian ini untuk bantuan dan tindakan. Pihak Kedutaan Besar

Republik Indonesia telah mengemukakan senarai tuntutan daripada PATI Indonesia yang tidak di bayar gaji. Jumlah majikan yang dilaporkan adalah sebanyak 51 majikan dan melibatkan seramai 1,148 pekerja. Daripada 51 majikan hanya 34 majikan mempunyai butiran yang lengkap, jumlah wang yang terlibat dianggarkan RM2.4 juta.

Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia [JTKSM] akan berusaha membantu menangani kemelut ini, agar semua majikan membayar gaji dengan cara memanggil dan menasihati mereka. Walau bagaimanapun, ia mungkin mengambil sedikit masa untuk diselesaikan memandangkan:-

(i) pengadu adalah pendatang tanpa izin dan dipercayai telah pulang ke Indonesia;

(ii) ada di antara alamat majikan yang tidak lengkap;

(iii) tuntutan mungkin dipertikaikan oleh majikan dan penyelesaian terpaksa dibuat melalui proses Mahkamah Buruh

(iv) pengadu tidak pernah hadir ke Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sumber Manusia untuk membuat aduan rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan syarikat yang tidak membayar gaji pekerja asing yang sah, kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia menangani perkara ini dengan menguat kuasa Akta Kerja 1955 , yang mana merupakan salah satu mekanisme dan digunakan oleh kerajaan untuk mengawasi penggajian pekerja tempatan dan juga asing untuk memastikan mereka mendapat gaji dan layanan yang adil serta mengelak mereka daripada dieksploitasi oleh pihak majikan.

Jabatan Tenaga Kerja memastikan pekerja asing mendapat bayaran tunggakan gaji mereka daripada majikan sebelum mereka balik ke negara asal. Di bawah seksyen 19 Akta Kerja 1955, majikan yang gagal membayar gaji pekerja tidak lewat daripada hari ke tujuh selepas hari terakhir bagi mana-mana tempoh gaji adalah merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan apabila sabit kesalahan, denda tidak melebihi RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahi-ahli Yang Berhormat kebanyakan PATI enggan tampil ke hadapan untuk mengemukakan aduan kerana mereka tidak mempunyai bukti atau rekod mengenai pekerjaan mereka, berbanding dengan pekerja asing yang sah mereka tidak mempunyai masalah untuk mengemukakan aduan sama

ada secara individu ataupun melalui kedutaan masing-masing. Walau bagaimanapun, jika aduan di terima daripada PATI kementerian ini akan berusaha mendapatkan majikan yang terlibat supaya menyelesaikan bayaran tunggakan gaji kepada PATI yang terlibat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat:** Terima kasih, Timbalan Menteri. Saya ada soalan tambahan ini berkenaan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia bahawa terdapat dua syarikat yang tidak membayar gaji kepada pekerja asing ini, dan bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan syarikat tersebut dan apakah status kedudukan terkini daripada pembayar gaji kepada mereka? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sebenarnya sebagaimana yang dinyatakan tadi 51 syarikat, tetapi apabila dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri KSM dahulu, masa itu ada dua syarikat, setelah di buat kajian, setelah didengar secara lebih lanjut terdapat 51 syarikat.

Dua syarikat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia itu, pertama, Syarikat Construction Seri Mega Jaya Sdn. Bhd. yang melibatkan pekerja seramai 90 orang, gaji yang sepatut dibayar sebanyak RM247,500, tetapi yang sudah dibayar sebanyak RM95,000, baki gaji yang tidak dibayar RM152,500. Alasan tidak dibayar kerana pekerjaan mereka tidak sempurna tetapi tidak didukung oleh bukti yang kukuh ataupun dengan fakta-fakta yang lebih kemas dan pihak pekerja syarikat ini telah pun membuat laporan kepada polis iaitu di Sungai Buloh, Selangor dan juga telah pun dibuatkan laporan ini sebanyak dua kali dan juga telah menyampaikan kepada pihak pemerintah dan juga kepada pihak Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai dengan syarikat ini,

Yang keduanya ialah Syarikat Pembinaan Abdul Malik, gaji yang patut dibayar sebanyak RM28,500, sudah dibayar RM6,000, gaji sisa yang belum dibayar RM22,000 dan telah dibayar kepada *subconnya* tetapi *subcon* tidak membayar kepada pekerjanya.

Pekerja yang bermasalah ini kebanyakannya telah pun pulang dan kita tidak dapat *trace* mereka ini. Oleh hal yang demikian, kita sedang berusaha untuk

menghubungi kedua-dua syarikat ini supaya gaji pekerja-pekerja ini dapat dibayar oleh kedua-dua syarikat ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menamatkan urusan soalan lisan pada hari ini untuk kita bergerak kepada urusan yang lain. Sila.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## USUL

## MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

> "Bahawa suatu ucapan tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;
>
> Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas." [22 Mac 2004]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat Ayer Hitam menyambung semula ucapan.

**11.20 pagi**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, semalam dalam mukadimah, saya telah menyentuh usaha kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan, baik di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah dan saya juga menyatakan bahawa kewujudan SJKC, SJKT merupakan satu realiti yang berasaskan kepada kontrak sosial. Maka, pada pagi ini saya ingin meneruskan apa yang saya katakan semalam. Semalam, saya terbaca satu kenyataan akhbar yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, begitu jelas sekali dalam usaha kita memperkasakan sekolah kebangsaan, kita tidak meminggirkan aliran yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan mesyuarat]***

Ini satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan beliau juga menyentuh bahawa beliau telah menerima arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahukan beliau untuk berlaku adil kepada semua sekolah-sekolah yang ada di Malaysia. Saya

menyambut baik kenyataan ini kerana saya melihat inilah cara kita mengurus negara kita dengan baik dan di sini saya ingin mengutarakan beberapa masalah yang telah lama diutarakan oleh rakan-rakan yang lain. Salah satunya dalam kita membincangkan tentang keperluan SJKC di sekolah, di tempat-tempat yang padat penduduk, jangan lupa soalan-soalan yang telah kita bangkitkan sebelum ini iaitu mengenai kekurangan guru. Kekurangan guru di SJKC merupakan satu masalah yang rumit juga di mana saya dapati daripada statistik terdapat 2,550 orang yang sedang menunggu untuk diambil menyertai latihan perguruan berasaskan sekolah yang dahulunya dikenali sebagai ADC. Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diatasi dengan cepat.

Di samping itu, satu masalah lagi yang kita rasa perlu penyelesaian segera ialah kita membantu sekolah-sekolah yang daif. Sebelum ini saya mendengar hujah-hujah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak, keadaan yang daif, sekolah kebangsaan, sekolah Tamil. Saya rasa kita perlu membantu semua sekolah ini dari segi pembangunan, dari segi bangunan tidak selamat, kita kena selamatkan, daripada bangunan yang kita rasa sudah usang, sudah uzur, kita kena melakukan sesuatu kerana ini adalah sekolah-sekolah yang turut menyumbang kepada pembangunan *human capital,* iaitu nilai insan yang hendak kita tunjulkan sekarang ini. Jadi, modal insan yang saya rasa adalah satu perkara yang telah dititik beratkan oleh pucuk pimpinan kerajaan kita. Dalam pada itu, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya melihat perkara ini, peruntukan kepada sekolah bantuan penuh, baik bantuan pemodal, perlulah kita salurkan untuk kebaikan negara kita.

Jadi, di sini juga saya ingin menyambut baik saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran pada tahun 80an. Beliau telah ilhamkan satu projek iaitu rancangan integrasi murid untuk perpaduan. Walau pun telah lebih 20 tahun berlalu nampaknya inilah masanya kita memikirkan satu cara untuk menghidupkan rancangan atau projek yang dinamakan *'Remote'* ini . Saya rasa, sampailah masanya kita mempertingkatkan usaha untuk memupuk integrasi antara pelajar SJKC dengan sekolah-sekolah aliran yang lain termasuk SK dan SJKT melalui penglibatan bersama dalam aktiviti kokurikulum.

Kita rasa terpanggil dan tidak lama lagi kita akan mengadakan satu kempen secara beramai-ramai untuk mengadakan *Projek Remote* ini di 55 tempat. Kita rasa

terpanggil kerana kita mahu mempertingkatkan tahap perpaduan di antara pelajar-pelajar kita melalui penglibatan kokurikulum. Saya rasa saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini harus kita sambut dengan baik harus kita susuli dengan tindakan yang setimpal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang sekolah kebangsaan, iaitu sekolah menengah kebangsaan yang sebelum ini tidak lagi di bincang secara panjang lebar. Apa yang kita lihat sekarang ramai daripada SJKC, SJKT, lepasan SJKC, SJKT ini memasuki sekolah menengah kebangsaan lebih daripada 90% dan kita melihat 90% ini adalah satu angka.......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu, Tangga Batu bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Nanti sat, biar saya habis sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekolah menengah kebangsaan ini adalah satu tempat kita dapat bergaul, anak-anak kita dapat bergaul berinteraksi dengan baik dan saya sedihlah apabila saya belajar di sekolah menengah kebangsaan, saya nampak dari masa ke masa wujudnya pergaduhan antara kaum, ini dan itu. Saya rasa kita kena mengawal keadaan ini, kita kena menitik beratkan bertapa pentingnya perpaduan di sekolah menengah kebangsaan.

Dalam pada itu, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan, dengan bantuan Jabatan Perpaduan Negara yang sebelum ini dilihat sebagai satu badan yang diberi tanggungjawab penuh untuk mengendalikan Rukun Tetangga. Nampaknya fungsi jabatan ini kenalah dipertingkatkan supaya seiring dengan Jabatan Pendidikan Pelajaran di semua tempat, untuk kita sama-sama mengerakkan program ataupun khemah kerja yang menekankan perpaduan nasional. Itulah perkara yang kita hendak buat dan kita minta supaya kita melibatkan diri bersama untuk ke memperkasakan sekolah menengah kebangsaan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu, sila.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sebenarnya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat perenggan yang terdahulu, apabila Yang Berhormat mula masuk perenggan

yang baru saya hendak bertanya yang terdahulu. Apabila Yang Berhormat banyak menyebut *quote-quote* dan sebagainya antaranya yang menyebut Yang Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk berlaku adil kepada pembangunan fizikal dan juga spiritual bagi sekolah-sekolah kita. Apakah pandangan Yang Berhormat apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan Menteri Pelajaran untuk berlaku adil dan selama ini tidak ada keadilan akan berlaku.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Mencelah]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Jadi, itu satu belum lagi, itu satu. Yang kedua, Yang Berhormat, saya dapat lihat juga kalau kita hendak lihat dari segi kemajuan pendidikan dan pelajaran, kita ada sistem penilaian dan sistem penilaian ini kita dapat lihat berlaku pada darjah enam, tingkatan tiga, tingkat lima, tingkatan enam di peringkat UPSR, PMR, SPM dan STPM dan sistem penilaian ini diiktiraf bukan sahaja di negara kita bahkan di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sistem penilaian atau ukuran ini diiktiraf untuk menunjukkan kemajuan seorang pelajar itu di dalam pembangunan (JERI) - Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek. Ini empat perkara. Jadi, dengan keadaan yang kita ada pada hari, keamanan, ketenteraman dan keharmonian negara hari ini, adakah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam berpandangan sistem pendidikan kita selama ini telah menunjukkan satu kejayaan yang cemerlang dan harus diteruskan? Jadi, isu-isu yang dibangkitkan tadi seolah-olah menampakkan banyak kecacatan dan tidak menghasilkan kejayaan yang kita harapkan. Sila Yang Berhormat bagi Air Hitam, komen.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya, petikan yang saya ambil itu adalah melalui surat khabar Cina semalam, yang mana Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada awalnya telah mengatakan dalam kita memperkasakan sekolah kebangsaan kita juga tidak mengabaikan sekolah yang lain. Dalam petikan ini juga disebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memesan atau mengarahkan Yang Berhormat Menteri berlaku adil. Ini tidak bermakna, Menteri Pelajaran yang baru kita ini tidak berlaku adil. Cuma satu ingatan dan saya rasa selama ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah berlaku adil pada semua pihak dan saya rasa kita mahukan pemimpin ini terus untuk membela nasib kaum-kaum,

semua kaum-kaum di Malaysia dan mereka juga dapat pendidikan yang baik supaya negara kita menjadi satu pusat kecemerlangan akademik, baik di antarabangsa ataupun di rantau ini.

Dan, satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, mengenai keputusan. Saya pernah menerima pendidikan di negara jiran, Singapura untuk peringkat sarjana. Saya melihat sistem pendidikan Malaysia ini memang baik, diperakui, kalau tidak negara jiran tidak terima saya, produk tempatan. Saya juga lihat ramai yang pergi ke sana, ada yang saya lihat keputusan cemerlang daripada Malaysia ini menjadi satu sasaran negara jiran di mana mereka anggap rakyat Malaysia ini memang cemerlang dalam akademik. Dari sinilah kita dapat melihat pencapaian akademik, sistem pendidikan kita baik tetapi apabila kita memuji sistem pendidikan kita baik, bukan sahaja baik, kita mahu ianya lebih cemerlang. Apa perkara yang boleh diperbaiki, ada ruang untuk memperbaiki, kita hendak memperbaiki.

Kalau kita dapat mempraktikkan apa yang telah saya katakan tadi, saya yakin kita akan cemerlang, gemilang dan terbilang. Itulah hasrat kita untuk mencapai satu mutu pendidikan yang tinggi. Jadi, itulah yang saya hendak sentuh tentang soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kita bersetuju kalau kita katakan bahawa sekolah-sekolah, sama ada sekolah jenis kebangsaan ataupun sekolah kebangsaan, merupakan satu penyumbang kepada polarisasi kaum di negara kita. Sekolah kebangsaan dianggap sebagai sekolah Melayu, SJKC sekolah Cina, SJKT sekolah India.

Yang Berhormat telah menyebutkan cadangan untuk mengurangkan jurang perkauman di sekolah menengah kebangsaan iaitu dengan khemah-khemah kerja dan sebagainya. Itu cadangan yang baik. Jadi soalan saya, bagaimana pula di SJKC? Apakah cadangan Yang Berhormat untuk memperbetulkan persepsi yang salah dan untuk mengurangkan jurang perkauman melalui SJKC tadi? Apakah cadangan Yang Berhormat? Apa program yang patut dibuat di sekolah itu supaya tidak timbul masalah jurang tadi? Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sebenarnya kita telah meneliti perkara ini. Seperti mana yang saya katakan, satu projek yang dinamakan Rancangan Integrasi Murid Untuk

Perpaduan - ini adalah ilham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran dan banyak perkara yang telah disentuh, bagaimana kita dapat menggalakkan interaksi antara pelajar-pelajar melalui penglibatan kokurikulum. Sebab itulah pada bulan depan kita akan memulakan satu kempen secara *pilot* – kita buat satu projek di 55 buah sekolah. Kita akan mulakan projek ini sebagai satu *pioneer project* dan kita hendak menggerakkan sekolah-sekolah ini supaya mereka dapat mempereratkan silaturahim dengan murid-murid yang belajar di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Tamil dan sama-sama kita hendak melihat pencapaiannya.

Saya yakin dengan cara ini masing-masing mungkin mereka menerima pendidikan formal di sekolah masing-masing tetapi penglibatan di dalam kokurikulum dari kecil lagi, kalau kita melentur buluh biarlah dari rebung, dan kita hendak orang-orang ini supaya mereka kenal bahawa mereka ini adalah anak Malaysia yang taat setia kepada negara ini dan selepas itu mereka kena masuk ke Sekolah Menengah Kebangsaan dan kita melihat masalah masyarakat ini daripada perspektif yang lebih meluas dan tidak melihat daripada sudut perkauman. Saya rasa dengan adanya projek ini kita akan mulakan dan kita hendak meninjau kejayaan. Apa yang boleh kita perbaiki akan kita perbaiki. Itulah respons saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita dengar soalan daripada Yang Berhormat bagi Bera, seolah-olahnya polarisasi berlaku kerana wujudnya SJRK(C). Saya rasa polarisasi mesti ada dua pola dan tidak boleh berlaku kerana satu unsur sahaja. Kenyataan ini seolah-olah menunjukkan bahawa kerana wujudnya SJRK(C), maka timbulnya polarisasi kaum. Saya tidak bersetuju dengan andaian ini. Kalau kita mengadakan program integrasi bukan sahaja untuk SJRK(C) tetapi ia mesti juga dijalankan di SJRK(T) dan juga Sekolah Rendah Kebangsaan. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Apa yang saya faham daripada sahabat karib saya, Yang Berhormat bagi Bera tadi mengatakan realitinya dia nampak majoriti masuk ke Sekolah Kebangsaan untuk yang berbangsa Melayu, Cina masuk ke SJK(C) dan India masuk ke SJK(T) dan ini satu realiti

dan kita sudah terima ini adalah sesuatu yang wujud di dalam sistem kita ini. Bagaimana kita mempertingkatkan interaksi, integrasi, itu persoalannya. Yang kita hendak tangkap adalah soal pokoknya – bagaimana kita hendak memupuk semangat.

Saya lihat polarisasi ini dari beberapa dimensi. Dimensi pertama yang saya lihat adalah di antara kaum itu sendiri. Mungkin mereka menerima pendidikan yang sama tetapi mempunyai fahaman yang berlainan dan sekarang hubungan di antara kaum itu juga merupakan satu perkara yang penting daripada kita menyebut tentang perpaduan sesama kaum selepas itu kita perlu memperluaskannya dalam konteks perpaduan masyarakat majmuk. Sebab itulah saya melihat *remote* adalah satu projek. Biarlah kita bersabar memberi sedikit masa dan meninjau kejayaan. Itu topik pertama. Saya minta izin untuk beralih kepada isu yang kedua.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga bangun, Yang Berhormat, hendak bagi yang mana?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Ketereh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya terpanggil untuk bangun kerana tidak ramai atau tidak banyak bandar yang ada sekolah menengah swasta Cina. Di Ketereh ada Sekolah Menengah Swasta Chong Hwa, terbesar di Kelantan .... ooh, mungkin kedua terbesar di kawasan saya. Sekolah menengah ini wujud di tengah-tengah rumpun orang Melayu, di kelilingi orang Melayu di bandar Kok Lanas, dan orang kampung di Kelantan pula. Sekolah ini telah wujud sejak tahun 1978 dan tidak ada masalah.

Semasa saya menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri dulu, saya pernah melawat sekolah ini dan memberi bantuan kepada sekolah ini – *court badminton*nya, *court basketball*nya dan juga komputer. Cuma yang saya hendak minta Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ialah saya selalu dipanggil oleh sekolah-sekolah dalam

kawasan Parlimen saya untuk merasmikan Mesyuarat Agong PIBG tetapi Sekolah Menengah Chong Hwa ini tidak pernah panggil.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan kita mesti menuju kepada satu arah. Semua orang hendak menuju ke situ – baik DAP, baik MCA, baik UMNO, baik PAS hendak menuju ke arah perpaduan dan itu yang kita hendak capai. Tetapi kalau kita *keep harping*, dengan izin, *on this issue*, kita tidak akan ke mana.

Jadi saya hendak minta kerjasama Yang Berhormat membantu saya supaya sekolah ini juga turut memanggil kita untuk ke sana kerana masyarakat tempatan di Ketereh menerima sekolah ini, menerima kewujudan budak-budak pandai daripada kalangan kaum Cina yang datang ke sekolah ini dari seluruh negara, kita terima dengan baik. Waktu malam mereka ini keluar makan mi goreng, mi celup dan penjual-penjualnya adalah orang Melayu, tidak banyak orang Cina pun dan mereka hidup dengan aman damai, tidak pernah ada terdengar peristiwa buruk dalam sekitar masyarakat Melayu di Kelantan. Ini menunjukkan masyarakat Malaysia menerima hakikat bahawa perkara ini perlu diteruskan, cuma *both sides have to consider*, tidak usah kita hendak memperbesarkan isu yang sebenarnya kecil, tetapi kecil kalau sampah dalam mata kalau dibesarkan ia akan menjadi besar.

Yang saya hendak minta ialah supaya sekolah ini turut sama melibatkan saya sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk datang ke sekolah ini secara rasmi untuk melihat perkembangan sekolahnya dan memberi tahu masyarakat ramai bahawa kewujudan mereka ini diterima. Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Inilah sikap Ahli Parlimen yang bertanggungjawab dan berjiwa rakyat Malaysia dan inilah satu contoh yang terbaik, teladan yang perlu kita ambil dan saya berjanji kepada Yang Berhormat untuk meyakinkan pihak sekolah supaya mempelawa Yang Berhormat untuk menghadiri majlis-majlis yang diaturkan oleh pihak sekolah dan kalau perlu saya bersama-sama Yang Berhormat dengan rakan-rakan yang lain kita akan pergi bersama-sama dan kita mahu berinteraksi dengan siapa sahaja asalkan ia adalah warganegara Malaysia.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Teng Boon Soon:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga lagi yang bangun, Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih. Saya ingin minta pendapat dari Yang Berhormat. Kalau kita menggunakan pengalaman kita di Sarawak, begitu banyak sekolah Rendah Chong Hwa di Sarawak bergantung kepada murid-murid dari kaum lain, lebih-lebih lagi dari kaum Iban dan kaum Melayu kerana tidak cukup murid dari kaum Cina. Di sana kita tidak ada s*uspicion* tentang SRJK(C) oleh sebab kita nampak ia sebagai satu alat untuk menentukan kehidupan kita pada masa hadapan lebih sempurna untuk kita berkawan dengan kaum Cina supaya kita tahu macam mana mereka menjadi lebih maju dan keduanya, kita hendak menggunakan bahasa Mandarin itu nanti untuk pergi ke Johor, pergi ke Singapore, pergi ke Hong Kong untuk mendapat pendapatan yang lebih lumayan.

Dan juga pertanyaan dari Yang Berhormat tadi telah terjawab dan hari semalam Yang Berhormat mengatakan *syllabus* itu memang disusun, diatur, dikawal oleh kementerian. Dan saya juga telah mengambil bahagian dalam penggubalan sukatan pelajaran dalam bahasa Iban, semua isi itu dikawal rapi dan unsur-unsur kewarganegaraan dan integrasi nasional memang dikawal dengan rapi.

Jadi saya syorkan untuk lebih meyakinkan kita, kita minta mungkin bahasa Cina ini diajar di sekolah menengah hingga Tingkatan 6 dan menentukan guru-guru yang dibekalkan di sekolah menengah adalah guru yang terlatih dan guru yang berwibawa supaya kita semua mempunyai keyakinan. Oleh sebab rungutan pada masa sekarang ialah guru kita tidak mencukupi. Guru kita tidak begitu terlatih, guru bahasa Cina tidak begitu berpengalaman, hinggakan ada sepupu saya yang keturunan Iban, dia mengajar di Seremban tidak dapat balik ke Sarawak kerana kononnya di Seremban guru bahasa Cina tidak mencukupi. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman, Sri Aman memang arif dengan masalah yang dihadapi oleh masyarakat khususnya di Sarawak dan saya melihat di SJKC sekarang terdapat 70,000 pelajar bukan Melayu. Dan kebanyakannya di Sabah dan Sarawak saya nampak SJKC majoritinya adalah bukan Cina. Ini adalah satu keadaan yang tidak dapat kita bayangkan sebab itulah saya mengatakan bahawa SJKC adalah merupakan salah satu sistem pendidikan yang ada pada kita, dan bagaimana kita nak memperkukuhkan sukatan itu. Dan sukatan memang *uniform*, kita terima dari kementerian dan selepas itu apa yang kita hendak menyemai di sanubari anak-anak kita itu adalah satu perkara yang penting.

Saya bersetuju dengan Sri Aman yang mengatakan bahawa kalau boleh kita membekalkan guru untuk mengajar sampailah ke Tingkatan 6 bagi mata pelajaran Bahasa Cina, itu bukan masalah. Tetapi realitinya ialah kita kena mengambil tahu tentang kekurangan guru di SJKC dan apatah lagi kalau orang ini hendak dipinjamkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan untuk mata pelajaran tersebut. Dan saya rasa kalau boleh kita melihat perkara ini adalah *advantage* kepada diri kita. Kalau kita dapat buat benda itu saya yakin seperti mana Titah Diraja, kekuatan kita adalah kerana ada kepelbagaian kaum, agama, bangsa dan bahasa. Saya rasa itu adalah kekuatan yang patut kita gunakan sebaik mungkin. Jadi itulah jawapan saya terhadap apa yang telah ditanya oleh Sri Aman.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua Yang Berhormat, nak bagi Kuala Terengganu?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tebrau dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, nak bagi yang mana dulu?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tebrau, Tebrau dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tebrau dahulu, Kuala Terengganu.

**Tuan Teng Boon Soon:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Hitam, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya nak balik kepada kenyataan yang

dibuat oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi, yang mengatakan sistem pendidikan negara kita adalah merupakan satu sistem yang cukup baik, tapi saya rasa sistem pendidikan negara kita masih mempunyai kelemahan, satu kelemahan yang cukup ketara iaitu ia terlalu mencondong kepada peperiksaan, *exam oriented.*

Kita menilai pelajar-pelajar kita melalui beberapa peperiksaan sahaja, kita menilai prestasi seseorang murid sekolah rendah itu melalui UPSR, kemudian PMR, kemudian SPM, dan seterusnya STPM. Untuk menilai hasil pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja murid dan juga kerja guru-guru, jadi kita tiada mempunyai insentif yang cukup untuk mereka bagi tujuan pembentukan sahsiah. Membentuk insan yang lebih baik, yang bertanggungjawab, yang bersifat integriti, yang bersifat kemasyarakatan, saya rasa itu lebih penting, aspek-aspek yang perlu juga dan dipentingkan, diutamakan selain daripada prestasi akademik.

Jadi bersetujukah Yang Berhormat Ayer Hitam bahawa sistem pendidikan kita perlu diperbaiki dari aspek penilaian sahsiah seseorang pelajar itu selain daripada prestasi akademik yang cemerlang?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau, sebenarnya kalau kita menyebut sistem pendidikan baik di Malaysia, Singapura dan negara-negara serantau. Di negara Asia ini sebenarnya, kita tidak seperti negara-negara Barat. Peperiksaan juga adalah sesuatu perkara yang wajib untuk dijadikan sebagai kayu pengukur prestasi akademik pelajar-pelajar. Dan kita belum sampai ke tahap yang mana kita boleh menilai selain daripada peperiksaan mungkin 50%, 50% kepada penilaian melalui sahsiah. Itu adalah sesuatu perkara yang subjektif, tetapi percayalah bahawa Kerajaan Malaysia, tahun lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kita tidak hendak '*book worm',* dengan izin, kita nak pelajar-pelajar yang cemerlang tetapi mereka ini juga aktif dalam aktiviti kokurikulum sebab itulah pada tahun depan, semua pelajar yang nak memasuki IPTA, mereka hanya boleh setakat mencapai mata maksimum 90% daripada markah untuk memasuki IPTA, yang 10% itu mestilah dicapai melalui aktiviti kokurikulum. Itu satu pembaharuan dan saya rasa kita dapat mengemaskinikan sistem ini dan dari masa ke semasa ini menyebut tentang sistem pendidikan ia adalah sesuatu yang bukan statik.

Ianya berubah dari masa ke semasa dan melihat keperluan. Dan saya yakin dari masa ke semasa kita kena menambah baik sistem kita demi kebaikan dan apa yang kita nak capai itu adalah pendidikan yang bermutu.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga yang bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kuala Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu. Yang lain sila duduk.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya kira apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Ayer Hitam itu sesuatu yang cukup penting bagi kita untuk kita membina generasi masa depan. Sebentar tadi Yang Berhormat telah menyebut tentang perkataan menyemai, memang sekolah kita adalah merupakan tapak semaian generasi akan datang. Apa yang berlaku dalam sistem pendidikan kita, apa yang berlaku di sekolah kita adalah menentukan wajah dan watak generasi masa depan.

Jadi ini adalah satu perkara yang amat penting, jadi di atas sifatnya sebagai tapak semaian itu, maka kita tidak akan dapat lihat kesannya secara *instant,* kesannya adalah 20 tahun, 30 tahun akan datang. Bagaimanakah kita menyemainya, maka itu yang kita tuai suatu hari nanti. Bagaimana kita semai, itulah yang akan kita tuai. Ini disebut dalam buku-buku sebagai *"The Law of Harbours".*

Jadi dalam konteks ini kita harus membuat keputusan-keputusan yang benar dan betul berdasarkan kepada pemikiran-pemikiran yang keseluruhan dengan mengambil kira persepsi dan realiti masyarakat kita. Satu perkara yang menarik perhatian tadi adalah tentang kecemerlangan akademik yang Yang Berhormat Ayer Hitam sebut tadi.

Sebenarnya kecemerlangan akademik itu masih belum menjanjikan usaha kita untuk memupuk perpaduan, kemesraan, *conscience* ataupun rasa hati mesra itu. Yang penting ialah kita harus melihat manusia itu secara keseluruhan, apa yang disebut sebagai *'whole person paradigm',* dengan izin. Erti bukan sahaja semata-mata dari segi *mind*nya sahaja, dari segi otaknya sahaja, dari segi kognitifnya sahaja, namun harus dilihat dari segi *body*nya, dari segi jasadnya, dari segi hatinya, dari segi *spiritual*nya, dari

segi emosinya dan dari segi sosialnya. Maka oleh hal yang demikian, saya bersetuju tadi apabila Yang Berhormat Tebrau menyentuh tentang pembangunan manusia secara keseluruhannya. Dan di sini juga kalau sekiranya sistem kita terlalu *exam oriented,* maka saya kira ini terlalu menekankan kepada produk sahaja. Sedangkan pendidikan ini adalah merupakan satu proses yang berpanjangan,

Maka, saya kira cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat tadi, saya kira harus disesuaikan dalam konteks falsafah pemikiran pendidikan itu. Terima kasih.

**Ir. Dr . Wee Ka Siong:** Terima kasih, itu memang pandangan bernas dan saya memang sangat setuju tentang kecemerlangan akademik tidak menjanjikan apa-apa. Sebenarnya kita perlu ada anjakan paradigma. Di mana kita jangan melihat pelajar yang cemerlang itu adalah bakat-bakat yang bakal menerajui kepimpinan. Prestasi baik dalam akademik tidak bererti seorang itu pemimpin yang baik. Jadi bagaimana kita hendak melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab, jujur dan juga dapat melaksanakan apa yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka, orang-orang ini maka saya rasa kita kena melihatnya dari secara total lebih holistik pendekatannya. Yang Berhormat bagi Bentong

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Bentong.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tebrau tadi yang menyatakan bahawa sistem pendidikan kita sekarang ini terlalu memberatkan peperiksaan dan menjadikan pendidikan itu satu bebanan bukan satu perkara yang menarik untuk membolehkan anak-anak kita mencari ilmu. Apakah cadangan Yang Berhormat, untuk menggubal membolehkan bahawa sekolah rendah, dan sekolah menengah menjadi satu tapak semaian anak-anak kita mencari ilmu untuk belajar sesuatu dengan lebih menarik lagi dan bukan seperti sekarang ajarannya secara menyuap kepada anak-anak kita menyebabkan mereka merasa beban.

Dalam satu kenyataan Yang Berhormat tadi untuk memperkasakan sekolah menengah. Dalam hubungan ini saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Aman yang menyatakan bahawa pendidikan bahasa ibunda dalam sekolah menengah itu perlu dititik beratkan. Pada masa sekarang, kita dapati bahawa banyak

kelas bahasa ibunda di luar jadual sebenar pelajaran di sekolah menengah menyebabkan ramai daripada anak-anak kita sekarang yang ingin belajar bahasa ibunda pergi ke sekolah-sekolah menengah yang mempunyai jadual kelas bahasa ibunda dalam jadualnya.

Oleh itu menyebabkan kesesakan sesebuah sekolah itu dan sesebuah sekolah yang lain yang tiada kelas ibunda menjadi kurang minat murid untuk masuk ke sekolah tersebut. Oleh itu apakah cadangan Yang Berhormat sama ada kementerian dapat pastikan bahawa arahan dapat diberikan kepada semua sekolah pastikan bahawa pengetua itu perlu mengarahkan kelas bahasa ibunda diadakan. Tidak payahlah tunggu sampai 15 orang murid sudah ada, hendak tulis rayuan kepada pengetua baru hendak adakan kelas bahasa ibunda. Itu yang berlaku sekarang dan menyebabkan banyak dari segi birokratik menyebabkan banyak halangan kepada pengajaran bahasa ibunda dalam sekolah menengah. Minta penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya ingin memberi respons kepada dua perkara. Yang pertama mengenai kelas bahasa ibunda yang dijalankan pada waktu petang. Seperti mana yang pernah saya sebutkan tadi, sebenarnya di SJK(C) itu sendiri kekurangan guru dan kita nampak 250,000 guru sandaran menunggu giliran untuk memasuki kursus dalam cuti ataupun yang telah dinamakan dengan nama baru LPBS dan kita menunggu. Saya yakin perkara ini telah dilihat secara serius oleh pihak Kementerian dan kalau kita dapat membekalkan guru-guru yang memang mempunyai pengetahuan yang cukup yang berpengalaman untuk mengajar bahasa ibunda. Boleh kita melakukannya dan kita membekalkannya kepada sekolah menengah kebangsaan yang diperlukan.

Berbalik kepada arahan daripada Jabatan Pendidikan, Jabatan Pelajaran kepada pengetua-pengetua sekolah. Sebenarnya setahu saya arahan itu memang ada. Selagi ada pelajar-pelajar yang membuat permohonan, maka pihak sekolah perlu memikirkannya dan saya juga faham, dalam usaha kita memperkasakan sekolah menengah kebangsaan, salah satu perkara, salah satu komponennya adalah untuk memperkenalkan bahasa ibunda, baik bahasa Tamil, bahasa Cina, bahasa Arab di dalam sekolah kebangsaan itu sendiri. Tidak silap saya empat kuliah dalam bahasa ibunda di peringkat sekolah rendah dan dua kuliah seminggu di sekolah menengah kebangsaan. Saya rasa itu adalah satu perkara yang baik. Tetapi dari segi

implementasi, pelaksanaannya adakah kita cukup dan kita harus melihat ini dari sudut perancangan staf-staf yang berpengalaman.

Saya rasa itu adalah perkara yang pertama. Kedua, mengenai sistem pendidikan yang ada di sini. Saya rasa memang saya mengakui bahawa kita memang *exam oriented*. Tetapi kalau kita hendak memansuhkan *exam oriented*, apakah alternatif yang ada pada kita? Adakah kita boleh merangka satu sistem penilaian yang lebih komprehensif, tidak menekankan pentingnya peperiksaan itu sendiri dan bagaimana kita hendak mencapai. Saya rasa ianya memerlukan satu kajian yang menyeluruh, kalau tidak orang akan mempertikaikan kenapa keputusan saya terbaik tetapi tidak diterima masuk ke IPTA. Itu mungkin menjadi satu perkara yang dipertikaikan. Jadi, sebelum kita ada sistem yang baik, apakah cara kita hendak buat penilaian, boleh kita bincang dalam forum yang lain. Saya ingin beralih ke isu yang kedua mengenai bencana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sepanggar bangun.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Menyentuh mengenai penyemaian perpaduan di sekolah-sekolah, adakah Yang Berhormat setuju sekiranya satu sistem di mana dalam setiap sekolah ini kita harus mempunyai guru-guru ataupun pendidik-pendidik itu dalam berbilang kaum supaya penyemaian itu betul-betul mencerminkan bahawa satu sekolah itu ada berbilang kaum. Sekian.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kita kena melihat keperluan. Saya mengambil contoh di SJK(C). Kalau kita boleh menempatkan guru-guru bangsa Iban, kadang-kadang lebih senang untuk mereka membuat penerangan kepada murid-murid kalau mereka mahu masuk ke sekolah mungkin tidak faham sangat bahasa itu. Jadi saya rasa itu bergantung kepada keperluan di tempat-tempat. Kalau boleh secara dasarnya saya rasa kerajaan tidak ada hasrat atau tiada satu niat mensyaratkan satu sekolah itu hanya terhad kepada guru daripada satu kaum. Itu bukan hasrat atau niat Kementerian. saya nampak sekolah yang ada sekarang mempunyai komposisi guru mengikut kaum yang ada di Malaysia. Itu bukan satu masalah.

Saya ingin alih kepada isu mengenai bencana Tsunami. Saya memang sangat setuju dengan titah diraja bahawa Kerajaan Malaysia telah melakukan yang terbaik untuk mangsa-mangsa Tsunami dan kita berasa sedih atas apa yang telah berlaku pada 26 Disember, tetapi dalam kita memuji kerajaan menjalankan kerja-kerja yang baik, kita telah membelanjakan RM62 juta untuk membina rumah-rumah dan peralatannya dipenuhkan dan kita juga telah menggalakkan orang ramai untuk menyumbang untuk Tabung Tsunami, itu adalah perkara yang mengagumkan kita. Nampaknya masyarakat kita memang ada sifat penyayang.

Tetapi di samping kita memikirkan perkara positif ini, sesuatu perkara yang perlu kita ambil iktibar ialah bagaimana terjadinya bencana Tsunami dan bagaimana kita respons kepada apa yang telah berlaku. Seperti mana yang kita sedia maklum, sebenarnya *International Coordination Group for the Tsunami Warning System* dengan izin yang mempunyai 26 ahli daripada negara-negara termasuklah negara jiran kita Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, Korea dan China. Mereka telah mendapat maklumat mengenai akan datangnya Tsunami pada hari itu. Saya mengambil contoh. Pada 26 Disember 2004, ICG yang saya maksudkan tadi di Hawaii telah menyebarkan amaran awal melalui Buletin Boardnya 001 pada 7.05 pagi. Amaran gempa bumi 8 *magnitude Scale Richter* dan kemungkinan Tsunami telah dikesan pada waktu itu. Selepas 10 min 7.15 pagi ianya telah berubah dan telah disemak kepada *magnitude* gempa bumi kepada gempa bumi 9 *magnitude scale richter* dan kemungkinan berlakunya Tsunami.

Persoalannya sekarang, kalau negara-negara jiran telah dimaklumkan tentang perkara ini, kenapa kita di Malaysia ini tidak tahu? Adakah kita ini diasingkan daripada mereka, ataupun mereka sudah terima pun tidak tahu macam mana hendak membaca ataupun mereka sendiri pun tidak kisah sangat kerana itu bukan satu perkara yang dalam bayangan kita pun, ianya akan berlaku Tsunami. Saya rasa ini adalah satu perkara yang berlaku di luar. Ingin saya menyatakan di Dewan ini, 12 stesen pemantauan gempa bumi yang dipunyai oleh Jabatan Kaji Cuaca Malaysia, telah mengesan wujudnya episod gempa bumi.

Tetapi yang sedihnya, tiada interpretasi keputusan yang diterima dan ianya telah terus dihantar kepada media. Dan dimanakah silapnya. Adakah kita membeli sesuatu sistem tetapi tidak ada kepakaran untuk membuat interpretasi. Itu memang bahaya. Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]]:** Ya Pontian.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan sahabat saya daripada Ayer Hitam, adakah kenyataan Yang Berhormat bahawa negara jiran kita telah maklum mengenai dengan indication dengan izin, tentang datangnya bencana yang boleh disebut sebagai Tsunami. Tetapi oleh kerana Malaysia ini, tidak menjadi anggota dalam ICG, maka kita tidak mendapat maklumat itu dalam bentuk yang serupa dengan negara-negara jiran.

Jadi Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa, ini bererti bahawa pegawai-pegawai kita yang ditugaskan untuk menterjemahkan sesuatu amaran untuk dijadikan sebagai garis panduan bagi menyusun tindakan-tindakan seterusnya oleh kerana pegawai itu tidak mempunyai pengalaman, tidak mempunyai pengetahuan yang terkini untuk menterjemahkan sehingga kita tidak dapat mengambil langkah-langkah awal, itu satu. Yang kedua, atas konsep jiran yang baik. Saya lihat Malaysia ini kadang kala, bila jiran-jiran kita, menghadapi kesulitan berada dalam keadaan kesusahan, negara kita cepat mengambil tindakan untuk membantu. Jadi adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa, kurang semangat kejiranan daripada negara-negara jiran yang menjadi anggota dalam ICG, apabila mereka menerima, gambaran awal daripada ICG tentang kemungkinan berlakunya Tsunami ini. Apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak berani membuat spekulasi bahawa, negara jiran tidak memberitahu kita secara sengaja. Yang saya hendak kemukakan persoalan di sini ialah, adakah mereka sudah tahu dan sendiri tidak dapat menginterpretasikan keputusan tersebut, atau mereka tidak ada semangat Asean dan tidak memaklumkan kepada Malaysia. Kerana terjadinya Tsunami, adalah 2 jam selepas kita mendapat amaran ataupun indication daripada pusat yang memberi amaran awal. Ini yang pertama. Yang kedua, oleh kerana memang tepat, Malaysia bukan merupakan ahli

kepada International Coordination Group for The Tsunami Warning System. Ini adalah satu masalah kerana mereka hanya menyampaikan maklumat kepada negara-negara yang menjadi ahli. Kalau bukan ahli mereka tidak menerima informasi melalui *buletine board.*

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua Yang Behormat bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya, biar saya terangkan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan dahulu Yang Behormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jadi kita kena fikir, sekarang Malaysia sudah berubah, kita telah ada kenangan pahit, kita telah mengalami satu masalah yang besar pada hujung tahun yang lalu, dan inilah masanya kita memikirkan, kita perlu mengadakan satu hubungan yang baik dengan negara-negara jiran.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** *[Bangun]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Dan selepas ini akan saya cadangkan bagaimana hendak membuat benda ini. Yang soal pokoknya, Malaysia wajib menjadi ahli kepada pertubuhan ini demi memperolehi maklumat. Kerana kita nampak sekarang, pusat-pusat yang memberi amaran awal itu di Oregon, Alaska, Hawaii, tidak lama lagi ianya akan diwujudkan satu di Indian Ocean, dan ini adalah satu perkara yang kita perlu tahu dan kalau kita mendapat kesemua maklumat ini, saya yakin kita boleh bertindak lebih cepat apatah lagi kalau ada 2 jam untuk bersedia. Silakan.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat. Sebenarnya pada 26 Disember 2004, saya tidak pergi ke mana-mana, oleh kerana masa Hari Krismas, dan saya nampak, *warning* itu telah diflash melalui CNN, setiap setengah jam dari awal lagi, jadi kita tidaklah, saya rasa boleh menyalahkan negara-negara jiran kerana tidak memberi tahu kita lebih awal, kerana kita semua telah difahamkan tentang kejadian itu melalui CNN.

Yang menjadi soalan, mengapa apabila pegawai-pegawai berkenaan yang melihat itu tidak membuat *check.* Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat, tentang apa

yang kita harus buat apabila kita melihat *news flash* seperti ini walaupun ia tidak melalui saluran rasmi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan mesyuarat]***

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat, itu memang soalan yang *relevant*. Saya, telah lantang mengatakan bahawa saya tidak membuat sebarang spekulasi tentang ada niat sabotaj kita. Tidak. Tetapi kita kena melihat perkara ini dan mencari satu penyelesaian. Maka dengan ini akan saya cadangkan beberapa perkara: -

(i) Malaysia mesti menyertai ICG, sebagai satu anggota yang boleh menerima maklumat daripada pusat-pusat yang memberi amaran awal kepada kita tentang berlakunya gempa bumi ataupun tsunami.

(ii) Kita kena wujudkan Asian Disaster Sharing Information System.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ini adalah satu perkara yang memang baik, apabila negara-negara Asean terima sahaja, sudah wujudnya satu *networking,* di mana kita maklumkan antara satu sama lain. Seperti kita melihat kalau jiran kita rumahnya terbakar, kita maklumkan dengan cepat, walaupun ianya belum lagi sampai ke rumah kita. Jadi itu adalah semangat Asean. Jadi kita kena wujudkan…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, Tangga Batu.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap. Kita kena wujudkan *Asean Disaster Sharing Information* untuk tujuan itu. Yang ketiga, apa yang saya katakan tadi, Jabatan Kaji Cuaca secara konvensinya menganggap gempa bumi tidak akan berlaku di Malaysia. Kita membuat anggapan dan kita membuat *assumption* begitu tetapi setelah berlakunya Tsunami, kita sedar sekarang, kita perlu wujudkan satu unit untuk kita mengawal dan mencegah Tsunami.

Tindakan-tindakan, ataupun respons yang kita buat selepas Jabatan Kaji Cuaca menerima dan untuk itu saya menyarankan kepada kerajaan, supaya kita dapat melatih pakar-pakar atau kita menggaji pakar-pakar, yang memang arif dalam bidang ini, supaya

mereka dapat membuat interpretasi, keputusan yang telah direkod. Di Malaysia kita ada 12 stesen, kita dapat rekod, tetapi tidak ada orang yang boleh membaca interpretasi. Kalau tidak ada interpretasi, apa guna kita ada alat. Dan itulah persoalannya, kita hendak memantapkan sistem kita, bukan sahaja ada peralatan, kita hendak orang kita juga faham bagaimana kita hendak merespons apabila berlakunya sesuatu bencana.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Behormat, Tangga Batu.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang terakhir sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Behormat hendak memberi laluan atau tidak.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya. Ya. Biar saya habiskan yang ini, nanti Yang Berhormat mungkin boleh tanyalah. Kita kena memperkenalkan konsep amaran awal atau persediaan melalui pendidikan, iaitu kita kena bersedia dan selepas itu, kita mesti membangkitkan satu kesedaran di kalangan anak-anak kita.

Saya mengambil contoh di Jepun, anak-anak mereka di tadika, apabila mereka masuk ke sekolah mereka diajar. Terdapat gegaran bumi sahaja, mereka akan menyorok atau bersembunyi di bawah meja. Dan mereka ini tahu bagaimana hendak respons. Tetapi di Malaysia, apabila kita melihat ombak besar, kita hendak pergi tengok, itulah bezanya reaksi kita dengan rakyat Jepun. Jadi itulah antara kuliah *Disaster Awareness and Reaction* yang perlu kita memperkenalkan sepertimana yang pernah diadakan di negara Jepun. Jadi itulah yang saya hendak memperkatakan tentang cadangan-cadangan untuk memperbaiki perkara ini. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Kita sepatutnya berterima kasihlah ataupun bersyukur kepada Tuhan kerana telah menyediakan kita satu benteng yang besar, terselamat daripada bencana Tsunami dan benteng yang besar itu adalah Pulau Sumatera, Maluku, Banda Aceh dan beberapa tempat lagi. Cuba bayangkan kalau Pulau Sumatera tidak mendinding kita daripada bencana Tsunami yang berlaku pada 26 Disember, Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti saya yang tinggal di Kelebang lebih kurang 500 meter daripada pantai hari ini terpaksa disedekahkan al-Fatihah.

Jadi begitulah lebih kurang apa yang ingin saya berkongsi dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ialah tentang *RCC - ASEAN Disaster Sharing Information System*. Baru-baru ini pada 6, 7 dan 8 Mac terdapat satu *summit* yang dipanggil *Lake Toba Summit* yang membincangkan tentang *Rehabilitation and Reconstruction After Tsunami,* post Tsunami kepada negara-negara yang terkena, yang menjadi mangsa kepada ombak Tsunami ini. *Summit* ini dianjurkan oleh *UN System* di bawah Network Regional Government For Sustainable Development (NRGFSD).

Ketika *summit* berlangsung, Presiden Susilo Bambang Yudoyhono telah pun merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah bersama-sama membantu turun ke padang di dalam melegakan mangsa-mangsa Tsunami ini.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, yang menyedihkan pula dengan semangat perkongsian tadi itu apabila dipanggil wakil daripada negara kita, kebetulan ketika itu saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka di bawah Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam yang memang aktif di dalam membantu mangsa-mangsa Tsunami di Aceh, Sri Lanka dan beberapa tempat lagi, wakil daripada negara kita tidak hadir ke perhimpunan tersebut untuk berkongsi pengalaman dan untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran ketika menghadapi bencana Tsunami ini.

Jadi di sini kalau kita lihat secara terperinci mungkin kita tidak mempunyai satu mekanisme ataupun sistem di mana benda sudah berlaku depan mata, peristiwa sudah berlaku depan mata, kena batang hidung kita pun kita masih lagi mengambil sikap "*take for granted*" ataupun mengambil mudah. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat yang tadi seolah-olah menuding jari lebih kepada negara-negara jiran, hari ini kita terpaksa pula menunjuk kepada diri kita yang sebenarnya kita tidak proaktif, malah tidak aktif pun di dalam bagaimana kita hendak menangani bencana ini di masa hadapan. Silakan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey. Yang pertama saya ingin menyatakan bahawa saya tidak berhajat menuding jari kepada mana-mana negara jiran, saya sudah jelaskan sebanyak tiga kali. Yang kedua, kita nampak kelemahan kita apabila berlakunya sesuatu masalah kita akan bertindak secara *ad hoc*, ianya tidak berterusan. Jadi apa yang saya khuatir sekarang selepas Tsunami kita sudah lupa dan kita hendak

mengambilnya sebagai satu iktibar seperti mana yang dikatakan tadi, kita tidak ada wakil yang menghadiri satu persidangan yang begitu penting. Jadi saya rasa kita kena memantapkan sistem kita. Kalau tidak, kita akan lupakan selepas sesuatu kejadian itu mungkin berlalu selama tiga bulan, kita akan terus lupa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya ingat ini soalan penghabisanlah, selepas itu boleh beralih subjek lainlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak beralih subjek lain atau minta Yang Berhormat bagi Ayer Hitam beralih?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya minta dia beralih subjek lain selepas menjawab soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tsunami ini kita tidak kenal, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita tidak masuk dalam zon gempa bumi, Tsunami dan sebagainya, tidak masuk. Nasib baik hari itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak diberitahu ombak besar akan datang. Kalau diberitahu, ramai orang pergi ke pantai hendak tengok macam mana ombak tinggi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Termasuk Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Termasuk Sri Gading, termasuk Pulai *[Ketawa]* pasal orang tidak tahu. Pasal dalam sangkaan orang Malaysia, ombak ini punya kelakuan atau kelaziman ialah dia pukul pantai selepas itu dia balik. Kita tidak pernah tengok pun ada ombak kejar sampai lima kilometer ke darat, tidak pernah. Nasib baik tidak diberitahu, orang tidak tahu. Orang Malaysia ini ingin hendak ambil tahu. Kalau dia tahu ombak besar setinggi pokok kelapa datang, semua ramai-ramai datang ke pantai, boleh jadi ratus ribu yang mati. Nasib baik, nasib. Jadi saya ingat kita tutupkan cerita Jepun dan sebagainya, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Cukup, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya patuh, terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya benar sebelum berlaku kejadian mentaliti kita macam itu, tetapi setelah dilanda Tsunami kita kena ubah mentaliti kita. Itu perkara yang ingin saya tekankan.

Beralih kepada isu pembangunan, di sini saya ingin meminta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya kita sama-sama memperjuangkan satu perkara. Kita lihat siling Rancangan Malaysia Kesembilan telah ditetapkan pada angka RM150 bilion berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelapan di mana terdapat RM170 bilion. Ini secara kasarnya kita melihat penurunan sebanyak RM20 bilion tetapi kalau kita merujuk kepada pakar-pakar ekonomi sebenarnya peruntukan ini merupakan 30% berkurangan berbanding dengan dahulu. Kenapa begitu? Kerana nilai semasa pada tahun 2000 berbeza dengan peruntukan pada tahun ini yang akan digunakan pada tahun depan. Itu kita kena ambil kira.

Ini bermakna penguncupan sebanyak 30% dan kita lihat dari segi pertumbuhan ekonomi kita, kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi lebih daripada 6% dan tahun lalu 7%. Kita lihat eksport kita ke luar negeri telah meningkat setiap kali dibentangkan Laporan Ekonomi. Kita lihat juga dari segi KDNK kita meningkat. Tetapi apabila kita menyebut tentang peruntukan kepada RMK9, ianya menunjukkan satu penguncupan sebanyak 30% dan inilah realitinya.

Saya memang tertarik dengan Titah Diraja bahawa kita hendak memberi penekanan kepada negeri Sabah dan Sarawak tetapi persoalannya apabila wujudnya penguncupan sebanyak 30%, hendak bagi yang sedia ada pun tidak cukup, bagaimana kita hendak memperbanyakkan peruntukan untuk negeri-negeri tersebut. Saya merayu kepada rakan-rakan sekalian dan kita sama-sama memperjuangkan, minta kerajaan kaji semula. Ini bukan satu angka yang realistik. Kita kena mempertingkatkan lagi *threshold* ataupun nilai siling yang telah ditetapkan.

Kalau tidak, Sabah dan Sarawak akan tetap ketinggalan. Kita hendak lihat dari segi kos pembangunan atau kos pembinaan, kita lihat kadar-kadar yang kena bayar, gaji

dahulu dengan sekarang berlainan dan perkakas yang kita gunakan itu juga naik harga, besi keluli dan sebagainya naik harga.. Kesemuanya perlu diambil kira dan akhirnya apa yang berlaku nilai sebenar cuma 50% daripada apa yang kita capai dalam RMK8. Itu satu perkara yang memang perlu diberi perhatian khusus dan sama-sama kita menanganinya dengan bijaksana.

Di sini juga saya ingin mengemukakan kepada kerajaan, saya rasa fungsi Kementerian Kewangan adalah untuk kita memantapkan sistem kewangan negara ini. Saya nampak dalam RMK8 Kementerian Kewangan dibebankan dengan kerja-kerja memantau kontrak apabila...

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey, Yang Berhormat bagi Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya amat bersetuju siling peruntukan RMK9 perlu dikaji dan melihat tentang kesesuaian, apatah lagi apabila dalam Titah Ucapan Diraja menyentuh tentang keterbelakangan Sabah dan juga Sarawak untuk disamaratakan dengan negeri-negeri di Semenanjung. Dalam keadaan yang sedemikian itu pun, dalam keadaan di mana siling itu terpaksa dalam keadaan begitu disebabkan keadaan ekonomi, saya melihat bahawa pegawai-pegawai pemegang harta ataupun dana ini boleh melihat keutamaan untuk diberikan kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Dengan berpandukan kepada dana yang ada sekarang ini, kita melihat persoalannya sama ada dana itu ditambah tetapi pemikiran kita masih kepada keadaan yang lalu di mana Sabah dan Sarawak itu ditinggalkan dan dikecilkan peruntukan dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Keutamaan yang tidak nampak, kesukaran yang tidak dilihat oleh pegawai-pegawai kerajaan yang memegang dana ini untuk melihat keutamaan diberi kepada negeri Sabah dan Sarawak.

So, persoalannya, sama ada dana itu mencukupi, siling itu diperbesarkan. Pada masa yang sama, sikap pegawai yang memegang dana ini harus diubah, disesuaikan dengan kehendak dan keperluan negeri Sabah dan Sarawak, yang sekarang ini nyatanya tidak ada kesedaran di kalangan bukan sahaja di kalangan Ahli Parlimen, wakil rakyat tetapi di kalangan pegawai tinggi, di kalangan Seri Paduka Baginda, yang dengan sendiri telah meletakkan keperluan yang harus diambil untuk menyamaratakan kehendak pembangunan untuk negeri serta Sabah dan Sarawak. Sebab itu Yang Berhormat, saya melihat cadangan untuk memperbesarkan siling itu satu cadangan yang baik tetapi pada masa yang sama sikap, pandangan yang lebih khusus terhadap masalah yang dihadapi oleh kita semua harus disemai, diterapkan di dalam pemikiran mereka yang memegang dana ini. Saya ingin penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Kalau siling itu tidak diubah, sampai ke tua pun Sabah dan Sarawak tidak akan menikmati peruntukan yang bertambah kerana kita lihat realitinya kos meningkat tetapi peruntukan itu turun hampir separuh. Jadi, ini adalah satu perhitungan yang senang sahaja..

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuaran bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Belum, biar saya jelaskan dulu. Saya melihat dari segi pengagihan sumber-sumber kewangan ini, Sabah dan Sarawak harus diberi keutamaan, khususnya bagi membina keperluan asas seperti air, elektrik, jalan dan komunikasi. Itu adalah perkara asas. Kita tidak mahu lihat negara kita maju tetapi keadaan jalan, keadaan infrastruktur di situ masih lagi daif dan itulah yang kita hendak perbaiki. Saya memang yakin bahawa kalau kita dapat peruntukan yang lebih dan keutamaan itu bolehlah diberi kepada pihak Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya amat bersetuju dengan cadangan untuk mempertingkatkan hasil Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya bersetuju bahawa penguncupan peruntukan ataupun siling yang telah dirancangkan itu memang tidak baik dan bercanggah sebenarnya dengan apa yang kita ingin capai khususnya dalam surat permohonan wilayah. Tetapi apa yang kita lihat di sini ialah soal cabaran kerajaan untuk menguruskan bajet defisit.

Kerajaan cuba mempertahankan bajet defisit pada kadar 3.8%, ini cabarannya. Kalau kita tingkatkan siling itu, di manakah kerajaan akan dapat duit ini? Adakah kita mahu pinjam dari tempat-tempat lain, bagaimana? Ini persoalannya.

Jika sekiranya kita mahu meneruskan, mempertahankan atau mengurangkan bajet defisit ke paras 3.8%, persoalan di sini ialah dari segi keutamaan-keutamaan dengan peruntukan yang sedia ada. Saya ambil contoh, kemudian kita lihat dari segi pelaksanaannya, contohnya, bagi negeri Sabah pada tahun lepas, siling yang telah diberikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah RM12.721 bilion. Daripada RM12 bilion itu, yang dikeluarkan waran....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, apakah soalan yang ingin Yang Berhormat ajukan kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam?

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Ya, nanti, nanti saya akan tunjukkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya minta jangan ambil kesempatan untuk berucap.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Tidak, tidak berucap. Ini persoalannya, kita mahu siling itu dikekalkan tetapi kita mahu mengurus soal bajet defisit. Itu persoalannyakan? Itu satu. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa jika sekiranya kita tidak dapat tingkatkan oleh kerana soal bajet defisit tadi *[Disampuk]* Soal keutamaan tadi, kita Sabah dan Sarawak dan itu keutamaan.

Yang kedua, dari segi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan. Saya mahu mengambil contoh, ini penting Datuk. Sabah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan – RM12.72 bilion diperuntukkan tetapi duit yang telah diberikan setakat ini, ini bulan Mac.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, adakah lebih elok Yang Berhormat tujukan kepada kerajaan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Tidak, tidak, saya bersetuju fasal ini isu besar. Kalau kita semua boleh bersetuju di sini siling yang dibuat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tidak diterima, kita boleh. Ini isu besar. *[Tepuk] [Disampuk]* Duit yang diberi setakat ini, baru bulan Mac, baru RM8 bilion. Daripada RM8 bilion, yang dah dilaksanakan, RM6 bilion - prestasi lebih kurang 78%. Maknanya, ia ada dua level; satu

yang ada duit, satu tidak ada duit. Jadi, walaupun siling naik, keberkesanan, pelaksanaan ini sudah dibuat, macam mana? Minta pandangan, terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tuaran. Tuan Yang di-Pertua, kita melihat daripada beberapa dimensi. Pertama, saya memang bersetuju kita hendak menguruskan bajet kita ialah kita hendak mengurangkan defisit bajet. Itu memang perkara yang betul dan pada waktu yang sama, kita kena memperkenalkan satu sistem kawalan wang yang dikeluarkan melalui kerajaan ini. Kita kena berbelanja secara berhemah dan itu yang pertama. Isunya adalah apabila kita, saya hendak menyentuh perkara ini. Kita lihat fungsi Kementerian Kewangan. Sepatutnya dilihat untuk kita merancakkan pembangunan ekonomi kita tetapi apabila dibebankan dengan pemantauan projek, semua tender, pelantikan perunding, pergi ke Kementerian Kewangan, mereka dibebankan dengan perkara ini. *[Disampuk]*

Mereka tidak ada masa untuk memikirkan bagaimana kita hendak *diversify* pelaburan kita, bagaimana kita hendak menambah sumber kewangan yang baru? Dalam hal ini, saya khuatir kita tidak dapat menghindari gejala rakus kuasa di kalangan kakitangan awam, khususnya di Kementerian Kewangan. Dalam pada itu, saya ingin mencadangkan bahawa kita patut memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mereka ini bertanggungjawab penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jangan sampai Menteri tidak ada kuasa untuk menentukan satu projek. Kalau kita percaya Menteri, biarlah kita bagi kuasa. Kita hendak semua tatacara yang telah digariskan oleh pihak kerajaan itu dituruti seperti kita menubuhkan satu *tender board* yang mengamalkan dasar ketelusan. Kita tidak hendak perkara ini, akhirnya sampai ke Kementerian Kewangan dan mereka mengamalkan perkara yang sama.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron**: *[Bangun]*

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng**]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Tuaran bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap. Kalau kita tidak ada kepakaran, ada perlunya kita dapat kepakaran, setiap kali dalam *tender board* di peringkat kementerian, hantarlah wakil dari Kementerian Kewangan sebagai *financial controller*. Kita kalau tidak ada

kepakaran, hantar JKR, wakilnya atau Ketua Pengarah datang dan kita dapat secara bersepadu menyelesaikan masalah. Ini juga dapat meningkatkan keberkesanan. Satu perkara lagi, dari segi kita mengawal kos dan pengagihan peruntukan ini adalah perkara yang penting. Jangan kita hendak membuat satu projek kerana kita hendak projek itu menjadi mewah. Yang penting, perkara itu atau projek itu adalah projek yang praktikal, tidak jadi sebagai gajah putih dan inilah perkara yang perlu kita lihat dan kita hendak mengemaskinikan.

Maka, saya mencadangkan bahawa kuasa haruslah diberi kepada pihak menteri, *decentralize the power of The Ministry of Finance,* dengan izin. Kalau kita tidak buat benda ini, kita dapat mengagihkan tugas itu kepada Menteri-Menteri dan mereka wajib melaporkan kepada Perdana Menteri menjelang Jemaah Menteri setiap minggu. Saya tidak nampak di manakah silapnya dan saya lihat tender-tender yang kita hendak keluarkan itu, kita kena membuat satu sistem penilaian yang baik. Jangan tender itu dikeluarkan RM100 juta dan dibenarkan VO sampai RM200 juta, berat. Setiap kali kita kena tambah peruntukan daripada Pusat dan kita perlu membuat satu penelitian tentang spesifikasi, apakah projek yang kita hendak masukkan, apa yang hendak dibuat. Jangan kita hantar satu spesifikasi yang tidak lengkap, yang akhirnya wajib. Macam kita beli kereta, kalau tidak ada tayar, berat. Janganlah sampai masa itu, baru hendak tambah. Kalau tidak tambah, tidak jalan projek itu. Itu dalam keadaan yang memang serba salah. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Tuan Yang di-Pertua, kita punya *suit* sama warna. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya begitu tertarik ataupun curiga dengan masalah *decentralization and centralization of power* ini. Apabila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam menyebut tentang kerakusan pegawai awam, ini mungkin satu andaian bukan satu kenyataan dan dialihkan pula kuasa yang diletak di atas bahu pegawai awam tadi kepada Menteri. *Remember*, kita semua berpegang juga kepada *power corrupts, absolute power, corrupts absolutely*, ini kena perhati betul-betul dan saya nampak kita semua ini bukan malaikat, kita semua manusia dan kita akan berada di satu kedudukan yang mungkin akan berlaku *temptation*, berlaku godaan, dugaan dan

sebagainya. Jadi apa kata Yang Berhormat Ayer Hitam daripada kita mengalih power ini daripada *decentralization* kepada *centralization of power* dan sebagainya, kita nasihatkan kementerian beri tumpuan kepada pembinaan mekanisme yang *transparent* dan di setiap langkah sistem itu akan ada auditing yang dilakukan oleh pihak ketiga supaya tiada orang yang terarah menyalahgunakan kuasa. Apa kata Ayer Hitam?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga bagi Tangga Batu. Andaian tu betul, kita tidak kata semua pegawai awam tu rakus kuasa, dan kita tak boleh buat andaian yang sama bahawa kuasa yang kita beri kepada menteri, mereka akan salah gunakan kuasa. Dan saya memang setuju, ketelusan dalam kita memberi tender itu adalah satu sistem, sistem itu paling penting, kita hendak membentuk satu sistem yang telus dan saya rasa kalau perkara ini dapat dibawa di peringkat Kementerian dan menteri wajib melaporkan kepada Perdana Menteri,

**Tuan Wifred Madius Tangau [Tuaran] :** [*Bangun*]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya ingat Perdana Menteri kita memang cerdik, bijaksana dan bersih jujur, dan kalaulah, kalaulah, ada Menteri yang cuba menyalahgunakan kuasa, saya yakin mereka akan dihukum. Apa yang penting adalah sistem itu, mestilah menjadi telus dan lebih berkesan kalau kita bandingkan dengan sistem yang ada pada masa kini.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Sedikit Ayer Hitam, saya minta supaya Ayer Hitam sebut balik semula sistem yang mencegah kepada penyalahgunaan kuasa, maknanya ruang untuk menyalah guna kuasa tidak ada, tidak boleh kalau orang ini berkuasa penuh, kalau orang ini menyalah guna kuasa tidak ada. Sistem yang mencegah penyalahgunaan kuasa, itu yang penting.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Itu memang tepat. Sistem yang mencegah penyalahgunaan kuasa patut lah diserap di peringkat kementerian apabila kuasa diberi kepada Yang Berhormat Menteri, jelas?

**Datuk Ronald Kiandee :** Ya, Ayer Hitam. Saya setuju sistem *decentralisation* harus berlaku. Saya bersetuju dengan Ayer Hitam, banyak perkara-perkara sekarang yang kita kena *block* dengan birokrasi. Semua nya harus kembali kepada Kementerian

Kewangan. Saya ingin perhalusi cadangan daripada Ayer Hitam. Cadangan yang harus ada sekarang - tiap-tiap Kementerian ini, Kementerian harus diberi kuasa untuk melaksanakan projek, membuat keputusan tentang pelaksanaan projek bagi Kementerian-kementerian tertentu. Tidak semestinya menteri itu yang membuat keputusan akhir tetapi melalui satu Jawatankuasa, yang menyerupai jawatankuasa yang dibentuk di Kementerian Kewangan. Itu merupakan *decentralisation* yang lebih efisien, saya melihat ianya lebih efisien, lebih bererti dan lebih mempercepatkan, mengurangkan birokrasi yang ada sekarang ini. Adakah Yang Berhormat Ayer Hitam bersetuju agar *decentralisation* ini diperhalusi bukan melalui menteri sebagai *the absolute, final power,* tetapi melalui kementerian dan melalui satu 'Jawatankuasa Kewangan' yang dibentuk di setiap kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, banyak lagi?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong :** Banyak [*sambil ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab Yang Berhormat telah berucap lebih daripada 90 minit. Jadi saya suka ingatkan lah, supaya kita boleh beri peluang kepada rakan-rakan kita yang lain.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong :** Minta rakan-rakan supaya tak *interrupt*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terpulang kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat ada kuasa tak beri laluan.

**Beberapa Ahli:** Bagi laluan, bagi...bagi

**Ir. Dr. Wee Ka Siong** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil satu contoh, Projek Pemantauan Cerun, yang baru-baru ini diumumkan oleh Kementerian Kerja Raya. Yang Berhormat Menteri Kerja raya, baru-baru ini telah mengambil tindakan yang saya rasa, memang harus disanjung tinggi, termasuk menganjurkan forum *consultative* dengan Ahli Parlimen. Dan saya juga tahu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya prihatin dengan keselamatan pengguna jalan. Tetapi ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh di sini, iaitu titah diRaja pernah menyebut pengurusan kewangan sektor awam akan dilaksanakan secara berhemah berdasarkan keberkesanan kos.

Di sini, ingin saya menarik perhatian kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bahawa sejumlah wang RM140 juta akan dibelanjakan,

telah diluluskan oleh kerajaan untuk memantau 3,000 cerun yang tidak selamat dan kritikal, di sepanjang lebuh raya dan jalan persekutuan. Ini adalah satu keputusan yang telah dibuat oleh jemaah menteri, dan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri, RM27 juta sebenarnya yang diperlukan, tetapi yang selebihnya, kita hanya mendapat RM140 juta, selebihnya akan di biayai oleh mereka yang mendapat konsesi lebuh raya ini, dan sebelum wang ini dibelanjakan, saya telah sempat berbincang dengan jurutera-jurutera atau pakar-pakar dalam bidang ini, dan mereka juga menimbulkan beberapa persoalan sebelum kita menjalankan kerja ini, haruslah kita menjawab persoalan yang berikut iaitu sekiranya cerun-cerun tersebut sudah diklasifikasikan sebagai tidak selamat atau kritikal, mengapakah wang tersebut tidak digunakan untuk membaik pulihkannya untuk memastikan cerun-cerun itu akan menjadi selamat? Pemantauan hanya bertindak untuk memberi amaran awal sekiranya cerun itu diancam bahaya. Adakah terdapat apa-apa penyelidikan dijalankan untuk mendapatkan kos, baik pulih cerun. Biasanya, kos membaik pulih adalah lebih murah sebelum cerun itu gagal. Itu yang pertama;

Pada hemat saya, sistem pemantauan bertindak untuk memberi amaran sekiranya berlaku tanah runtuh atau pun penutupan jalan. Apakah implikasi sosial dan ekonomi, sekiranya berlaku penutupan jalan, khususnya jalan-jalan utama? Adakah kita perlu meneruskan kerja-kerja baik pulih, selepas sistem pemantauan menunjukkan tanda-tanda bahaya? Akhirnya, wang tetap akan kita belanjakan untuk membaik pulih cerun. Lebih baik sekiranya wang tersebut digunakan sekarang.

Pemantauan cerun perlu mengintegrasikan sistem amaran awal, untuk memberi amaran kepada pengguna jalan, mengenai bahayanya tanah runtuh. Adalah lebih baik, sekiranya teknologi ini dicuba di atas beberapa cerun, kita jalankan *pilot study*, dan misalnya di sepuluh tempat yang paling kritikal, untuk kita menguji keberkesanannya, sebelum teknik pemantauan dilaksanakan dengan sepenuhnya untuk mengelakkan pembaziran wang pembayar cukai jika teknik ini tidak berkesan.

Pada kebiasaannya, kejadian tanah runtuh akan berlaku dalam tempoh masa yang singkat biasanya dalam dua tiga jam, dan sekiranya tempoh bertindak tidak cukup pantas, ia akan menjadi tidak berkesan. Jadi, apakah kesimpulan yang saya hendak buat di sini, adalah kita kalau mendapat peruntukan RM140 juta, kita tidak dapat

selesaikan 3,000 cerun kerana kita bahagikan jumlah setiap cerun yang kita hendak, yang kita ada, adalah 40,000 dan kita kena memasang *inclinometer* untuk kita melihat pergerakan zarah tanah. Kita kena memasang *extendsometer* , di bahagian permukaan, untuk kita melihat pergerakan di permukaan tanah, dan kita juga kena memasang, *pizometer* dan *tensiometer*, untuk kita melihat, tekanan, perubahan tekanan dalam tanah. Jadi yang akhir sekali yang paling penting adalah kita kena membelanjakan wang yang banyak untuk membuat satu sistem pengawalan, iaitu kita kena buat *realtime logger,* yang mana kita membolehkan *realtime* transmisi. Ini adalah satu perkara yang memang berat. Jadi saya menganggap perkara ini, adalah perkara yang perlu dihalusi, dan tidak patut dijalankan secara tergesa-gesa.

Cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian, kita membuat kajian di tempat kritikal. Pilih sepuluh tempat yang kritikal, kalau tidak saya khuatir, keberkesanannya, tidak dapat di capai mengikut apa yang kita idam-idamkan. Itu perkara yang saya memang prihatin.

Kedua, kita melihat gejala tanah runtuh berlaku sejak beberapa tahun ini. Saya juga melihat Kerajaan Negeri yang ada sekarang, masing-masing begitu ghairah sekali mewajibkan pemaju melakukan perkara ini, membuat laporan ini, laporan itu. Dan saya, ingin memaklumkan kepada Dewan ini, saya nampak sesuatu perkara yang perlu, kita menyemak dengan baik. Sebagai contoh, kita kena melihat kerenah birokrasi, dan mempertingkatkan urus tadbir Kerajaan. Dua fungsi jabatan yang perlu kita semak adalah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, dengan Bahagian Cerun JKR. Saya nampak, terdapat konflik. Oleh kerana Pihak Berkuasa Tempatan atau pun Kerajaan Negeri, mewajibkan pembangunan, apa ni..setiap pemaju yang menjalankan pembangunan, mengemukakan laporan *geology*, nampaknya, ianya kononnya dapat menyelesaikan masalah tanah runtuh. Tapi kalau kita tahu, beza di antara Ahli *Goelogy* dengan Jurutera Teknikal, itu ada dua perkara yang berlainan. Kerana, Ahli *Goelogy,* hanya belajar, mengenai sejarah pembentukan tanah. Mereka belajar sejarah pembentukan batu bata, di mana kita lihat, *soil mechanics* dan *rock mechanics* mempunyai perbezaan yang paling besar.

*********************************************************************************************

Dengan erti kata yang lain kalau *technical engineer,* mereka belajar *soil mechanics*, mereka mempunyai pengetahuan dalam kejuruteraan, mereka gunakan cara-cara teknik kejuruteraan untuk kita mengatasi masalah pergerakan zarah tanah, tetapi kalau kita banding dengan ahli geologi mereka tidak ada ilmu dalam kejuruteraan. Kalau kita gunakan mereka untuk menilai kerja-kerja yang dibuat oleh jurutera, saya khuatir ini akan menjadi satu perkara yang akan menimbulkan masalah. Dan tambahan pula kita lihat ahli geologi, mereka belajar sejarah mereka tidak ada badan professional yang mengawal kelayakan mereka, tetapi berbeza dengan jurutera-jurutera teknikal mereka itu dikawal oleh Board of Engineers Malaysia dan mereka ini mendapat lesen dan mereka mestilah mendapat lesen untuk melakukan kerja-kerja perundingan.

Saya lihat pengetahuan yang ada pada jurutera geo teknikal biasanya mereka belajar mengenai struktur bangunan, mereka akan belajar *building behaviour* di atas satu *foundation* yang tidak kukuh, bagaimana mereka menggunakan cara untuk mereka bentuk untuk 120 tahun, berbanding dengan sejarah berjuta-juta tahun yang telah dipelajari oleh ahli geologi khususnya mengenai batu, *rock.* Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan oleh pihak kementerian dan saya mencadangkan bahawa sebaiknya, yang sebaik mungkin Bahagian Cerun JKR yang diberi mandat untuk mengawal projek-projek ini. Kalau kita beritahu orang lain, ahli geologi yang diberi kuasa untuk mengawasi projek ini akhirnya dia akan menjadi bahan ketawa bagi negara-negara maju, kerana di Hong Kong misalannya mereka mempunyai jurutera geo teknikal yang berpengalaman, mereka tidak pun melibatkan ahli geologi dan kita tidak mahu semata-mata, mahu memberi kuasa kepada satu profesion dan selepas itu kita menghadapi masalah. Itu tidak wajar dijalankan, saya rasa kerajaan patut mempertimbangkan kertas kerja yang telah dihantar oleh Institusi Jurutera Malaysia kepada pihak berkuasa khususnya kerajaan kerana kita memperkasakan Bahagian Cerun JKR sebagai satu badan *professional* yang boleh, sebagai satu unit *professional* yang boleh bertindak mengenai pengawalan pembangunan khususnya mengenai pembangunan tanah tinggi.

Seperkara lagi yang ingin saya membangkitkan di sini iaitu saranan Seri Paduka Baginda kepada syarikat-syarikat binaan untuk menerokai peluang di luar negeri.

Seperti mana yang kita sedia maklum sektor pembinaan mencapai penguncupan ataupun pertumbuhan negatif 1.9% dalam sektor pembinaan berbanding dengan tahun 2003 yang mencapai pertumbuhan positif 1.9%. Kini terdapat syarikat binaan yang telah dihantar ke luar negeri bagi menjalankan perniagaan dan mereka boleh mendapat kontrak membina infrastruktur di India dan negara-negara ketiga.

Saya juga dapat menimbulkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat ini, antaranya ialah:

(i) Mereka ini tidak arif dengan sistem pencukaian negara asing, bagaimana mereka nak mendapat balik wang mereka yang telah dilabur di situ. Itu kadang-kala menjadi perkara yang amat merumitkan mereka.

(ii) Mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan proses permohonan dan kelulusan pembangunan di negara asing.

(iii) Kesukaran memperolehi bahan binaan dan juga peralatan dengan harga yang terendah setimpal atau selari dengan kemahiran yang ada pada buruh-buruh tempatan, ini adalah cabaran yang ketiga.

(iv) Mereka kadang-kala tidak faham dengan budaya kerja dan peranan serta keberkesanan kerajaan tempatan dan penduduk setempat itu.

Jadi ini adalah beberapa cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat binaan dan kita mengambi contoh Kerajaan Jepun. Kerajaan Jepun sentiasa menyokong syarikat binaannya keluar ke luar negeri dan mereka hantar pasukan misalan JICA, JICA selalu membuat kajian di Malaysia dan di mana-mana negara dan mereka membuat kajian air mentah, mereka juga membuat kajian tentang slop dan juga banyak lagi *master plan* yang telah dikeluarkan dan yang telah dikaji oleh pihak JICA. Mereka datang dan mereka sampai ke sebuah negara dan membuat tinjauan. Mereka juga melihat empat cabaran yang telah saya katakan tadi, bagaimana mereka dapat menyesuaikan diri, apa juga laporan yang dikemukakan oleh JICA merupakan satu pengumpulan data yang begitu komprehensif, mereka gunakan data ini dan mereka melihat apa yang diperlukan oleh masyarakat tempatan dan setelah 3 atau 4 tahun duduk di situ mereka sudah arif dan faham dengan sistem di situ, mereka akan membuat satu pakej kepada negara-negara yang hendak dibantu. Termasuklah mereka yang

menghantar syarikat-syarikat binaan seperti Tsumitsu Tietze dengan KAZIMA dan sebagainya ke luar negeri dengan pakej-pakej kewangan yang telah disediakan. Jadi di Malaysia pula kita perlu mengambil contoh ataupun menjadikan ianya sebagai satu contoh yang baik dan saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa kalau kita hendak berjaya di luar negeri sokongan daripada kerajaan adalah penting, sokongan dalam bentuk kita membantu syarikat-syarikat pembinaan mengetahui cara atau selok-belok menjalankan sesuatu perniagaan di luar negeri. Itu adalah satu pendekatan yang baik seperti mana yang telah dijalankan oleh JICA terhadap kerajaan mereka, dan di sini juga ingin saya menarik perhatian dan mendapat kepastian daripada kerajaan.

Projek infrastruktur yang telah diterima ataupun dijalankan oleh kontraktor Malaysia, di India, adakah syarikat-syarikat binaan Malaysia ini mendapat pinjaman daripada Bank Dunia yang lazimnya memberi pakej kewangan begitu. Kalaulah mereka mendapat pinjaman daripada Bank Dunia siapa yang menjadi penjamin, itu menjadi pertikaian, kalaulah Kerajaan Malaysia yang menjadi penjamin, kita kena berhati-hati. Kalau kita tidak dapat membayar balik pinjaman, kita yang akan jadi *guarantor* dan kita yang akan menjamin pembayaran balik kewangan itu. Jadi dalam konteks ini kita perlu mencari satu pendekatan yang lebih baik supaya Kerajaan Malaysia melibatkan diri, tetapi bukan cara menjadi penjamin dan sokongan, yang kita bagi kepada syarikat-syarikat berkenaan ialah dalam bentuk rebet cukai dan juga cara-cara sokongan seperti mana yang pernah saya huraikan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Program Latihan Khidmat Negara. Kejayaan Program Latihan Khidmat Negara telah disanjung tinggi oleh masyarakat dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga memberi sanjungan tinggi terhadap projek ini sejak ianya dijalankan pada tahun lalu.

Saya melihat kita ada banyak ruang untuk memperbaiki tahap interaksi dan perpaduan nasional di kalangan generasi muda Malaysia ini, dan saya juga melihat akhbar-akhbar tempatan menyiarkan wawancara dengan peserta-peserta Program Latihan Khidmat Negara yang begitu mengagumkan. Mereka begitu suka sekali setelah 3 bulan menghadiri kursus Program Latihan Khidmat Negara, dan di sini juga saya rasa begitu penting sekali Program Latihan Khidmat Negara ini dapat melahirkan satu

generasi muda yang memang dianggap mempunyai jati diri dan semangat perpaduan yang kuat.

Saya tidak kedekut sangat untuk memberikan penghargaan saya kepada projek ini dan saya rasa kita melakukan satu perkara yang baik untuk generasi muda dan saya menyokong penuh Program Latihan Khidmat Negara. Tetapi saya melihat perkara ini walaupun ianya telah disanjung tinggi dan ianya telah mendapat sambutan yang begitu baik, tetapi ada beberapa tempat atau beberapa perkara yang boleh dikemas kini.

Fungsi jabatan, Latihan Khidmat Negara. Saya rasa keberkesanannya perlu dipertingkatkan. Saya melihat dan saya sering mendapat panggilan daripada pengadu ibu bapa atau peserta. Mereka membuat panggilan kepada jabatan ini nampaknya dari pagi mereka membuat panggilan sampai petang pun mereka tidak dapat bercakap dengan pegawai dan yang ada Cuma *ring tone*, dengan izin yang disambung terus kepada jabatan ini. Ini adalah perkara yang tidak elok.

Surat-surat rayuan yang meminta pelepasan dan sebagainya telah dihantar kepada jabatan, tetapi nampaknya urusan surat-menyurat itu memang lambat sangat. Jadi saya minta pihak jabatan ini supaya melihat perkara ini dan ada perkara yang saya rasa tidak kena di mana mereka yang tidak hadir ke Program Latihan Khidmat Negara menerima sijil penghargaan, menamatkan kursus atau Program Latihan Khidmat Negara bersertakan elaun RM300, itu maklumat tidak tepat. Dan saya telah menasihatkan mereka hantar balik, kalau mereka terima seolah-olah mereka bohong, tidak jujur dan saya rasa ini adalah satu kesilapan melalui data-data yang dikumpul oleh jabatan ini.

Perkara yang satu lagi, saya melihat, tahun lalu ramai peserta yang meminta supaya ditangguhkan PLKN pada tahun ini. Atas alasan mereka ini dalam tingkatan 5, mereka perlu meneruskan pelajaran di peringkat SPM menghadiri peperiksaan SPM. Selepas habisnya SPM pada awal Disember, mereka menunggu-nunggu. Mereka berharap sangat akan dipanggil untuk menghadiri siri yang pertama yang diadakan pada Disember yang lalu. Kalau tidak dapat, mereka menunggu siri kedua, iaitu pada bulan Mac yang lalu. Saya melihat kedua-dua siri ini nampaknya mereka yang dapat kebenaran untuk menangguhkan PLKN itu mereka tidak mendapat tempat di siri pertama dan kedua. Ini adalah pembaziran sumber manusia kerana pelajar-pelajar kita telah tamat SPM. Apa yang mereka hendak buat?

Yang pertama, mereka akan mencari kerja sambilan ataupun kerja kekal ataupun mereka ini akan melanjutkan pelajaran. Sekiranya mereka ini tidak dipanggil pada bulan Disember, tidak dipanggil ke bulan Mac, mereka akan hilang ataupun mereka terpaksa menangguhkan PLKN selepas mereka menamatkan pengajian ataupun satu tempoh yang tidak tentu. Ini adalah satu pengurusan yang tidak begitu berkesan dan saya mencadangkan kepada jabatan supaya secara automatik mereka yang memohon dan diberi kelulusan untuk menangguhkan PLKN itu dapat secara automatik menghadiri siri pertama demi, pertama kalau boleh, kalau tidak pada siri yang kedua. Janganlah sampai pada bulan Julai nanti mereka terpaksa tidak meneruskan pengajian bagi tempoh satu tahun. Itu adalah satu pembaziran. Mereka sekarang hendak kerja tidak boleh, hendak melanjutkan pelajaran pun tidak boleh.

Saya rasa perkara itu haruslah diambil sebagai satu pengajaran. Di sini juga ingin saya membangkitkan perkara dan kita lihat semalam dengan panjang lebar membincangkan tentang sosej yang tidak halal dilabelkan dengan logo halal. Saya rasa sedih. Perkara ini tidak patut berlaku di masyarakat Malaysia kerana kita tahu sensitiviti kaum. Begitu juga di kem-kem Latihan Khidmat Negara, kita mahu anak-anak kita itu disemai dengan semangat perpaduan yang begitu tebal. Itu memang betul dan seperti mana yang kita ketahui, di Dewan yang mulia ini setiap kali kita masuk ke sini dimulakan dengan doa selamat. Bagi orang Islam menadahkan tangan untuk mengaminkan doa.

Itu adalah orang Islam. Bagi mereka yang bukan Islam, mereka bertafakur mengikut agama masing-masing. Tetapi apa yang saya dengar daripada ibu bapa dan juga peserta, alangkah baik kalau konsep ini juga diterapkan seperti Parlimen iaitu ketika dibacakan doa selamat itu, kita gunakan cara yang sama, orang Islam menadahkan tangan mengaminkan doa, tetapi bagi orang bukan Islam bertafakur mengikut agama masing-masing. Ini adalah prinsip-prinsip dalam Rukun Negara. Saya nampak ada kekeliruan sedikit di tempat-tempat di mana diwajibkan semua menadah tangan. Ini bagi orang yang bukan Islam berbuat begitu, mereka juga macam tidak menghormati agama Islam sebagai agama rasmi kerana mereka bertafakur dengan agama masing-masing.

Mereka bukanlah orang yang alim, bukan;ahli orang Islam. Jadi tidak wajarlah mereka berkelakuan sebegitu. Bagi ibu bapa mereka berpendapat bahawa alangkah

baik kita gunakan cara yang ada di Dewan Rakyat ini. Kita membaca doa mengikut agama masing-masing dan bertafakurlah bagi mereka yang bukan Islam mengikut cara kita sendiri. Samalah kita menghormati kenapa bangsa Sikh itu mereka tidak memakai topi keledar ketika menunggang motosikal kerana itu adalah budaya mereka. Kita jangan sentuh kerana itu adalah perkara yang sensitif. Saya rasa perkara-perkara ini boleh kita mengemaskinikan supaya kita betul-betul mencapai satu perpaduan, nasional yang juga membenarkan kepelbagaian budaya dan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik ke isu PTPTN. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memaklumkan kepada kita sebentar tadi bahawa setakat ini sejumlah RM 7.9 bilion telah dibelanjakan dan dipinjamkan kepada 600,000 pelajar IPTA dan IPTS. Saya juga mendapat maklumat bahawa ianya bermula dengan dana yang diterbitkan oleh kerajaan, Skim Pinjaman Pendidikan yang pada awalnya mendapat RM 2 bilion terbitan dana disusuli dengan pinjaman KWSP RM 4 bilion dan nampaknya kerajaan telah memberhentikan sumber kewangan selepas tahun 2002. Bermakna mulai 2003 kerajaan tidak lagi menyediakan peruntukan tahunan.

Persoalannya sekarang PTPTN terpaksa membayar pinjaman atau memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang kian meningkat. Tetapi tiada sumber kewangan daripada kerajaan yang keluar banyak, masuk tiada. Itu menjadi satu kemelut atau satu dilema kepada PTPTN. Maka di sini, saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan harus terus memberi geran kepada PTPTN dan mereka perlukan wang untuk membayar balik kepada KWSP dan menjamin pinjaman ini adalah kerajaan Malaysia. Maka kita melihat perkara ini haruslah kita memberi sokongan dan kita harus memberi sokongan secara berterusan dalam bentuk kewangan dan setiap tahun kita kena berikan kerana inilah projek yang terbaik yang saya nampak yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional. .

Kita telah memberi pinjaman kepada 600,000 anak-anak muda kita yang telah mencurahkan tenaga kepada negara kita. Beralih ke isu PTPTN mereka yang tidak membayar balik pinjaman, saya menyarankan agar kita mengemaskinikan sistem penghutang balik pinjaman. Kita hendak merombak balik sistem itu saya rasa tidak kena. Kita hantar *letter of demand*, kita minta kerjasama daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita minta bank-bank membantu dan kita juga kononnya hendak melantik

pemungut hutang. Saya yakin ianya bukan ‘Along’ atau ceti haram. Tetapi yang penting di sini saya rasa kita ada sesuatu yang perlu dilakukan iaitu kita kena meminda akta. Kalau kita tidak meminda akta sampai tua pun kita tidak dapat menuntut secara wajib daripada pelajar-pelajar. Dalam konteks ini saya bersetuju bahawa satu pindaan akan dibuat terhadap PTPTN. Kita buat satu undang-undang supaya setiap majikan wajib melaporkan kepada PTPTN tentang pelajar yang diambil.

Kita juga menyenaraikan tugas-tugas ataupun mereka yang meminjam wang itu supaya mereka tahu apabila mereka hendak keluar kerja sahaja mereka kenalah, apabila mencarum KWSP ataupun membayar cukai pendapatan, mereka secara wajib, secara mandatori kena membayar pada PTPTN. Di samping itu juga ianya haruslah ada tindakan bersepadu bersama-sama dengan Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran untuk menyenaraihitamkan mereka yang tidak bayar, tidak boleh ambil pasport, tidak boleh ke luar negeri. Kalau kita membuat cara macam itu, sama dengan koperasi yang lain saya nampak ada koperasi yang lain dapat mengutip sampai seratus peratus pinjaman yang telah diberikan.

Saya tidak nampak kenapa PTPTN tidak boleh buat begitu. Di samping itu juga, kita kena mengumpulkan maklumat graduan mereka yang telah meminjam wang dari PTPTN secara wajib dalam sebulan mereka tamatkan pengajian di Universiti dan maklumkan kepada PTPTN ianya menjadi satu kesalahan sekiranya PTPTN tidak dapat menghubungi pelajar tersebut kerana ada perubahan alamat yang tidak dimaklumkan kepada PTPTN. Saya rasa dengan cara inilah kita dapat membantu. Seperkara lagi mengenai PTPTN, kita kena mengemaskinikan syarat-syarat pinjaman. Saya lihat mereka yang mempunyai pendapatan kalau dahulah pendapatan RM10,000 dapat PTPTN, yang pendapatannya RM800 dapat PTPTN dan kita kena membuat satu *cut of point* di mana orang-orang yang layak diberikan pinjaman anak-anak mereka.

Saya di sini mengucapkan terima kasih kepada PTPTN kerana sudah ada sedikit garis panduan tentang perkara ini iaitu pinjaman penuh kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM2000 dan separuh untuk RM2001 hingga RM 4000 bagi mereka yang melebihi RM 4000 telah diberi pinjaman sekadar yuran sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ini ada satu perkara yang..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat boleh disambung semula pada jam 2.30 ptg.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 ptg.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat ]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Saya minta Yang Berhormat bagi Ayer Hitam untuk menyambung ucapan beliau

**2.33 ptg**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah menyentuh tentang PTPTN , isu yang dihadapi, bagaimana kita hendak memantapkan semula sistem kita mengutip balik bayaran pinjaman yang telah di hutang oleh pihak peminjam. Saya juga menyentuh tentang pindaan undang-undang untuk membolehkan kita mengadakan satu sistem kutipan secara automatik melalui caruman KWSP dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri dan saya juga menyentuh tentang perlunya kita mengemaskinikan syarat-syarat permohonan pinjaman PTPTN.

Di sini juga saya ingin menyarankan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita perlu meminta jasa baik bank-bank perdagangan supaya mereka juga dapat menyumbang kepada pemberian pinjaman kepada mereka yang sedang menuntut di IPTA atau di IPTS.

Kalau kita lihat pelajar-pelajar sekarang terlalu bergantung kepada PTPTN dan kita tidak nampak fungsi yang dimainkan atau peranan yang dimainkan oleh pihak institusi kewangan khususnya bank-bank perdagangan yang telah mencatat keuntungan yang begitu banyak sekali. Di sini saya mendesak pihak kerajaan, kita mengambil satu pendekatan iaitu mewajibkan setiap bank itu membantu kita sama-sama mencapai satu aspirasi negara iaitu melabur dalam pengajian tinggi dan kita melihat pendidikan pengajian tinggi ini adalah satu perkara yang penting, pelaburan dan saya lihat kalau bank-bank perdagangan apa yang dititikberatkan adalah *collateral* atau cagaran dalam bentuk hartanah atau tunai. Ini satu perkara yang tidak betul dan kita perlu ubah

persepsi ini dan saya minta agar kerajaan kita ini mengambil berat dan kita boleh meminta bank-bank perdagangan memberikan sebahagian daripada pinjaman untuk pelajar-pelajar yang memerlukannya sama ada mahu meneruskan pendidikan di peringkat IPTA ataupun IPTS dengan mengenakan kadar faedah yang minimum.

Saya rasa ini adalah tanggungjawab sosial bank-bank perdagangan. Mereka dapat mencatatkan keuntungan begitu banyak sekali tetapi yang sedihnya sehingga sekarang kita jarang melihat dan mereka mahukan ibu bapa itu meminjam dengan cagaran yang begitu tinggi, sampai rumah mereka terpaksa dicagarkan kepada bank-bank. Saya rasa ini bukan satu cara yang fleksibel untuk membolehkan pelajar-pelajar meneruskan pelajaran yang mereka perlukan. Pinjaman ini biasanya adalah dari golongan yang kurang berada yang memerlukan. Mereka akan mengubah status sosialnya sekiranya mereka dapat menamatkan pengajian di peringkat IPTA ataupun di IPTS, itu perkara yang penting

Beralih ke isu pengajian tinggi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah memperkenalkan satu sistem yang dinamakan e-aplikasi untuk kemasukan IPTA pada tahun ini. Ini adalah satu tindakan yang bijak dan kami semua Ahli Dewan Rakyat telah menerima surat dan juga memperihalkan bagaimana pelajar-pelajar dapat memohon memasuki IPTA melalui *online* ataupun yang dinamakan e-aplikasi. Tetapi saya di sini ingin menyatakan bahawa apa yang telah diharap-harapkan oleh pihak kementerian ini nampaknya terdapat sedikit halangan di mana kita melihat sistem telekomunikasi kita memang lemah. Pernah kita membicarakan beberapa isu seperti penggunaan jalur lebar dalam negara ini hanya sekadar 1% dan kita hendak menggunakan *streamyx* pun nampaknya begitu terhad kepada kawasan-kawasan dan *locality* tertentu dan ini adalah kekangan yang berlaku dan kita lihat apabila pelajar-pelajar cuba mahu memohon melalui *online*, apa yang terjadi, mereka masih menggunakan teknologi lama *dial-up* dan mereka rasa sesak apabila hendak mohon. Mereka tidak dapat *access* terus kepada e-aplikasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelah kanan itu.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya sendiri sebenarnya menyokong penuh tentang permohonan melalui *online* ini dan sebagainya dan saya juga

mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menghantar kepada semua Ahli Parlimen bagaimana kita hendak menunjuk cara untuk membuat permohonan melalui *online*

Bagaimanapun apa yang membimbangkan saya ialah terdapat juga tempat-tempat yang tidak ada kemudahan *internet*, contohnya macam di kawasan Kuala Lipis, kalau mereka hendak membuat permohonan *online* mereka terpaksa pergi ke bandar, di kampung tidak ada. Rasa saya ini menyebabkan berlaku satu jurang peluang diperolehi oleh mereka yang tinggal di bandar tetapi bagi mereka yang tinggal di luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan komputer dan *internet* ini menyebabkan mereka terpaksa berbelanja lebih dengan pergi ke bandar untuk melayari *internet* dan membuat permohonan dan mereka hendak mendapat balik permohonan pun susah. Ini ada sebagai satu contoh, pernah seorang kawan saya sendiri dia terlepas untuk temu duga kerana tidak dapat melayari *internet* kerana keputusan *(result)* dia dipanggil temu duga dihantar melalui i*nternet.* Nasib baiklah dia merayu dan dia dipanggil temu duga semula, mohon penjelasan

**Ir. Dr. Wee Ka Siong :** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis, sebenarnya itulah yang saya maksudkan. Kita mempunyai satu konsep yang amat baik tetapi dari segi infrastruktur jalur lebar yang terdapat di Malaysia amatlah terhad, itu yang pertama. Kedua, kita terpaksa bergantung pada teknologi lama *dial-up* yang memakan masa yang begitu lama sekali.

Sejak dua minggu yang lalu saya terlibat dalam program *outreach* yang dianjurkan oleh kementerian ini dan saya sempat berjumpa dengan 4,500 pelajar, calon-calon yang baru sahaja menerima keputusan sama ada STPM ataupun SPM dan nampaknya mereka begitu khuatir sekali mereka tidak dapat *access* mengikut masa yang telah ditetapkan. Ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah melanjutkan tarikh tutup kepada satu minggu lagi dan dari masalah inilah timbulnya satu persoalan, bolehkan kita menggunakan satu sistem kalau kita tidak menggunakan e-aplikasi, biarlah kita mempunyai tempat-tempat seperti institusi-institusi pendidikan yang sedia ada digunakan atau dibuka kepada pelajar-pelajar untuk memohon.

Saya mengambil satu contoh di Universiti Malaysia Sabah [UMS], Naib Canselornya bermurah hati membuka kampusnya, makmal komputernya dari 18 Mac

sehingga 20 Mac untuk membenarkan anak-anak Sabah, sesiapa yang hendak memohon masuk universiti dengan e-aplikasi gunakan kemudahan komputer yang ada dalam universiti tersebut secara percuma, itu adalah satu teladan yang baik dan saya ingat ianya perlu diperluaskan kepada semua institusi yang ada bukan sahaja bergantung kepada pusat-pusat ataupun pusat-pusat khidmat wakil rakyat yang sedia ada. Saya rasa infrastruktur itu perlu kita wujudkan, kalau tidak saya rasa ia mungkin akan menjadi satu penghalang untuk kita memperluaskan lagi penggunaan melalui *online* ini

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh di sini, kalau kita melihat e-aplikasi yang wujud sekarang, nampaknya ada satu ruang di mana pelajar-pelajar keliru sedikit, di mana dinyatakan "Adakah anda bersetuju sekiranya tidak ditawarkan lapan pilihan yang diisi ini dan ditawarkan pilihan yang lain, adakah kamu setuju atau tidak?" Soalan ini amat mengelirukan pelajar-pelajar kerana mereka tahu kalau mereka mengisi kata setuju bermakna apa yang diberikan itu mereka tiada hak untuk merayu, itu anggapan mereka. Kalau tulis "tidak setuju" mereka pula serba salah, kalau kata tidak bersetuju nampaknya bila mungkin pada asalnya kementerian ini hendak beri tetapi dia tidak setuju

Jadi saya mencadangkan bahawa ini satu soalan yang perlu diperhalusi dan saya rasa ianya tidak sekali pun menafikan hak mereka mengemukakan rayuan sama ada dia tulis setuju atau tidak.

Saya mengambil satu contoh, macamlah seorang kalau hendak kahwin dengan seorang perempuan, adakah kamu bersetuju berkahwin dengan orang lain selain daripada perempuan yang dimaksudkan, setuju atau tidak? Kita tidak boleh kata 'setuju' sewewenang-wenangnya - tidak betul, kita tidak tahu apa kursus yang akan ditawarkan. Jadi saya rasa itulah satu ibarat yang boleh saya katakan dan saya minta pihak kementerian supaya bermurah hati berikan pelajar untuk buat pilihan apabila mereka rasa tidak dapat mencapai cita-cita mereka, tidak dapat ditawarkan pilihan mereka, mereka masih boleh lagi menggunakan e-rayuan seperti mana yang diperkenalkan baru-baru ini. Ini satu langkah yang baik, gunakanlah e-rayuan untuk merayu dan saya rasa soalan yang ditanya itu sebenarnya tidak relevan kalau kita telah mewujudkan sistem e-rayuan.

Dan pada pagi ini juga saya terbaca dalam surat khabar bahawa Yang Berhormat Menteri ada satu cadangan yang baik, iaitu daripada 17 IPTA ini ada 2 IPTA yang akan dinaik taraf sepenuhnya menjadi pusat penyelidikan R&D sahaja. Saya rasa kenyataan ini kalau diteliti memang disambut baik, tetapi dari segi praktikalitinya ada orang menganggap kalau kita hendak memasyhurkan sebuah universiti, mahu mempopularkan sebuah universiti, penglibatan industri adalah amat penting, ianya bukan sahaja berlandaskan kepada kerja-kerja penyelidikan oleh ahli-ahli akademik dan kita juga melihat usaha sama seseorang ataupun badan-badan dalam universiti itu dengan industri luar, itu adalah perkara yang penting. Jadi saya ingin memberi satu cadangan kepada kementerian ini, kalau kita hendak menaikkan taraf atau menukar taraf dua IPTA yang dimaksudkan itu kita kena berhati-hati.

Pada hemat saya, saya menganggap universiti itu tidak lengkap kalau kita hanya tumpu kepada kerja-kerja R&D, kita perlu tumpukan kerja-kerja ataupun apa-apa juga pengalaman yang telah kita terima, semasa menjalankan suatu R&D haruslah diajar dan diturunkan kepada pelajar-pelajar sama ada di peringkat siswazah ataupun selepas ijazah.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang pokok dan kita mahukan pakar-pakar akademik ini terlibat dalam kerja-kerja mengajar ataupun menyampaikan kuliah dan bersertakan dengan pengalaman industri yang ada sekiranya sesebuah universiti itu giat menjalankan kerja-kerja R&D. Ini adalah satu konsep yang patut diterap.

Sehubungan itu juga saya berani mencadangkan bahawa nampaknya walaupun Kementerian Pengajian Tinggi itu namanya besar, tetapi belum ada dana tertentu untuk menjalankan R&D. Kita sedar bahawa 17 IPTA itu amat penting tambah pula 535 lagi IPTS nampaknya sudahlah sampai masanya kita memikirkan sama ada kita perlu atau tidak dana khas R&D di peringkat IPTA dan IPTS. Dan saya rasa Kementerian Pengajian Tinggi ini harus diberi tanggungjawab dan memikul tanggungjawab ini dengan baik untuk menyelia dan juga memantau kerja-kerja R&D di Malaysia.

Seperti mana yang kita sedia maklum kalau sebuah universiti itu berjaya ia semestinya menjalankan kerja-kerja penyelidikan dengan baik dan keupayaan mereka memperdagangkan hasil-hasil R&D itu juga merupakan satu aspek yang perlu diberi penekanan oleh semua pihak. Saya rasa, saya memang setuju untuk kita wujudkan

satu dana khas untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di IPTA dan kita tidak lagi bergantung kepada MOSTI - Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi untuk membekalkan geran-geran ataupun dana dan mereka mempunyai kuasa mutlak menentukan apakah jenis penyelidikan yang perlu diberi penekanan.

Beralih kepada isu siswazah menganggur, semalam saya menuntun TV3 dalam satu wawancara dengan MEF, Pengerusi MEF yang menyatakan bahawa graduan sekarang mempunyai satu masalah di mana mereka sukar berkomunikasi dengan pihak industri, dan saya ingin mengesyorkan bahawa di samping kita memperkenalkan banyak mata pelajaran dalam IPTA, alangkah baik kita memperkenalkan kursus-kursus bagaimana kita memperbaiki komunikasi dengan orang lain, mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris secara komunikasi dan kesemua ini merupakan satu aset kepada graduan apabila mereka berdepan dengan kerjaya mereka.

Saya rasa sampailah masanya kita memikirkan satu cara supaya kita tidak lagi membazir apa yang dikatakan *cost of repair,* iaitu menghantar kepada suatu agensi yang lain untuk dilatih semula, itu adalah satu pembaziran tenaga.

Beralih kepada isu IPTS pula, saya melihat IPTS ini adalah penting, sama penting seperti IPTA dan fungsi Lembaga Akreditasi Negara itu juga sering menjadi satu isu yang hangat diperbincangkan di kalangan pengusaha IPTS, dan saya sering menghadiri majlis ataupun dialog dengan pengusaha-pengusaha IPTS. Apakah rintihan atau rungutan mereka yang paling utama, saya boleh simpulkan bahawa mereka itu memang tidak tahan dengan karenah birokrasi yang wujud di Lembaga Akreditasi Negara, yang pertama mereka kurang pengalaman dan yang keduanya universiti-universiti yang terkemuka di luar negeri apabila menubuhkan satu cawangan di Malaysia kursus *student* yang sudah berpuluh tahun dianjurkan di negara lain, tetapi melalui satu proses akreditasi dan kelulusan yang begitu ketat sekali sehinggakan mereka merasa bosan atau *fed up* dengan proses-proses atau yang dinamakan karenah birokrasi.

Saya rasa sudah sampai masanya kita mengkaji fungsi LAN, keanggotaan LAN itu perlu kita utamakan dari segi kualiti dan juga representasi bukan sahaja mereka berasal dari IPTA,, tetapi mungkin kita boleh melantik Ahli Parlimen yang berpengalaman ataupun mereka yang telah lama berkecimpung dalam dunia perniagaan, mereka mungkin lebih arif dalam sesuatu perkara, itu sebagai salah

seorang anggota dan dari segi kita membuat akreditasi, kita perlu buat dalam satu masa yang singkat. Kalau kita gunakan cara ini saya yakin reputasi Lembaga Akreditasi Negara itu akan dapat dipertingkatkan dan dari segi kompentensi juga yang saya katakan tadi apabila sesuatu kursus terlalu lama dianjurkan di luar negeri, saya tidak nampak di manakah salah silapnya kalau kursus itu dianjurkan di negara kita.

Jadi kita boleh gunakan sejarah atau latar belakang yang ada pada negara lain kursus yang telah dianjurkan itu dan supaya diserap ke dalam negara kita.

Saya tidak nampak sama ada perlu kita melanjutkan masa untuk membuat satu proses akreditasi yang begitu rumit. Di sini juga saya ingin merayu kepada kementerian supaya melihat kepada satu masalah yang memang merupakan satu masalah yang besar di mana nampaknya ada IPTS-IPTS yang mula memperkenalkan *e-learning* atau *distant learning,* dan setahu kami tidak ada satu garis panduan yang jelas mengenai pembelajaran *e-learning*. Ini menjurus kepada ada pihak-pihak tertentu membeli gelaran seperti MBA dan Doktor Falsafah, dan saya melihat perkara ini adalah satu perkara yang amat serius. Kita perlu mengatasi masalah ini dan kita perlu mengeluarkan satu garis panduan yang jelas bagaimana kita mengendalikan *e-learning* yang telah diberi pengiktirafan oleh kerajaan dan kita perlu mengambil model yang ada di negara-negara lain dan ia boleh dijadikan sebagai satu rujukan penting.

Seterusnya, ingin saya membicarakan tentang memperdagangkan hasil penyelidikan dan pembangunan di peringkat IPTS. Nampaknya Universiti Multimedia Malaysia telah berjaya melakukan kerja-kerja penyelidikan yang telah dibantu oleh pihak sektor industri. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa universiti-universiti yang maju di dunia ini mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada peruntukan atau pendapatan daripada kerajaan ataupun pelabur. Apa yang dititikberatkan ialah mereka memperdagangkan hasil penyelidikan R&D, hinggakan 30 peratus daripada pendapatan universiti itu datangnya daripada hasil R&D. Untuk itu kerajaan seharusnya memberi galakan kepada universiti, khususnya IPTS yang berjaya memperdagangkan hasil R&D dan diberi insentif atau potongan cukai.

Ini adalah satu cara untuk kita menggalakkan satu suasana R&D yang lebih sihat, lebih kondusif. Di samping itu juga ...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** *[Bangun]*

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Memandangkan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam menyebut tentang Universiti Multimedia Malaysia yang terdapat di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah itu dan hasil pendapatan daripada *research and development* yang dikomersialkan, yang diperdagangkan telah mencecah ke angka 30 peratus.

Jadi, di sini suka saya hendak berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Tuan Yang di-Pertua, iaitu jika kita lihat pendapatan ataupun hasil yang diperolehi oleh universiti tadi dan ditambah pula dengan insentif oleh pihak kementerian satu hari nanti, apakah sebenarnya yang akan diperolehi oleh pelajar-pelajar sarjana ini (*graduate students*)? Yang sebenarnya dari merekalah datangnya idea-idea, buah fikiran untuk memajukan lagi *research and development* di negara kita. Bagaimana pula kaitannya dengan *intellectual property* ataupun harga intelek tadi. Di sini saya minta Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, kalau boleh berikan sedikit penerangan ataupun penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Memang benar dalam usaha kita memperdagangkan hasil R&D, ia melibatkan *intelectual property*. Kita lihat dalam mana-mana kerja penyelidikan, ia melibatkan pensyarah dan juga pembantu penyelidik yang lazimnya mengambil pengajian ataupun mendaftar sebagai calon *Ph.D.* ataupun *Masters* di universiti tersebut. Saya rasa ia bukannya menjadi satu masalah. Apabila sesuatu paten itu dapat didaftarkan mengikut saluran yang betul, saya rasa perkara itu tidak akan menjadi masalah.

Keduanya, menyebut tentang 30 peratus pendapatan universiti itu datangnya daripada hasil R&D, saya rasa ini adalah satu perkara yang baik dan kita nampak kalau kita beri insentif lagi, tidak bererti kita mahu pengusaha itu mengaut keuntungan yang banyak. Apa yang perlu kita titik beratkan ialah pengajian tinggi itu adalah satu pelaburan jangka panjang. Apabila kita sebut jangka panjang, saya berharap apabila mereka diberi insentif ini, pengusaha-pengusaha diberi insentif, mereka juga dapat menurunkan nikmat itu kepada pelajar-pelajar di mana mereka tidak perlulah membayar

yuran yang banyak dan mereka boleh menggunakan apa-apa wang yang telah dijimatkan itu sebaik mungkin sebagai pinjaman atau geran kepada mana-mana pelajar cemerlang di universiti tersebut.

Yang Berhormat bagi Temerloh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat yang mengemukakan hujah yang begitu baik sekali dalam Dewan.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat tentang R&D tadi. Saya lihat di beberapa negara terkenal yang memperdagangkan hasil R&D ini, lazimnya R&D dibuat oleh universiti-universiti ataupun institusi-institusi pengajian tinggi. Tetapi berbeza dengan negara kita, walaupun kita ada pensyarah-pensyarah di universiti-universiti yang menjalankan R&D ini, hasil pendapatan daripada kajian ini, pensyarah-pensyarah ini tidak mendapat peratus *income* yang banyak. Barangkali 10 peratus pun tidak sampai agaknya. Bagi satu *research* barangkali mereka dapat RM1,500 – RM2,000 begitu.

Jadi, ini tentu tidak menggalakkan *research* untuk dibuat oleh pensyarah-pensyarah. Di negara-negara maju, tidak payah majulah, ambil India, negara India, universitinya banyak membuat *research*, pensyarahnya banyak terlibat dalam *research* tetapi bila seseorang pensyarah itu buat *research*, pensyarah itu akan dapat 60 – 70 peratus daripada hasil pergi kepada pensyarah dan 30 peratus pergi kepada universiti. Kita di sini terbalik, universiti pun tidak dapat, pensyarah yang buat itu barangkali dapatlah sebanyak yang macam saya sebut tadi, RM1,000 – RM2,000.

Saya ingat ini dasar yang harus kita ubah. Saya ingat kalau boleh kita berikan lebih insentif kepada pensyarah untuk mendapat pendapatan daripada *research* yang dia buat, saya ingat banyak kajian-kajian akan dibuat. Ini baik untuk pelajar kerana pada saya, Yang Berhormat, universiti tempat membuat *research,* tidak ada benda lain. Kalau universiti pensyarahnya tidak buat *research,* jawabnya kualiti yang akan kita *produce*, akan keluarkan, akan menurun. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Temerloh. Sebenarnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang relevan, ganjaran yang diterima oleh mereka yang bertungkus-lumus menjayakan satu penyelidikan. Jadi

Malaysia, saya mengambil contoh di IPTA, mereka ada beberapa *restrictions*, dengan izin, ataupun kekangan, di mana mereka tidak boleh menerima ganjaran yang lebih daripada sekian peratusan daripada gaji asal mereka. Itu mungkin satu perkara yang perlu dilihat dan perlu kita mengubah balik angka-angka ataupun *threshold value* itu kerana saya rasa apabila kita menyebut macam ganjaran diberi kepada seorang yang berjaya menjalankan penyelidikan, nampaknya perkara itu bukanlah satu isu besar kerana orang itu berjaya dalam penyelidikan. Kita perlu memberi pengiktirafan sama seperti kalau atlet sukan dia mendapat pingat emas, kita berilah sedikit ganjaran. Itu bukan satu masalah.

Berbalik kepada IPTS pula, kalau seseorang penyelidik itu dapat menjalankan kerja penyelidikan yang baik dan berjaya diperdagangkan hasil itu, saya rasa pihak universiti juga perlu menggunakan satu *framework* atau memperkenalkan satu *framework* yang baik untuk mereka mendapat satu ganjaran setimpal di antara universiti dengan mereka yang menjalankan penyelidikan. Saya rasa itu adalah satu sistem yang perlu kita wujudkan agar keadaan R&D di negara kita bukan lagi mundur sangat, menggunakan 0.5 atau 0.6 peratus daripada KDNK negara untuk tujuan R&D – begitu kurang sekali berbanding dengan negara-negara maju yang menjangkau 2.5 peratus daripada KDNK dan saya rasa Malaysia kalau hendak menjadi sebuah negara maju, kita perlu melakukan ini.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan. Salah satu strategi yang telah diambil oleh Singapura baru-baru ini dan juga beberapa negara yang sedang maju dan telah ke tahap maju adalah mengenal pasti pelajar-pelajar yang cemerlang dan intelektual di kalangan generasi muda dan mereka menawarkan biasiswa sehingga mereka akan menjadi golongan-golongan profesor di universiti.

Saya dapati bahawa di Thailand, beberapa pelajar di Myanmar, di India telah ditarik dengan pelbagai insentif ke Singapura dan ke Australia ke New Zealand dengan tawaran wang yang begitu banyak supaya mereka akan menjadi pakar dalam sesuatu bidang. Bolehkah Kerajaan Malaysia menggunakan strategi yang sama untuk mengenal

pasti pelajar-pelajar yang begini dan tawarkan kemudahan sebegini dan kemudiannya memberi mereka kerakyatan supaya memantapkan lagi generasi muda ke arah R&D dan juga kecemerlangan sebegitu 10 tahun yang akan datang. Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, kita telah mengkaji sistem di Singapura di mana saya terlibat dua, tiga tahun dalam universiti di Singapura, Saya melihat cara mereka membedah, mereka mempelawa profesor terkemuka di *Londo dan,* US datang mengajar di universiti mereka. Tetapi mereka dapat melakukan perkara ini disebabkan mereka mempunyai kewangan yang kukuh sekali. Tetapi berbanding dengan negara kita, saya rasa kalau kita nak memberi ganjaran sama di Singapura sukar kita nak mencapai kerana gaji mereka adalah $20,000 Sing Dolar, bererti RM45,000 duit Malaysia. Begitu susah sekali.

Tetapi itu soal yang saya rasa kalau kita ada keadaan mengizinkan kita boleh memberi sebahagian kecil wang ini dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Itu memang untuk kita berinteraksi, untuk kita mendapat golongan cendekiawan datang ke sini untuk membuat satu kerja-kerja penyelidikan. Tetapi dalam konteks yang lain pula kita melihat, *[Seorang ahli bangun]* sekejap ya, biar saya habis dulu.

Kita melihat kalau kita hendak memberi insentif, mereka duduk di sini sebagai penduduk tetap, dan memberi kerakyatan, orang ini lah sebenarnya yang kita nak cari. Sebagai contoh, kalau kita nak majukan *biotech*, bidan *biotech* di negara ini, kita perlukan kepakaran, orang-orang ini memang wajib hadir atau datang ke Malaysia untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Orang inilah yang kita boleh bagi insentif untuk mereka duduk sini sama ada ditawarkan penduduk tetap dan saya ingat jumlahnya tidak besar dan memang negara lain menggunakan cara ini tetapi ia kena dikajilah. Kes dia berbeza dari satu kes ke kes yang lain. Ada di antara mereka tak nak jadi rakyat pun, mereka nak jadi expatriate mereka dapat gaji yang lebih tinggi. Itulah realitinya yang saya dapat lihat di Singapura. Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Ayer Hitam, saya bangun ini Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat Ayer Hitam menggunakan profesor tadi. Kita juga mempunyai profesor-profesor di negara kita ini. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila sampai umur 56 tahun, profesor-

profesor ini terpaksa bersara, sedangkan kerajaan membelanjakan beratus ribu ringgit dan sampai ke juta ringgit lah untuk kita jadikan seseorang itu sampai ke tahap profesor. Jadi adakah Yang Berhormat tidak ingin mencadangkan kepada kerajaan kalau tuan hakim-tuan hakim ini kita boleh lanjutkan usia perkhidmatan mereka sampai 65 tahun, tak begitu Tuan Yang di-Pertua, 66 tahun? Jadi mengapakah orang-orang yang berakal macam ini, profesor-profesor ini tidak boleh kita lanjutkan usia perkhidmatan mereka sampai sama dengan tok-tok hakim. Jadi kita boleh gunakan *the brain*, dia punya *experience [Ketawa]* untuk, kita gunakan mereka ini untuk kebaikan negara dari segi pendidikan dan sebagainya. Tak payah lah kita bawa masuk banyak sangat *expatriate* ini. masuk negara kita, jadi Yang Berhormat bersetujukah dengan pandangan saya ini,, setuju kah saya hendak tanya?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya memang bersetuju dan saya rasa ini adalah sumber tenaga yang memang mahir dan kalau kita boleh menggunakan, meng 'optima' kan kepakaran mereka, itu adalah satu perkara yang baik. Bukan sahaja 65 tahun, tapi kalau mereka masih kuat lagi boleh berjalan, saya rasa 70 tahun pun bukan masalah.

Sudah tiba masanya kita mengkaji satu sistem, ia tak seperti pegawai kerajaan, sampai 56 tahun pencen wajib. Ia patut diwujudkan satu sistem di mana selagi mereka mahu berkhidmat mereka patut diberi peluang untuk berkhidmat sama ada secara kontrak, secara alternatif. ataupun mereka boleh memilih untuk bersara. Saya rasa itu adalah sistem yang ingin saya katakan tadi. Dan di sini pula, ha, *last* ya.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Ayer Hitam, saya ingin balik ke belakang sedikit tentang cadangan untuk membuat pindaan terhadap fungsi dan peranan LAN. Saya setuju dengan cadangan ini dan amat bersetuju dengan Yang Berhormat tentang cadangan ini tetapi jika tujuan untuk memudahkan universiti-universiti luar negara ini untuk mendaftarkan kursus mereka di negara kita semata-mata untuk memudahkan kemasukan mereka (facilitate), saya khuatir ia tidak akan mencapai matlamat kerajaan untuk melahirkan graduan yang betul-betul serius dalam disiplin yang mereka ambil.

Saya mengambil contoh satu kolej di Kota Kinabalu yang mempunyai, yang memegang francais daripada Universiti *Preston* di Amerika. Tidak ada yang mensyaki

apa-apa tentang universiti, tentang pencapaian kolej ini sehinggalah apabila *list of graduate* itu di *advertise* kan di akhbar tempatan di negeri Sabah, secara tiba-tiba kita dimaklumkan tentang pencapaian seorang yang kita tahu tidak ada *basic degree,* tidak ada *secondary school,* tidak ada pendidikan menengah tetapi pada *graduation* yang dilakukan oleh kolej itu daripada francais Universiti *Preston* US, orang ini dianugerahkan Ijazah Falsafah Kedoktoran PHD sedangkan tidak ramai mengetahui, semua orang tahu yang ini tidak ada kelayakan, tidak ada *basic secondary school* tetapi pada hari *graduation* yang dilakukan oleh kolej ini, beliau di anugerah Ijazah Doktor Falsafah.

Jadi saya rasakan kalau *review* terhadap LAN itu, saya bersetuju tetapi biarlah *review* itu menjurus kepada kualiti graduan yang dikeluarkan. *Definitely,* jika orang yang tidak layak macam graduan daripada US,kah atau kolej daripada mana kah, dia tidak akan layak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ayer Hitam, lepas jawapan ini sila gulung.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ya, ya. Oo, gulung? *[etawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas jawapan ni.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Beluran tu, jangan kita kelirukan dengan cawangan universiti luar dengan usaha sama antara universiti luar dengan IPTS tempatan. Kerana mereka gunakan pakej ataupun francais ataupun melalui twinning program dengan izin, ataupun *advance standing*, kesemua ni sebenarnya mempunyai satu panduan yang jelas di IPT peringkat LAN. Dan apa yang menjadi pertikaian sekarang, mereka yang boleh mendapat ijazah ataupun penganugerahan doktor falsafah ini, mereka guna atas nama *E-Learning*, yang mana Lembaga Akraditasi Negara tidak ada satu panduan. Jadi itulah .loop hole, dengan izin yang wujud dalam sistem ini. Jadi saya rasa kita kena teliti dan kita kena rombak balik apa yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih ke cadangan penubuhan SME Bank, seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa lazimnya kita nampak ada dua isu untuk mendapatkan pinjaman di kalangan pengusaha IKS.

Kelemahan dalaman iaitu pengusaha SME atau IKS ini, tiada pengurusan dana yang cekap, baik dan profesional. Kedua, dari segi faktor luarannya kita dapat lihat ada

kelemahan dalam sistem kewangan yang gagal membentuk sektor SME yang menjadi *vibrant* dan aktif. Saya rasa masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha IKS ni patut diteliti dahulu sebelum kita menubuhkan SME Bank.

Isu-isunya adalah seperti berikut, yang pertama yang ada sekarang oleh bank-bank perdagangan hanya untuk sektor pembuatan dan ICT. Keduanya permohonan pinjaman kerajaan yang ada memang lambat diproses dan tidak tahu sama ada dapat atau tidak, dan ini akan menjurus kepada *lost of market opportunity* di kalangan pengurus ataupun pengusaha SME ini.

Ini berlaku, macam Bank Pertanian, ada pekebun kecil telah menghantar kertas kerja sampai dua, tiga tahun tidak dijawab langsung. Saya rasa ini adalah satu perkara yang kita tidak boleh tunggu lama sangat. Ketiga, bank perdagangan tidak *diversified* portfolio pinjaman mereka sehinggakan mereka ini dianggap kurang berpengalaman dalam isu pemberian pinjaman, khususnya kepada bidang IKS. Dan mereka hanya menumpukan *safe loan*, pinjaman yang selamat yang memerlukan cagaran dalam bentuk tunai ataupun hartanah. Itulah yang menjadi masalah. SME dianggap sebagai satu pasaran tradisi yang pegun tidak bermaya dan bank-bank ini enggan memberikan pinjaman jangka panjang.

Yang diberi itu hanyalah jangka pendek sahaja, jangka panjang nampaknya tidak dilayan dan saya nampak juga aliran tunai yang banyak untuk jangka panjang sukar dipercayai oleh bank-bank dan mereka nampaknya tidak faham sangat kehendak SME, jadi SME tidak mengasingkan pemilik syarikat dengan pengurusan syarikat. Itu juga satu isu yang kita patut melihatnya sebagai satu isu yang akan kita hadapi apabila kita tubuhkan Bank SME dan sebab itulah kita memerlukan satu urus tadbir yang lebih baik untuk membantu Bank SME.

Dan isu yang terakhir adalah bank menolak permohonan pinjaman SME kerana tiada kertas kerja dan pelan perniagaan yang sempurna. Itu masalah yang memang rumit dan di sini ingin saya membangkitkan satu masalah, satu keadaan di mana kita hendak mewujudkan SME Bank, tetapi biarlah SME Bank ini ada perbezaannya dengan Bank Industri, Bank Pertanian yang ada sekarang kerana kita tahu Bank Industri, Bank Pertanian ia diwujudkan untuk membantu mereka yang terlibat dalam perusahaan, pembuatan dan juga di ladang. Tetapi apabila kita melihat fungsinya dari segi statistik

yang menunjukkan NPL ataupun nisbah kecukupan kapital (*capital adequacy ratio),* yang ada pada bank-bank ini, ia dianggap tidak berjaya atau kurang berjaya. Bank-bank ini bersifat birokratik dan masyarakat ataupun pengusaha SME ini mereka menganggap pinjaman ini hanya diberikan kepada mereka yang mempunyai kabel kuat dengan orang-orang tertentu termasuklah orang politik. Saya rasa persepsi ini harus kita tukar bagaimana kita hendak membantu. Jadi cadangan-cadangan kita ialah, cadangan untuk menubuhkan SME ini perlulah disokong dengan beberapa jenis pinjaman.

Pertama, pemberian pinjaman jangka panjang seperti sewa beli, pajakan, *term loan*, projek *financing* dan *debentures.* Cara bayar melalui aliran tunai pengoperasian pada masa yang akan datang bermaksud mereka akan membayar apabila terdapat aliran atau menggunakan aliran tunai yang telah ada dalam pengoperasi seharian. Ini adalah satu cara untuk kita memastikan pinjaman jangka panjang itu dapat dibayar mengikut waktu.

Kedua, pinjaman jangka pendek seperti *letters of credit, over draft, facturing,* pembayaran balik melalui pendapatan. Pembayaran itu perlu dilakukan melalui pendapatan dan penerimaan sehari. Ini adalah satu cara untuk kita mengutip balik pinjaman jangka pendek.

Ketiga, pinjaman untuk keperluan R&D seperti mana yang saya katakan tadi, khas untuk promosi jenama pemasaran dan perlu kita wujudkan satu panel untuk melihat tahap *feasibility* projek tersebut. Saya rasa ini adalah jenis pinjaman ketiga dan ia berdasarkan keperluan untuk kita menjalankan R & D promosi jenama dan pemasaran.

Saya juga ingin memberi penekanan bahawa Pengarah-pengarah SME Bank ini, sebenarnya kita kena melantik mereka yang memang arif dalam bidang ini. Bukan lagi orang-orang yang berpengaruh ataupun orang-orang yang ada kedudukan dalam politik ataupun mereka ini adalah diletakkan di situ semata-mata mereka itu menganggap jawatan itu adalah jawatan yang diterima selepas pencen. Saya rasa Lembaga Pengarah SME Bank ini perlulah bertindak bebas. Ia merupakan satu badan bebas. Mereka bertindak mengikut profesionalisme. Keahlian yang ada dalam Lembaga Pengarah SME Bank ini terdiri dari *banker-banker* yang berpengalaman, terdiri dari

pengusaha-pengusaha IKS ataupun perniagaan yang berjaya, mereka yang telah terlibat dalam perniagaan begitu lama dan apa yang lebih penting mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang profesional di dalam pengurusan bank juga perniagaan.

Di sini juga saya menyarankan agar SME Bank membekalkan perkhidmatan perundingan dan penasihat sebagai pakej yang wujud dalam Bank SME. Kalau kita tidak memberi dan tidak memainkan peranan sebagai penasihat atau perunding kepada mereka yang meminjam, akhirnya kita khuatir wang itu tidak digunakan dengan baik. Mengenai mereka yang tidak boleh membayar pinjaman pula, perunding ini segera akan masuk dan membantu bagaimana mereka membuat *re-structuring* untuk bayaran balik wang-wang tersebut.

Di sini juga saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini, bahawa kita lihat bank-bank perdagangan di Malaysia ini, mereka mencatat keuntungan sekitar 6,000 juta sehingga 1.8 bilion setahun seperti mana yang kita dapat baca dalam surat khabar. Semua bank di negara ini kaya raya, tetapi apa yang menyedihkan ialah perkhidmatan yang dibekalkan ataupun diberikan oleh bank-bank perdagangan ini nampaknya amatlah menyedihkan kita. Saya mengambil satu contoh untuk mendapatkan *letters of credit* di Malaysia mereka yang menggunakan wang tunai untuk mendapatkan *letters of credit* ataupun mencagarkan simpanan tetap (*fixed deposit)* sebagai *collateral* untuk mendapat *letters of credit* (LC)_ ini, mereka memerlukan tempoh 2 atau 3 minggu untuk diproses oleh pihak bank. Kita tidak boleh bersaing dengan negara lain. Di Hong Kong ia diperolehi dalam tempoh 24 jam. Di Singapura dalam tempoh 2 hari akan dapat *letters of credit.* Kalau kita hendak jadi satu *trading nation* yang terkemuka di rantau ini, kita kena ubah sikap kita. *Efficiency* itu amat penting dalam bank-bank perdagangan.

Seperkara lagi yang saya rasa bank-bank sekarang memberi satu kadar faedah yang rendah kepada mereka yang menyimpan dalam simpanan tetap, dan mereka mengenakan BLR, nampaknya BLR itu pun telah menjangkau daripada faedah yang diberikan kepada mereka yang meletak dalam simpanan tetap. Ditambah pula *spread* peratusan selepas BLR.

Nampaknya bank-bank ini dapat mencari keuntungan yang banyak dan mereka sekarang takut sangat. Mereka mempunyai satu sindrom *kiasu,* tidak berani memberi pinjaman kepada mereka yang tidak ada *collateral.* Sebab itulah kita nampak bank-bank

ini mengambil kesempatan dan mereka ini membebankan pengguna apabila memperkenalkan satu siri program ataupun *charge-charge* tambahan ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh bank. Apakah fungsi bank? Kita meletak wang dalam bank. Bank menggunakan wang kita untuk melabur, untuk mencari keuntungan tetapi akhirnya kalau kita hendak mengeluarkan wang kita, kita kena bayar pula.

Saya mengambil contoh yang paling jelas kenapa cek-cek bank perdagangan ini diletakkan *account payee only*. Sedangkan ada keperluan untuk kita mengeluarkan satu cek tunai kepada penerima. Saya nampak kalau kita tidak mengeluarkan satu cek atas penama yang dikhaskan itu, nampaknya kita kena bayar RM2 kepada sesiapa sahaja yang ingin mendapatkan wang tunai daripada bank. Cara memaksimumkan profit dalam bank perdagangan itu adalah atas *the expense of consumer*. Ia dilakukan ke atas wang-wang yang telah dibayar oleh pengguna ataupun penyimpan wang-wang kita. Itu adalah satu perkara yang saya rasa Bank Negara, kementerian kena melihat secara objektif.

Satu contoh yang ketara lagi, saya nampak kalau kita hendak menukar duit syiling. Bagi mereka yang menjadi penjaja setiap kali tukar RM100 syiling, mereka kena bayar RM2. Ini adalah satu perkara kita menindas penjaja, kenapa kita hendak melakukan perkara itu? Itu wang mereka. Kenapa wang sah Malaysia seringgit wang kertas sama dengan seringgit syiling. Kalau kita kata kita tidak menggalakkan orang menggunakan duit syiling yang berat itu, kita kena memperkasakan penggunaan ataupun memperluaskan *Mep cash,* tetapi apa sudah jadi dengan *Mep cash* di Malaysia? Kita nampak setiap kad pengenalan baru kita ada *Mep cash* logonya ada di belakang. Kenapa bank tidak berani, kerana apabila mereka memperkenalkan *Mep cash,* nampaknya mereka akan membunuh diri kerana mereka ini menumpukan kepada perniagaan iaitu melalui *credit card* yang mengenakan faedah yang lebih tinggi 1.5%. Kalau gunakan *Mep cash* cuma 0.5%. Sebab itulah semua bank tidak cenderung untuk menjayakan satu lagi cabang *flagship* iaitu memperkenalkan *Mep cash* di Malaysia.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Bangun]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap biar saya habiskan ini sebab ada banyak isu lagi. Sebab saya rasa kalau selagi kita tidak memperluaskan penggunaan *Mep cash* di Malaysia kita tidak boleh ada satu dasar tidak menggalakkan orang membawa wang

tunai keluar untuk membeli barang. Ini adalah satu perkara yang perlu dilihat oleh Bank Negara dan kita perlu memperbetulkan keadaan ini. Saya tidak mahu lihat Bank-bank Perdagangan esok laporan kewangan untung RM2 bilion, siapa yang bayar RM2 bilion? Rakyat yang bayar. Penjaja itu setiap kali tukar RM100 kena bayar RM2 kerana hendak mendapatkan duit syiling itu. Saya rasa itu adalah sesuatu yang tidak adil kepada rakyat jelata.

Seperkara lagi, apabila kita mengeluarkan wang tunai daripada ATM, saya nampak satu pengumuman telah dibuat oleh Bank Negara berkuat kuasa pada 1hb Februari di mana setiap pengeluaran, dihadkan kepada lapan kali pengeluaran daripada ATM secara percuma. Lihatlah dan percayalah mulai 1hb Februari nampaknya tidak ada satu bank yang mula buat begitu. Adakah mereka lebih bermaharajalela daripada Bank Negara? Kenapa tidak dipatuhi? Tanyalah kepada mereka. Saya pergi ke bank 'Oh, ini belum dapat arahan daripada Bank Negara', tetapi telah diumumkan berkuat kuasa pada 1hb Februari. Ini adalah satu penindasan kepada rakyat.

Di sini saya ingin mencadangkan di Dewan ini, jangan kita membenarkan bank-bank perdagangan mengenakan *charge* tambahan sewenang-wenangnya. Bank Negara kena kawal keadaan ini. Dan satu perkara lagi saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kita kena melihat dari sudut kepenggunaan, hak-hak kita. Kalau bank bertindak seperti along atau ceti-ceti haram, kita kena menghentikan tindakan mereka, itu adalah perkara yang tidak betul. Dan saya berharap perkara ini dapat diberi perhatian. Dan beralih kepada satu isu yang memang *relevant* dalam konteks Malaysia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, lama lagi?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ada beberapa isu. Saya akan cuba ringkaskan kalau tidak ada interruption. Saya akan cuba. Ini saya rasa memang *relevant.* Kerajaan telah menubuhkan Proton, telah mengeluarkan kereta nasional pada tahun 80-an. Kita lihat polisi pembuatan kereta di Malaysia, setiap tahun Malaysia mempunyai kapasiti sebanyak 360 ribu buah kenderaan, di Malaysia. Pasarannya amat terhad, cuma angka itu sahaja.

Dan saya melihat, saya merasa khuatir kerana setiap kali kita mendengar taklimat baik di peringkat *committee* ataupun kita mendengar taklimat daripada Proton

nampaknya ada hujah-hujah yang bercanggah. Di mana hala tuju Malaysia. Kita hendak menjadi assembly hak, ataupun kita hendak menjadi hak pemasangan kenderaan, ataupun kita hendak menjadi pengeluar kereta Malaysia. Kita sedar bahawa dalam dunia ini, kita menjadi salah satu daripada 11 negara yang berjaya membuktikan kepada dunia kita mampu mengeluarkan kereta nasional. Tetapi saya lihat perkara ini macamlah kita menjual makanan vitamin, restoran, di sebelah kedai racun. Kerana kita membenarkan dua sistem, CBU dan CKD, dan kita mahu kedua-duanya berkembang mengikut paras yang kita jangkakan.

Saya mengambil satu contoh, apa masalah yang berlaku sekarang ini. Kita lihat kereta-kereta Korea, kereta mana, mereka datang ke sini. Keuntungan yang diperolehi oleh mereka yang mengedar ataupun yang menjual kereta kepada pengguna di Malaysia untuk setiap kereta Korea, RM5 ribu . Berapakan *profit* yang dinikmati oleh mereka yang menjual proton. Proton itu kereta Nasional Malaysia. Baru seribu lebih, RM1500 hingga RM2000. Nampaknya orang tidak lagi, bukan dikata tidak patriotik, kita mesti melihat perkara ini dari sudut kewangan. Kalau mereka sudah melaburkan showroom yang begitu mahal, tidak akan mereka hendak mendapatkan keuntungan RM1500 berbanding dengan RM5000. Itu satu persoalan. Kalau kita hendak menjadi sebuah, satu hak pemasangan kenderaan, saya rasa kita kena bersaing dengan Thailand. Kalau kita hendak menjadi satu pengeluar kereta ataupun sebuah negara yang berjaya mengeluarkan kereta di rantau ini, di Asean ataupun di Asia, kita kena melakukannya dengan strategi ataupun polisi yang jelas.

Saya tidak hendak melihat perkara ini berlaku dan akhirnya kita ini membunuh industri Proton ataupun kereta nasional di Malaysia. Saya mengambil satu contoh yang paling jelas, nampaknya kita dikejutkan oleh kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia baru-baru ini yang mengatakan kereta dari luar negeri, yang diimport dari luar negeri masuk ke Malaysia, mereka tidak mengisytiharkan nilai sebenar. Saya mengambil contoh ini satu perkara tidak boleh diterima, *Kia, Rio* 1.3, di United Kingdom dijual RM17,805, di Singapura dijual RM18,210, di Australia dijual RM21,810. Itu apa yang sebutkan bukan harga jualan, harga yang diisytiharkan, semasa hendak mengimport masuk ke negara ini. Di Korea pula saya mengambil satu contoh, mereka ini menjual kereta dan kita membuat keuntungan25% keuntungan

pengedar. Korea, menjual kereta nilainya, RM18,785. Itu setelah kita buat 25% potongan, Di Pelabuhan Kelang, diisytiharkan RM11,780. Bayangkanlah. Ini tidak cukup jelas. Saya bagi satu yang lebih jelas, Carren 1.8, United Kingdom RM28 ribu, RM30 ribu, Australia tidak dijual, Korea kosnya setelah dipotong 25%, RM35,455, di Malaysia cuma RM19 ribu yang diisytiharkan. *Sorento* 3.5, di United Kingdom RM72,800 yang diisytiharkan, di Korea setelah dipotong 25% itu, RM77,320. Tetapi yang diisyiiharkan di Malaysia cuma RM30,400 sahaja.

Ini adalah satu perkara, yang harus kita, saya memang sokong Ketua Pengarah Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, kita kena melakukan sesuatu tindakan yang memang tegas, kalau tidak ini akan membawa kerugian kita, kita rugi banyak. Dan kita lihat, kalaulah CIF yang diisytiharkan di Perlabuhan Kelang itu berkurangan, hasil kerajaan juga kurang. Di mana kita hendak mencari 20 billion yang hilang daripada siling RM 8 ke RM9, saya rasa ini adalah perkara yang relevant dan sekiranya kita membenarkan keadaan ini berlaku lagi, saya khuatir Proton tidak akan mempunyai *competitors* atau tidak berdaya saing ataupun tidak bermaya lagi.

Sebab itulah saya kata, polisi kita perlu jelas. Kita jangan katakan pada waktu yang sama, ini dan pada waktu yang sama kita hendak yang itu, padahal kedua-dua ini bercanggah. Dan kita perlu mengadakan, mewujudkan satu sistem di mana kita jelas dengan hala tuju kita, sebagai bangsa Malaysia. Dan ini adalah isu mengenai kurang mengisytiharkan cukai, dan saya berharap pihak-pihak berkenaan supaya mengambil tindakan tegas terhadap perkara ini. Dan seperkara lagi yang ingin saya sentuh di sini adalah mengenai pengangkutan. Pengangkutan ini adalah satu aspek yang penting. Dan kita lihat nilai angka kematian berdasarkan kepada 10 ribu kenderaan di Malaysia, adalah 49, itu tahun lalu. Tahun ini telah dikurangkan kepada 4.5 kematian, bagi setiap 10 ribu kenderaan yang didaftarkan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian Pelajaran, telah menganjurkan satu kempen di mana mereka memperkenalkan, *road safety* ataupun keselamatan jalan ini sebagai satu ko-kurikulum ataupun diajar di sekolah. Baik di tadika, sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Saya rasa ini adalah satu tindakan yang betul dan tepat. Dan saya berharap,

pendidikan trafik atau pendidikan dalam bidang pengangkutan dapat diteruskan dan diberi sokongan penuh oleh rakyat.

Seperkara lagi, apa yang penting adalah, kita perlu memperkenalkan *Road Safety Audit.* Kita asyik membincangkan tentang reka bentuk jalan, reka bentuk geometri jalan. Tetapi tumpuan kita hanya kepada lebuh raya ataupun jalan persekutuan. Sudah sampai masanya, oleh kerana 70% kemalangan berlaku di jalan-jalan bukan persekutuan, ataupun bukan di lebuh raya, di jalan-jalan negeri ataupun di jalan-jalan taman, maka saya rasa sudah sampai masanya kita memperkenalkan *Road Safety Audit,* untuk kita meninjau reka bentuk geometri jalan yang telah direka bentuk. Itu yang lebih penting. Itu adalah pendekatan 3E.

Daripada kejuruteraan kita telah ambil tindakan, daripada *education*, pendidikan kita ambil tindakan, dan satu lagi *enforcement*. Kita kena memperketatkan undang-undang kita. Kita berasa sedih, setiap kali sebelum perayaan hari merdeka, hari kemerdekaan, hari kebangsaan, saya nampak pemuda-pemuda ataupun pelumba haram ini menunggang motosikal, bukan sahaja bawak dengan laju, mereka masuk gear dengan tangan. Itu adalah satu perkara yang perlu kita ambil tindakan tegas, dan kita kena menghukum orang-orang ini. Kalau tidak mereka pakai tangan yang masuk gear, bukan pakai kaki, itu memang membahayakan semua pengguna jalan. Saya rasa kita kena memperketatkan penguatkuasaan undang-undang.

Dan satu perkara lagi yang saya rasa memang relevan di sini adalah pembangunan pelabuhan di Malaysia. Saya lihat Pelabuhan Klang ini memang satu tempat yang strategik di Selat Melaka tetapi percayalah bahawa saingan dunia ini tidak kurang hebatnya. Saya mengambil satu contoh di Dubai Port di mana terdapat keluasan sebanyak 139 kilometer persegi di mana ianya dikhaskan untuk pembangunan *free trade zone*.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, panjang lagikah? Hendak lawan pencadangkah?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tidak, tidak, memang sudah hendak habis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila gulung.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey.

**Seorang Ahli:** Gulung, gulung.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Pelabuhan Jebel Ali ini merupakan satu saingan hebat kepada kita dan terdapat 4,000 syarikat yang bertapak di situ. Maka saya nampak kita ada potensi untuk mengembangkan Pelabuhan Klang kita. Saya rasa kalau kita menggunakan ianya dengan sebaik mungkin dan Pelabuhan Klang ini dijadikan sebagai satu *cargo hub* untuk semua kapal yang melalui Selat Melaka, saya rasa ekonomi kita dapat dijana dengan lebih baik dan membekalkan satu peluang pekerjaan yang baik kepada ramai rakyat Malaysia sebagai penduduk di sini.

Satu perkara yang saya rasa saya terpanggil untuk sebut di sini adalah mengenai pembangunan *biotech*. Setiap negeri membincangkan tentang pembangunan *bio valley* tetapi percayalah setiap negeri itu kadangkala mereka tidak ada satu pelan tindakan yang jelas berpandukan kepada pelan induk yang turun daripada Kerajaan Pusat. Sebab itulah saya mengatakan cabaran kita adalah sekiranya setiap negeri begitu ghairah menubuhkan *bio valley*, sampai satu hari nanti kita nampak ada 13 *bio valley* di Malaysia dan di manakah kekuatan kita.

Seperti mana yang diramalkan oleh pakar-pakar dalam *biotech*, mentaliti manusia pada tahun ini tidak dapat mengatasi masalah khususnya pembekalan makanan kepada penduduk yang akan mencapai angka 10 bilion pada tahun 2050. Saya rasa menggunakan mentaliti ini pada masa ini teknologi kita tidak mampu berbuat demikian. Jadi biotech itu merupakan satu perkara atau satu aspek yang patut kita beri penekanan.

Sir Robert May, Ketua Penasihat Sains Kerajaan British telah mengatakan, dengan izin, "*We will not be able to fit tomorrow's population with today's technology*". Itu satu cabaran bagaimana kita hendak mencari sesuatu bidang biotech yang boleh kita majukan di Malaysia, di manakah kekuatan kita, saya rasa kita perlu rasa terpanggil untuk mengemukakan satu pelan induk yang boleh diguna pakai oleh Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri. Saya rasa itu adalah perkara yang amat penting.

Akhir sekali yang ingin saya sentuh ialah mengenai pembangunan sukan. Pembangunan sukan ini adalah satu perkara yang penting khususnya kepada remaja, dan saya melihat kerajaan telah mengumumkan dan telah komited untuk memberikan

peruntukan membina kemudahan sukan, kompleks sukan dan sebagainya di setiap kawasan Parlimen. Tetapi dari segi pelaksanaannya, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya kita melihat perkara ini agar ianya dapat dilaksanakan serentak. Jangan kita melaksanakan di tempat tertentu macam kolej komuniti dahulu, akhirnya cuma 30 lebih kolej komuniti yang dapat dijalankan. Jadi saya rasa kita kena membangunkan bidang sukan di Malaysia, bukan sahaja lapan bidang yang telah disebutkan dalam Titah Ucapan Diraja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Syabas, tahniah, hebat, anak muda MCA yang ada masa depan. *[Tepuk]*

Saya hendak minta pandangan bijak bestari Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, di negara kita sekarang ini semuanya naik – tol naik, harga minyak naik, tambang bas naik, harga barang naik, gaji naik dan kita pun naik kalau balik ke rumah. *[Disampuk]* Tidak, hendak naik tanggalah maksud saya. *[Ketawa]* Tetapi malangnya yang turun ialah mutu bola sepak kita. Semuanya naik, naik, naik, naik, yang turun ialah mutu bola sepak, turun, turun, turun.

**Beberapa Ahli:** Larut, Larut!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak ada petang ini. Kemuncak kekecewaan kita, hari ini saya hendak lahirkan di Parlimen yang mulia ini terhadap mutu bola sepak kita ialah semasa perlawanan *semi final* antara pasukan kita dengan Indonesia merebut Piala Tiger. Waktu pasukan kita bermain di Stadium Senayan, Jakarta, Indonesia, Pak, ya, kita menang besar, menang kita. Tetapi tiba-tiba yang malang apabila bermain di stadium sendiri, di tanah air sendiri, di kampung halaman sendiri, kita kalah teruk. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jangan panjang sangat, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak apalah, ini petang-petang, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ini Ketua

Pembangkang, dia boleh tunggu. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada sekali lagi serangan "Tsanumi"... *[Disampuk]* "Tsanami"? *[Ketawa]* Apa?

**Beberapa Ahli:** Tsunami!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tsunami! Kita kan ada amaran awal dah, bolehlah kita bariskan pemain-pemain ini termasuk jurulatihnya dan kalau boleh wakil FAM di sebelah saya ini, *[Ketawa]* kita bariskan di tepi pantai. *[Ketawa]* Kalau ada Tsunami lagilah, pemain-pemain dengan pengurus pasukan termasuk wakil FAM, jiran saya ini.

Kerajaan membina stadium yang canggih, hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ini, you ada masa depan. *[Ketawa]* Kerajaan tidak boleh nafikan stadium-stadium bola sepak negara kita antara yang tercanggih di dunia sampai boleh muat 80,000 penonton tetapi saya ingin hendak maklumkan di Dewan yang mulia ini, masih ada bangku-bangku atau kerusi-kerusi di stadium yang tidak pernah diduduki oleh penonton kerana mereka tidak hendak tengok permainan bola sepak negara kita. Sia-sia! Sia-sia, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada masa untuk berucap nanti.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sekejap, sekejap, ini penting. Kita berterima kasih kepada stesen-stesen TV di negara kita kerana dapat menyiarkan pertandingan bola sepak luar negara. Kita boleh tengok Liga Inggeris, Liga Eropah, Liga Arab, Liga Argentina, Liga Brazil, Liga Jerman, Liga Perancis, Liga Jepun dan Liga Sepanyol untuk kepuasan kita. Cuba kita tanya, cuba Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tanya, adakah tidak stesen-stesen negara luar hendak siarkan kita punya Liga FAM kita, adakah tidak? *[Ketawa]* Hoo, hoo, tidak akan ada kerana mutu bola sepak kita yang turun, turun, turun. *[Ketawa]* Hoo!

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, minta Tuan Yang di-Pertua sabar. *[Ketawa]* Sabar, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mencungkil semula ingatan kita. Kita bukan tidak pernah unggul dalam permainan bola sepak. Selepas Perang Dunia Yang Kedua kita ada pemain yang bernama Awang Bakar, Dol Fatah, kita ada Hamidon, selepas itu ke era negara kita merdeka, Ghani Minhad, Mokhtar Dahari, Santokh Singh, Soh Chin Aun, Mat Aziz... Eh, bukan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudahlah,Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sudah faham itu, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak tanya bila agaknya, bila agaknya, bila agaknya kita dapat melahirkan hero-hero bola sepak yang seperti ini mutunya. Cuba Yang Berhormat bagi Ayer Hitam jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sila gulung, Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya rasa soalan itu sukar dijawab – pertama saya bukan pemain bola sepak yang handal, yang kedua badan saya pun tidak sesuai jadi pemain bola sepak dan stesen televisyen yang ada di Malaysia tidak dikawal oleh saya. Apa yang penting, kalau ada stesen pun, nampak mutu atau prestasi bola sepak pun orang tutup TV, tidak ada penaja. Jadi apa yang menjadi soal pokok adalah bagaimana kita mempertingkatkan mutu permainan bola sepak, apatah lagi kita ini dalam era profesional.

Kita dahulu semi pro, sekarang sudah dianggap *professional football*. Jadi saya tidak nampak di mana mutu profesionalisme dalam bola sepak itu dapat diperkenalkan. Jadi itu satu soalan yang harus ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri.

Sebagai penghujung, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terpanggil dan wajib sebagai Ahli Parlimen dari Johor menyebutkan perkara ini iaitu 15 juta pelancong dari luar negeri masuk ke Malaysia melalui Tambak Johor. Maka, saya rasa Tambak Johor ini merupakan tempat yang amat penting untuk pelancong masuk ke Malaysia. Sebaik sahaja masuk ke Malaysia, mereka perlu mempunyai satu *first impression,* dengan izin, , yang baik dan saya nampak kerajaan negeri telah bersungguh-sungguh membangunkan Danga Bay sebagai satu tempat yang memang menjadi tarikan pelancong. Tetapi masalahnya ialah sekiranya kita membiarkan pembangunan Danga Bay itu kepada pihak swasta atau kerajaan negeri, sampai tua pun mungkin 40 tahun pun kita tidak akan berjaya kerana kosnya terlalu tinggi.

Maka, saya merayu supaya sokongan daripada Kerajaan Pusat adalah penting dalam bentuk memberi geran ataupun pinjaman tanpa faedah kepada mereka yang terlibat dalam pembangunan Danga Bay kerana...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya juga terpanggil sebagai anak Johor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, penghabisan Yang Berhormat, cukuplah.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Baiklah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Biarlah Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah, penghabisanlah.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Penghabisan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya mungkin bercanggah sikit dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, walaupun Sri Gading dengan Ayer Hitam ini berjiran, adatlah Datuk, sedangkan lidah lagi tergigit, ini pula dua manusia. 6 juta, perangkaan Kementerian Pelancongan ini pun hendak dibetulkan sikit. *[Disampuk]* 15 juta masuk Tambak Johor, 6 juta dari rakyat Singapura. Ini tidak munasabah kerana rakyat Singapura hanya baru 4.5 juta *[Ketawa]* Saya hendak betulkan kekeliruan ini dan kita macam merasa menipu diri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Betullah tu, dia pergi dua kali. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, fasal dia datang beli minyak, dia keluar. Besok dia datang lagi, orang yang sama, orang yang sama dan faedahnya tidak seberapa. Kita cuma gembar-gemburkan dia punya angka, itu satu.

Yang kedua, pelancong-pelancong luar yang pergi ke Singapura, Johor jadi tempat antara tarikan pelancong Singapura tarik pelancong dari luar, antaranya ialah destinasi di Johor, tengok dekat Pekan Nanas, macam mana hendak sodok kelapa sawit, pergi Kulai macam mana orang Malaysia menoreh getah. Tetapi dia tidak benarkan untuk pelancong-pelancong ini tidur, membeli belah, yang ada Coca-Cola. Saya difahamkan bas mereka pun disediakan makanan yang di*pack*, yang ditapaukan. *[Ketawa] So,* Datuk, sampai bila? Cuba sikit, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah, ya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Dua minit sahaja habis. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Apa yang disebut angka 15 juta itu adalah pelancong dan *trip* yang telah dilakukan. Maksudnya, orang itu kalau sepuluh kali masuk Malaysia dikira sepuluh kali. Jadi, jumlah pelancong dan *trip* itu adalah 15 juta, itu satu klasifikasi yang perlu

saya buat. Yang keduanya, apa yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai relevan. Mereka ini pergi ke tempat-tempat tapi tidak bermalam di Johor Bahru dan saya rasa sudah sampai masanya Kementerian Pelancongan memikirkan satu cara dengan kerjasama kerajaan negeri, sama-sama kita wujudkan satu tarikan, kawasan yang menjadi tarikan pelancong supaya mereka wajib, mereka dah sampai sana, mereka duduk. Sebab itu saya nampak potensi Danga Bay, dulu dalam TV3 orang tengok, cantik. Sekarang orang daripada Kelantan pun tanya saya, *"Danga Bay itu jauh dari rumah you?"* Saya kata dekat sahaja. Tapi mereka nampak potensi itu.

Saya rasa ini adalah satu projek yang perlu kita jayakan bersama. Tidak kira siapa, kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat, kita sama-sama bangunkan dan dari segi pemberian ataupun sokongan dalam bentuk infrastruktur di sekitarnya, dalaman itu biarlah mereka yang memajukan... Di luar itu, jangan setiap kali diadakan karnival, yang menerima kesengsaraannya adalah penghuni tempatan kerana memang jem, sesak dan sebagainya. Infrastruktur dari segi jejambat, jejantas yang perlu dibina, perlu kita segerakan dan kita minta bantuan daripada kerajaan dan di samping kita memberi geran ataupun pinjaman tanpa faedah kepada mereka yang memajukan. Itu penting kerana kita hendak memajukan dengan segera untuk menarik pelancong.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya dengan ini menyokong Usul Menjunjung Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Dungun. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya ingin menjemput Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**3.46 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh TImor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyertai perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Awal bulan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberitahu Ahli-Ahli Parlimen di Kota Kinabalu bahawa tempoh bulan madu beliau serta anggota-anggota kerajaan telah berakhir dan kini telah tiba masanya untuk menunaikan janji-janji pilihan raya yang dikemukakan 12 bulan yang lepas. Sebenarnya, bulan madu politik Yang Amat Berhormat telah berakhir agak awal lagi kerana seratus hari pertama

merupakan tempoh biasa untuk sesuatu bulan madu politik dan Yang Amat Berhormat kini telah memasuki bulan ke 17 kepimpinannya sebagai Perdana Menteri atau lebih 500 hari pertama dan bukan 100 hari pertama lagi.

Dalam satu wawancara bulan Mei yang lepas, *Malaysia Kini* terkejut kerana saya berkata bahawa saya akan memberi Yang Amat Berhormat tempoh dua tahun untuk menunaikan janji-janjinya dalam membentuk sebuah kerajaan yang bersih, efisien, *accountable*, beramanah dan berjiwa rakyat setelah menjadi Perdana Menteri 31 Oktober 2003. Awal dari itu, ada pihak yang berkata bahawa penilaian mengenai prestasi pentadbiran Yang Amat Berhormat harus dibuat selepas Pilihanraya Umum 2004 dan kemudian selepas Pilihanraya UMNO 2004. Tetapi saya bersedia untuk memberi tempoh dua tahun iaitu tempoh yang lebih panjang kepada Yang Amat Berhormat kerana Malaysia hanya bertukar seorang Perdana Menteri selepas 22 tahun dan adalah lebih adil dan munasabah Perdana Menteri baru diberi masa yang secukupnya untuk menunaikan janji-janji beliau.

Sungguhpun kita dari parti-parti politik yang berbeza, kita masih rakyat Malaysia semua dan kita mahu Yang Amat Berhormat berjaya dan merapatkan jurang di antara realiti dan retorik dalam bidang pembaharuan atau reformasi politik, sosioekonomi, pendidikan dan kerajaan dalam merealisasikan slogan kerajaan – Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. Bagaimanapun, penilaian mengenai prestasi Yang Amat Berhormat menjelang tempoh dua tahun beliau yang memiliki jawatan Perdana Menteri tidak akan dengan izin, *rosy,* melainkan beliau sanggup berusaha dan menunjukkan daya dan keghairahan yang baru dalam tujuh bulan yang akan datang dan menunaikan janji-janjinya untuk membentuk sebuah kerajaan yang bersih, beramanah, efisien, *accountable* dan berjiwa rakyat, dalam bahasa Inggeris, adalah *second wing* dengan menunjukkan *energy* dan *enthusiasm* yang baru.

Saya ada memberi peringatan ini yang awal demi kepentingan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan kecenderungan politik masing-masing. Bukannya kerana kita mahu melihat Yang Amat Berhormat gagal, di sebaliknya kita ingin melihat beliau berjaya. Marilah kita mengadakan satu penilaian awal mengenai jurang di antara realiti dan retorik janji-janji Yang Amat Berhormat sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia.

Dalam ucapan ulungnya sebagai Perdana Menteri di Parlimen pada 3 November 2003, Yang Amat Berhormat telah menjanjikan satu pentadbiran yang bersih, beramanah, sederhana dan terbuka, menghormati sepenuhnya demokrasi Parlimen dan sistem perpisahan kuasa di antara badan eksekutif, legislatif dan kehakiman.

Saya pernah membuat komen pada masa itu, bahawa pada tempoh Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri bahawa semua ini tidak banyak berbeza daripada slogan ABC, yang dikemukakan oleh Pentadbiran 2M pada tahun 1981, yang menjanjikan pentadbiran yang Amanah, Bersih dan Cekap, sungguhpun Tun Dr. Mahathir masa itu ada mendakwa selepas itu bahawa 2M bermakna Mahathir Mohamad dan bukan Mahathir dan Musa.

Sungguhpun rakyat Malaysia berharap bahawa Yang Amat Berhormat akan berjaya menunaikan janji-janjinya, untuk membentuk sebuah kerajaan yang bersih, efisien, *accountable,* beramanah, telus dan demokratik, tetapi mereka tidak mahu sejarah berulang, di mana seorang Perdana Menteri memulakan tugasnya dengan membuat janji-janji yang sedap, dan memberangsangkan, tetapi akhirnya bukan saja janji-janji tersebut tidak ditunaikan, sebaliknya negara kita menjadi lebih teruk dalam banyak segi kehidupan nasional, yang penting pada akhir tempoh penjawatan beliau.

Cara paling baik untuk memulakan satu penilaian awal mengenai jurang di antara realiti dan retorik pembaharuan kerajaan ini, adalah dengan mengkaji sejauh manakah doktrin pemisahan kuasa telah dipulihkan di negara ini setelah berdekad-dekad pihak Eksekutif merampas kuasa Parlimen dan Kehakiman, serta hasil kempen membina semula, sebuah kerajaan yang bersih dan beramanah.

Semasa menyertai perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bulan Mei tahun lepas, saya berkata bahawa, penguasaan majoriti oleh Barisan Nasional di Parlimen sebanyak 91 peratus, akibat daripada kemenangan besar Yang Amat Berhormat dalam Pilihanraya Umum Mac 2004, yang dihasilkan berikutan dengan perasan *euphoria* rakyat, *feel good*, yang tertarik dengan janji-janji pentadbiran, bersih, efisien dan beramanah, serta dengan cara pengendalian Pilihanraya Umum yang paling tidak adil, kelam kabut dan memalukan, dalam empat puluh enam tahun sejarah negara ini, merupakan *time-bomb* bagi

demokrasi dan pentadbiran baik di Malaysia. Dan saya ada mengingatkan Dewan yang mulia ini mengenai kebenaran kata-kata, atau *truism Lord Acton* bahawa, dengan izin, "*Power tends to corrupt"* dan "*Absolute power corrupts absolutely"*. Dengan perwakilan Pembangkang di Parlimen yang kurang daripada sembilan peratus, dan tidak berdaya, memeriksa secara berkesan semua penyelewengan kuasa yang besar, yang mungkin berlaku secara pantas, bahaya sampai ke tahap malapetaka, dan berskala besar, sehingga ke tahap keangkuhan kuasa yang tidak terkawal. Dan saya ada kata, dan saya petik dengan pendek:

> "Satu-satunya sikap yang baik, adalah kesedaran yang menyeluruh dari pihak Perdana Menteri serta para pemimpin Barisan Nasional, mengenai tanggungjawab berat mereka, untuk menunaikan janji penubuhan sebuah kerajaan yang bersih, beramanah, *efficient*, boleh dipercayai serta berjiwa rakyat, bersedia mendengar kebenaran dari rakyat jelata, setara dengan slogan Cemerlang, Gemilang, Terbilang.
>
> Kesedaran yang menyeluruh, bahawa kemenangan mereka yang paling besar kali ini adalah disertakan bersama, tanggungjawab untuk memulihkan kebebasan, profesionalisme, dan integriti institusi-institusi, serta badan-badan kerajaan utama, termasuk Parlimen, Kehakiman dan Perkhidmatan Awam yang telah terjejas secara seriusnya, dalam tempoh dua dekad yang lepas, serta komitmen penuh mereka untuk memulihkan demokrasi dan pentadbiran baik di Malaysia.
>
> Pembaharuan dan pemodenan Parlimen, merupakan ujian kritikal sama ada wujudnya, semangat politik untuk melaksanakan, perintah Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan di-Rajanya dan menjadikan Malaysia sebuah negara dunia pertama bukannya sekadar dari segi infrastruktur, tetapi juga dari segi mental, fikiran dan budaya, bermula dengan wujudnya sebuah Parlimen Dunia Pertama".

Yang itu, petikan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Parlimen Kesebelas dirasmikan bulan Mei lepas, rakyat menaruh harapan tinggi, bahawa ia akan mencipta sejarah sebagai, *Reformed Parliament* , yang merupakan Parlimen dunia pertama atas tiga sebab:

Pertama, hakikat bahawa pembaharuan dan pemodenan Parlimen hanya akan berjaya, dengan adanya sokongan kerajaan, Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berhormat adalah berfikiran terbuka, dan bersikap menyokong, *supportive* semasa saya ada berjumpa dengan beliau, sebelum Upacara Perasmian Parlimen tahun lepas, untuk membincangkan agenda pembaharuan dan pemodenan Parlimen, yang melibatkan cadangan-cadangan yang meluas dan berbagai-bagai. Beliau nampaknya bersetuju bahawa satu Parlimen yang aktif dan efektif, yang memeriksa kerajaan dengan berkesan, tidak akan melemahkan tetapi sebaliknya akan memperkasakan pentadbiran yang baik.

Keduanya, pembaharuan Parlimen yang efektif dan bermakna, memerlukan kerajaan yang *self-confident*, ada keyakinan diri. Dan ini telah berjaya diperoleh oleh Yang Amat Berhormat, memandangkan pentadbiran beliau kini menguasai sembilan puluh satu peratus kerusi di Parlimen, satu rekod yang mencatat sejarah di Malaysia.

Dan ketiganya, pembaharuan dan pemodenan Parlimen, sebenarnya satu-satu yang paling mudah dicapai, berbanding dengan rancangan-rancangan pembaharuan meluas di semua institusi–institusi kerajaan lain, demi memulihkan kebebasan dan memperkukuhkan keberkesanan mereka.

Semua ini menjadikan kekurangan-kekurangan kemajuan, dalam segi pembaharuan dan pemodenan Parlimen sepanjang satu tahun ini, sesuatu yang amat menghampakan. Ianya menyalahkan kekurangan semangat dan kefahaman mengenai keperluan, dan kepentingan kerja-kerja ini. Tidak dapat dinafikan, sememangnya berlaku sedikit perubahan positif, tetapi secara perbandingan ianya amat terhad dan sedikit. Antaranya, perubahan-perubahan positif yang dimaksudkan termasuklah penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas, untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 serta mengenai Perpaduan Nasional. Di samping itu seorang Ahli Parlimen Pembangkang juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa PAC,

sungguhpun tradisi dan Konvensyen Parlimen *Commonwealth,* di mana Ahli-ahli Parlimen Parti Pembangkang dilantik mempengerusikan PAC sepatutnya dicontohi. Sebaliknya timbul lebih titik-titik hitam setelah setahun Parlimen Kesebelas bersidang. Antaranya:

Satu, majoriti Parlimen yang disalahgunakan berikutan dengan penggantungan Ahli Parlimen DAP bagi kawasan Bukit Gelugor. Enam orang Ahli Jawatankuasa Hak Keistimewaan, yang sebulat suara bersetuju, bahawa beliau tidak melanggari hak dan keistimewaan Parlimen, atau membuat kenyataan palsu dan memesongkan Parlimen, semasa beliau membangkit isu, ketidaksesuaian para Ahli Parlimen yang tidak mengangkat tangan kanan mereka semasa Upacara Mengangkat Sumpah pada 17 hari bulan Mei tahun lepas, menterbalikkan keputusan mereka dengan lima undi menentang satu kemudian harinya, tanpa memberikan sebarang alasan yang baik atau munasabah, khasnya dari tekanan yang datang dari luar Jawatankuasa berkenaan.

Kedua, keputusan Yang di-Pertua, yang sembarangan dan tidak meluluskan usul pendakwaan, iaitu usul tidak kepercayaan terhadap Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, yang mengendalikan Pilihanraya Umum 2004 secara memalukan, tidak adil dan kelam kabut. Setahun selepas Pilihanraya Umum, atas alasan *sub judice*, kononnya kerana proses rayuan Mahkamah Pilihan Raya belum selesai, yang menjadikan konsep penyeliaan dan bertanggungjawab Parlimen satu bahan sindiran ramai, sampai sekarang isu ini tidak boleh disoalkan.

Ketiga, kegagalan Parlimen untuk menangani isu-isu dan laporan-laporan penting, misalnya Laporan Tahunan SUHAKAM, saya sungguh terkejut, bahawa dalam dialognya bersama Majlis Peguam Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah mengemukakan dua alasan, sebagai sebab mengapa Laporan SUHAKAM tidak dibahaskan di Parlimen. Satu beliau mendakwa bahawa, kebanyakan Ahli Parlimen bukannya peguam dan tidak ada akan faham Laporan SUHAKAM, mengenai Hak Asasi Manusia, dan kedua, bahawa adalah tidak perlu diadakan perbahasan memandangkan Barisan Nasional menguasai majoriti besar di Parlimen. Beliau sebenarnya telah mengesahkan bahawa Parlimen, masih merupakan *rubber stamp* pihak Eksekutif, yang tidak berupaya memainkan sebarang peranan yang bermakna dalam usaha memeriksa

pihak Eksekutif supaya lebih bertanggungjawab. Satu lagi titik hitam Parlimen kini mula kelihatan. Jumaat lepas Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, telah dilaporkan di *Sin Chew Jit Poh* sebagai membuat satu kenyataan yang memeranjatkan, mengenai keputusan Kabinet, membalikkan keputusannya, yang dibuat pada bulan Januari lepas, untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai mempersekutuan atau *Federalisation* dan penswastaan air, serta dua Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Serta Industri Perkhidmatan Awam.

Beliau berkata bahawa Kabinet telah bersetuju untuk tidak menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen Keatas Dua Rang Undang-Undang Air ini kerana ia akan melibatkan proses yang menjemukan dan memakan masa sekurang-kurangnya satu tahun. Ini bertentangan secara terus dengan janjinya di Dewan yang mulia ini semasa kita membahaskan Rang Undang-Undang Perlembagaan 2004 mengenai *federalization* dan penswastaan air dalam Sidang Parlimen Khas bulan Januari lepas bahawa beliau akan membangkitkan isu ini di Kabinet untuk diluluskan kerana pengumuman yang dibuat seterusnya oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas itu bahawa kabinet telah meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai dua rang undang-undang air berkenaan setelah ianya dibentangkan untuk bacaan pertama di mesyuarat kali ini. Menurut Yang Berhormat bagi Padang Rengas Jawatankuasa Pilihan Parlimen akan diketuai oleh menteri berkenaan dan akan terdiri daripada enam orang ahli parlimen, antaranya ialah dua ahli dari parti pembangkang, satu daripada DAP dan satu lagi dari PAS yang akan mengambil masa 3 hingga 6 bulan untuk mengumpul pendapat umum dan membentangkan laporannya ke Parlimen supaya dua rang undang-undang air ini dapat diluluskan pada akhir tahun ini.

Selain dari menjadikan rintangan kepada rancangan pembaharuan Parlimen yang menyeluruh demi menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen dunia pertama di mana para Ahli Parlimen tanpa mengira parti politik dapat memainkan peranan yang bermakna dalam proses membuat keputusan mengenai Rang Undang-Undang dan dasar kebalikkan keputusan kabinet ini nampaknya merupakan satu lagi contoh di mana kerajaan tunduk terhadap tekanan syarikat-syarikat air dan mempunyai kepentingan diri dan yang menetapkan kepentingan korporat mereka di atas kepentingan orang ramai

dan tidak bersedia menunggu lagi untuk mengeksploitasikan air iaitu ‘Emas Biru’ demi mengaut keuntungan yang besar.

Akibatnya apa yang sepatutnya bermula sebagai tahun pertama, *reform* Parlimen yang merangsangkan itu tidak menghasilkan keputusan atau aktiviti-aktiviti *reform* yang menggalakkan. Kegagalan dua jawatankuasa tetap iaitu Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat dan Jawatankuasa Dewan ialah House Committee untuk mengadakan mesyuarat walau sekali pun sepanjang tahun pertama Parlimen Kesebelas ini amatlah tidak munasabah. Kegagalan ini mensia-siakan harapan rakyat bahawa kerja-kerja pembaharuan dan pemodenan amalan dan prosedur Parlimen, perkara yang amat penting demi menjadikan Parlimen Dewan Legislative yang berkesan dan efektif untuk memeriksa kerajaan dan memastikan suara rakyat sampai kepada kerajaan di antara tempoh dua pilihan raya dapat diberi keutamaan.

Marilah kita lihat kembali senarai cadangan-cadangan yang telah saya kemukakan kepada Yang Berhormat mengenai pembaharuan dan pemodenan Parlimen:-

i) Demi menjadikan Parlimen Malaysia sebuah Parlimen dunia pertama, siaran langsung mesyuarat-mesyuarat Parlimen semasa soal jawab dipanjangkan kepada dua jam;

ii) memperuntukkan sesi masa jawab Perdana Menteri dua kali seminggu;

*iii)* Ahli Parlimen pembangkang menerajui PAC, menubuhkan 30 Jawatankuasa Pilihan Parlimen agar atau *specialist;*

iv) satu jawatankuasa pilihan untuk setiap kementerian;

v) menubuhkan lebih kurang 10 Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menghasilkan laporan tahunan mengenai kemajuan trend dan cadangan-cadangan mengenai integriti nasional, IT, agenda wanita, alam sekitar, media massa, rasuah atau *specialist committee*.;

vi) memperuntukkan beberapa hari seminggu khasnya untuk urusan parti pembangkang;

vii) kaki tangan penyelidikan dan pembantu kawasan untuk setiap Ahli Parlimen;

viii) seorang Timbalan Yang di-Pertua dari parti pembangkang;

ix) pemodenan dan pendemokrasian Peraturan Mesyuarat;

x) Kod etika untuk semua Ahli Parlimen;

xi) Kod Tingkah laku Parlimen untuk para menteri

Setahun telah berlalu tetapi tidak satu pun cadangan-cadangan di atas diberi pertimbangan yang serius. Yang paling tidak masuk akal sekali ialah mengenai Peraturan Mesyuarat yang telah dipinda berkali-kali selama ini bukan untuk memberikan kuasa kepada para Ahli-ahli Parlimen supaya dapat melaksanakan mandat mereka untuk memeriksa dan menyelia prestasi kerajaan tetapi untuk membantu para kaki tangan awam mengelakkan dari diselia oleh Ahli-ahli Parlimen..

Peraturan Mesyuarat yang tidak munasabah ini langsung tidak diperbetulkan sampai sekarang. Sebagai contohnya Peraturan Mesyuarat 22 (ii) mengkehendaki pemberitahu selama 14 hari bekerja sebelum Pertanyaan Parlimen dapat dikemukakan sebelum mesyuarat bermula dan bukannya sebelum hari mesyuarat atau sidang tertentu atau hari pertanyaan berkenaan dikehendaki jawab. Contoh yang paling baik sekali adalah semasa Mesyuarat Bajet tahun lepas yang bermula dari 1 hari bulan September 2004 hingga ke 14 hari bulan Disember 2004. Pertanyaan yang dijawab pada 14 hari bulan Disember 2004 terpaksa dikemukakan pada atau sebelum 12 hari bulan Ogos 2004, sama seperti pertanyaan-pertanyaan lain sepanjang mesyuarat hampir tiga bulan berkenaan, tempoh pemberitahu yang lebih dari empat bulan lamanya adalah sungguh tidak masuk akal bahawa para Ahli Parlimen diwajibkan mengemukakan pemberitahu selama empat bulan sebelum pertanyaannya dapat dibangkitkan di parlimen. Menjadikan pertanyaan-pertanyaan ini lapuk dan kehilangan nilai semasanya dan di samping itu menjadikan Parlimen langsung tidak relevan malah beroperasi seperti sebuah institusi muzium. Atas sebab ini sahaja Parlimen Malaysia layak disenaraikan ke dalam rekod buku guiness.

Mengapakah Peraturan Mesyuarat yang begitu tidak munasabah ini masih berkuat kuasa sampai hari ini? Sekiranya kita betul-betul serius dalam hasrat untuk

memperbaharui dan memodenkan Parlimen Malaysia supaya menjadi Parlimen dunia pertama dan mengapakah ianya tidak dapat dipinda supaya tempoh pemberitahu untuk semua Pertanyaan Parlimen dikurangkan menjadi 10 hari sebelum satu tarikh tertentu pertanyaan berkenaan hendak dikemukakan atau lima hari seperti mana yang dilaksanakan di Parlimen-parlimen Komanwel dunia pertama yang lain.

Kita juga ingin bertanya mengapakah dalam tempoh 25 tahun pertama wujudnya Parlimen Malaysia sehingga awal tahun 80-an masa yang diperlukan bagi Ahli Parlimen untuk mengemukakan usul tergempar di dewan ini demi mengelakkan sesuatu peristiwa penting dan mendesak mengikut Peraturan Mesyuarat 18 adalah hanya dua jam tetapi kini kita perlu memberi pemberitahu 24 jam yang boleh mengambil masa sehingga 72 ke 96 jam sekiranya mengambil kira faktor hujung minggu serta hari cuti yang berlanjutan sebelum usul berkenaan dapat dibangkitkan.

Semua ini bertentangan dengan pernyataan kerajaan mengenai agenda ICT dan E-Kerajaan yang merupakan salah satu dari tujuh aplikasi Koridor Raya Multimedia kerana ia nampaknya tidak mempunyai konsep 24 (7) iaitu “maklumat dapat beralih tanpa gangguan sepanjang 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan 365 hari setahun dalam dunia ICT”. Kerajaan nampaknya berbalik pada zaman sebelum ICT kerana memerlukan tempoh yang lebih panjang lagi untuk respons kepada penyeliaan dan peperiksaan ke atas dari Parlimen.

Pengerusi Kelab Sokongan Kerajaan telah menyarankan supaya dipulihkan kebebasan pentadbiran parlimen seperti dahulu kala, khasnya atas isu kewangan supaya ia tidak lagi menjadi salah satu jabatan kerajaan dan diharapkan dengan itu semua tuntutan elaun mesyuarat dan elaun perjalanan Ahli-ahli Parlimen dapat diproses tanpa penangguhan yang serius. Saya menyokong sepenuhnya supaya pentadbiran Parlimen dipulihkan sebagai unit bebas dari sebarang kementerian kerajaan kerana tidak akan wujudnya perpisahan kuasa yang bermakna di antara Parlimen dan eksekutif sekiranya pentadbiran Parlimen tidak mempunyai autonomi dalam memutuskan cara peruntukan bajet tahunannya sendiri.

Bagaimanapun ini hanya merupakan salah satu bahagian yang tidak begitu penting dalam usaha pembaharuan dan pemodenan Parlimen yang perlu ditangani segera dan para Ahli Parlimen menghadapi risiko dianggap oleh rakyat sebagai lebih mengambil berat mengenai kebajikan dan kepentingan sendiri iaitu perihal memproses tuntutan elaun mesyuarat dan perjalanan dari memastikan bahawa Parlimen jadi lebih berkesan, efektif dan lebih bersemangat dalam melaksanakan tugasnya untuk menyelia prestasi kerajaan yang merupakan isu yang lebih penting dan utama.

Memandangkan satu tahun telah disia-siakan begitu sahaja para ahli Parlimen mestilah menunjukkan semangat politik *(political will)* mereka demi menebus balik peluang pembaharuan dan pemodenan Parlimen sama ada menerusi Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang belum bersidang sekalipun atau lebih baik lagi ditubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai pembaharuan dan pemodenan Parlimen yang meluas oleh kerana apa sahaja yang melibatkan peraturan mesyuarat tetapi proses modenisasi Parlimen, semua aspek yang merangkumi dua bidang tugas berikut.

Pertama, sebelum mesyuarat ini berakhir pada 28hb April mengambil keputusan di Dewan yang mulia ini supaya meluluskan cadangan-cadangan pembaharuan dan pemodenan Parlimen dan dipersetujui oleh Parlimen dan pihak *Executive* misalnya menghapuskan keperluan pemberitahu empat bulan untuk mengemukakan soalan Parlimen.

Kedua, cadangan-cadangan untuk pembaharuan dan pemodenan Parlimen yang memerlukan masa kajian yang lebih panjang tetapi perlu dikemukakan di Dewan yang mulia ini pada pertengahan tahun atau selewat-lewatnya sebelum penghujung tahun. Mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus mempertimbangkan secara seriusnya untuk melantik Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai Parlimen sebagai ketua Dewan Rakyat *(leader of the House)* di mana tugas khasnya bukan sekadar mengendalikan urusan Dewan tetapi juga bertanggungjawab mengenai *respond* kerajaan terhadap isu pembaharuan dan pemodenan Parlimen.

Pada masa kini Perdana Menteri merupakan ketua Dewan Rakyat. Ini merupakan tradisi dan amalan *House of Commons* di United Kingdom sejak abad ke 18 tetapi amalan ini sudah diberhentikan, telah dilupuskan selama lebih setengah abad di

*House of Commons* sejak Perang Dunia Kedua di mana selepas sekarang seorang menteri kabinet biasa yang dilantik menjadi ketua Dewan Rakyat *(leader of the House)* di *House of Commons* dengan bidang kuasa khasnya tertumpu ke atas pembaharuan dan pemodenan Parlimen. Ini merupakan satu contoh yang mungkin kita boleh ikut di Parlimen Malaysia demi memperkasakan usaha pembaharuan dan pemodenan Parlimen kerana ianya merupakan salah satu kriteria yang patut diguna untuk menilai kejayaan dan keberkesanan seorang ketua Dewan *(leader of the House).*

Tuan Yang di-Pertua, jurang utama kedua di antara realiti dan retorik pembaharuan dalam tempoh 17 bulan lepas mengikut sistem keadilan dan kehakiman, pentadbiran kerajaan sedang dibelenggui sindrom penafian *(denial syndrome)* baru berpura-pura bahawa krisis lebih sedekad lama pada kehakiman yang menyebabkan kredibiliti, reputasi dan kesahan sistem keadilan di Malaysia menjunam ke tahap paling teruk apabila masyarakat perundangan dan kehakiman antarabangsa mengeluarkan penunjuk buruknya dalam satu laporan yang bertajuk *'Justice in Jeopardy - Malaysia 2000'.* Tidak pernah berlaku atau merupakan bahan sejarah dan tidak mungkin berlaku pada masa hadapan.

Pada Persidangan Undang-undang Malaysia ke 12 pada bulan Disember 2003 bekas Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Gua Musang ada memetik satu *anecdote* dalam tahun 1990-an untuk menggambarkan kekurangan keyakinan dalam sistem keadilan Malaysia yakni beliau telah dinasihatkan oleh peguamnya dan bekas hakim Mahkamah Agong bahawa "Di negara saya sendiri amat sukar untuk mendapatkan keadilan terutamanya apabila lawan atau musuh saya mempunyai hubungan rapat dengan mereka yang berkuasa." Beliau tidak menaruh harapan pada mahkamah Malaysia apabila musuh politik beliau menuduh beliau bertanggungjawab di atas skandal BMF. Akan tetapi peluang apabila sampai tuduhan yang sama telah disiarkan dalam beberapa akhbar asing dan beliau tidak teragak-agak lagi dan menfailkan tindakan di mahkamah-mahkamah asing yang bersesuaian terhadap akhbar berkenaan dan berjaya membersihkan namanya. Itulah contoh Yang Berhormat Gua Musang mengenai tidak ada kepercayaan terhadap sistem kehakiman.

Izinkan saya menambah *anecdote* saya. Pada bulan Januari 2000 saya ada mendapatkan dua pandangan pakar undang-undang yang pernah memegang jawatan

kehakiman yang tertinggi di negara kita iaitu bekas Ketua Hakim Negara *(Lord President*), Allahyarham Tun Sufian dan Tun Salleh Abbas mengenai kebijaksanaan tindakan mencabar kesahan mesyuarat Parlimen Kesepuluh dan enakmen dan keputusannya di mahkamah. Mesyuarat Pertama Parlimen Kesepuluh ialah yang dipilih tahun 1999 telah dimulakan melalui suatu perisytiharan Diraja pada 9hb Disember 1999 tetapi perisytiharan ini mempunyai kecacatan. Oleh sebab di bawah Perlembagaan Yang Dipertuan Agong bertindak mengikut nasihat kabinet dan hanya dibentuk dan diadakan mesyuarat pertamanya pada 15hb Disember 1999. Sementara kedua-dua bekas Ketua Hakim Negara ini bersetuju bahawa persidangan Parlimen Kesepuluh tidak menurut Perlembagaan yang mana menjadikan segala tindakan susulannya tidak sah. Mereka berpandangan bahawa tindakan mahkamah tidak wajar diambil, tidak patut diambil. Ini merupakan satu gambaran yang menyedihkan tentang sistem keadilan di Malaysia pada ketika di mana dua bekas Lord President sendiri tidak mempunyai keyakinan dalam sistem mahkamah kita.

Walaupun kebanyakan hakim adalah adil, berprihatin dan berkebolehan, dua *anecdote* ini menimbulkan persoalan tentang apakah pembaharuan struktur kehakiman yang telah dilakukan untuk memulihkan sepenuhnya keyakinan negara antarabangsa dalam kebebasan, kesaksamaan dan integriti badan kehakiman di Malaysia khasnya dalam kes-kes menonjol baik yang melibatkan kerajaan memerintah ataupun Urus Janji Corporate Mega.

Ramai yang meletakkan harapan tinggi pada pentadbiran Yang Amat Berhormat memandangkan tiada sesiapa yang menaruh harapan bahawa akan berlakunya apa-apa reformasi kehakiman besar-besaran di bawah Perdana Menteri sebelum ini selama 22 tahun. Sistem pelantikan kehakiman yang diamalkan sekarang ini tidak berjalan dengan sempurna ataupun Malaysia sudah tentu tidak akan menjunam ke dalam satu krisis keyakinan negara dan antarabangsa dalam pertanggungjawaban, kebebasan, kesaksamaan dan integriti badan kehakiman yang berlarutan selama lebih satu dekad yang mana sehingga kini masih belum pulih sepenuhnya. Malaysia amatlah memerlukan satu proses pelantikan hakim yang lebih telus untuk memastikan pentadbiran, keadilan yang berkualiti tinggi oleh hakim-hakim yang mempunyai kelayakan profesional, memiliki integriti dan peribadi yang baik, bebas dan berani.

Sistem yang ada sekarang ini di mana pelantikan kehakiman ditentukan oleh dua orang iaitu Perdana Menteri dan Ketua Hakim Negara adalah amat tidak memuaskan. Kecacatan dan kelemahan proses pelantikan hakim yang sedia wujud termasuk pertama, prosedur pemilihan dan pelantikan tidak telus. Kedua, proses perundingan dirahsiakan, dan ketiga kekurangan penilaian calon-calon terhadap kriteria-kriteria yang ditentukan lebih awal.

Banyak negara Commonwealth telah melaksanakan pembaharuan untuk memodenkan sistem keadilan mereka seperti perkenalan ketelusan dan persaingan dalam proses pelantikan hakim adalah *transparency* dan *competition*.dalam proses pelantikan hakim. Malaysia boleh mendapatkan manfaat daripada pembaharuan yang dilakukan oleh beberapa negara ini. Sebagai contohnya Kanada telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penasihat Pelantikan Kehakiman dalam setiap daerah yang melibatkan wakil-wakil kehakiman atau *province* yang melibatkan wakil-wakil kehakiman dan perundangan dan wakil bukan peguam – *lay persons.*

Pelantikan kehakiman hanya dihadkan kepada mereka yang diluluskan oleh jawatankuasa sebagai sesuai untuk dilantik. Di New Zealand, sebagai gerak kepada kritikan bahawa badan kehakiman berjauhan dan tidak mewakili masyarakat, sebuah lembaga pelantikan kehakiman telah ditubuhkan dan terdiri daripada wakil-wakil hakim dan peguam dan ahli-ahli biasa dan mereka ini membuat syor tentang pelantikan kehakiman apabila berlakunya kekosongan. Lembaga mengiklankan jawatan kehakiman tersebut dan mengkaji segala permohonan. Satu senarai mengikut keutamaan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua calon kemudian diserahkan kepada peguam negara yang akan membuat syor terakhir kepada Ketua Gabenor.

Pada tahun 1997, United Kingdom mentakrif dan mengumumkan kriteria untuk menilai calon-calon bagi pelantikan kehakiman dan proses pemilihan. Memandangkan begitu banyak negara telah melakukan pembaharuan untuk memodenkan sistem keadilan mereka termasuklah sistem pelantikan kehakiman sudah tentu tidak ada kekurangan bahan rujukan untuk Malaysia melaksanakan pembaharuan sistem keadilan kita sendiri.

Pembaharuan kehakiman untuk memulihkan keyakinan negara dan antarabangsa dalam kedaulatan undang-undang dan badan kehakiman yang benar-

benar bebas bukan sahaja satu kepentingan badan kehakiman tetapi juga kerajaan, Parlimen, masyarakat *civil* dan negara keseluruhannya. Yang Amat Berhormat harus melantik sebuah Suruhanjaya Diraja mengenai pembaharuan kehakiman untuk memulihkan sepenuhnya keyakinan awam dan antarabangsa dalam badan kehakiman. Dalam hal ini negara kita mempunyai seorang calon amat sesuai untuk mengetuai suruhanjaya sedemikian iaitu seorang warga Malaysia yang dianggap sebagai seorang pakar utama dalam bidang ini di peringkat antarabangsa yang telah berkhidmat sebagai wakil khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai kebebasan hakim dan peguam selama tinga penggal atau sembilan tahun. Pada tahun 2003 Datuk Param Cumaraswamy merupakan warga Malaysia yang pertama dan orang keenam di anugerahkan hadiah keadilan antarabangsa di dunia atau *International Justic in the World* sejak pengenalannya pada tahun 1997. Anugerah ini menghargai individu-individu luar biasa di sekitar dunia dalam bidang undang-undang di atas komitmen beliau kepada usaha mempertahankan kebebasan hakim dan peguam penjaga mutakhir kedaulatan undang-undang yang adil.

Datuk Param telah membawa pujian antarabangsa kepada Malaysia sejak pelantikan beliau oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sungguhpun beliau telah dilihat dengan perasaan syak wasangka akan ketidakpercayaan oleh kerajaan Malaysia sebelum ini. Pada dasarnya kerana negara sendiri menjadi tumpuan kritikan antarabangsa di atas pelanggarannya terhadap badan kehakiman yang bebas dan kedaulatan undang-undang yang adil.

Namun demikian haruskah Datuk Param Cumaraswamy terus diberikan layanan yang diingini sendiri di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat sedangkan dengan izin, dianggap sebagai *Prophet not homoured in his own country.* Sedangkan pemulihan sepenuhnya keyakinan negara dan antarabangsa di dalam kebebasan, kesaksamaan dan integriti badan kehakiman kembali ke zaman keagungan pra krisis kehakiman yang melibatkan Tun Salleh Abbas pada tahun 1988 patut dianggap sebagai keutamaan negara tertinggi.

Salah satu jurang antara retorik dan realiti sepanjang 17 bulan yang lepas adalah perang menentang rasuah kerana kerajaan menerusi Titah Ucapan Diraja telah cuba menunjukkan satu gambaran yang sungguh baik dengan mendakwa bahawa ianya

telah mencapai berbagai kejayaan dalam memerangi genjala rasuah. Sungguh pun ini merupakan salah satu bidang penting yang mencetuskan *fell good euphoria* rakyat dan membawa kemenangan besar Barisan Nasional tahun lepas tetapi kini ia merupakan antara faktor yang menyebabkan perasaan *feeling not good* kerana rakyat tidak nampak sebarang tindakan atau hasil yang konkrit daripada pihak kerajaan.

Titah Ucapan Diraja menyatakan jelaslah pendekatan *punitive* dan *preventive* yang diambil dalam memerangi rasuah telah berjaya. Bagi mana pun apa yang kononnya jelas ini nampaknya tidak ketara bagi majoriti rakyat Malaysia kerana kita tidak nampak banyak hasil konkrit yang dicapai dalam perang menentang rasuah kerajaan selain daripada laporan mengenai peristiwa-peristiwa media seperti pelancaran Pelan Integriti Nasional dan Institut Integriti Malaysia yang tidak membantu dalam perang menentang rasuah kalau hanya ada bentuk dan bukan isi.

Dalam dua minggu yang lepas tidak satu perkataan pun yang kedengaran di Malaysia mengenai senarai rasuah 2005 yang diterbitkan oleh Political and Economic Risk Consultancy Ltd (PERC) yang bertapak di Hong Kong sama ada oleh media Malaysia, badan-badan menentang rasuah seperti badan dan Institut Integriti Malaysia mahu pun kerajaan dan ini bukan sahaja menunjukkan hakikat kekurangan komitmen yang kukuh dari pihak pentadbiran dan dalam usaha memerangi genjala rasuah tetapi juga menyerlah kelemahan dalam segi kebebasan media dan maklumat negara ini yang berkait terus dengan komitmen Malaysia terhadap ekonomi berdasarkan ilmu di mana ia merupakan faktor pengeluaran yang paling kritikal.

Menurut jadual rasuah tahunan PERC Asia yang diumumkan pada 9 Mac 2005 yang disediakan setiap tahun mengikut hasil soal selidik yang dijalankan di kalangan *expatriates* yang bekerja di Asia mengenai persepsi mereka terhadap masalah rasuah. Malaysia telah jauh dua tangga dan kini berada di kedudukan keenam berbanding dengan 10 tahu yang lepas di mana Malaysia menduduki tempat keempat yang bererti masalah rasuah kita kini lebih teruk dari Korea Selatan dan Taiwan berbanding dengan 10 tahun yang lepas dan kita telah memungut mata paling buruk dari segi rasuah.

Dalam kaji selidik rasuah PERC sekarang dan 10 tahun dahulu ialah 1996 Singapura rank 1, score 1.09 di mana mata yang diberi ialah 0 ke 10 di mana 0 menandakan mata yang paling baik, manakala 10 mata yang paling buruk. 10 tahun

dahulu 1996 Singapura tempat satu, score 1.09, Jepun dapat nombor dua - 1.93, Hong Kong nombor tiga - 2.79, Malaysia keempat - 5.00, Korea Selatan nombor lima - 5.16, Taiwan nombor enam - 5.53, Thailand nombor tujuh - 6.55, India nombor lapan - 6.86, Filipina nombor sembilan - 6.95, Indonesia nombor sepuluh - 7.69, Vietnam nombor sebelas - 7.78 dan Cina nombor dua belas - 8.00.

Dalam kajian 2005, 10 tahun kemudian tempat kedudukan ialah Singapura masih pertama dapat satu markah lebih baik 0.65, Jepun nombor dua - 3.46, Hong Kong nombor tiga - 3.5, Malaysia nombor enam markah 6.80, Korea Selatan nombor lima - 6.50, Taiwan nombor empat - 6015, Taiwan nombor tujuh, Thailand tujuh markah 7.2, India nombor sembilan - 8.63, Filipina nombor sebelas - 8.80, Indonesia nombor dua belas - 9.10, Vietnam nombor sepuluh - 8.65 dan negeri Cina nombor lapan - 7.68.

Sepuluh tahun yang lepas, Malaysia memperoleh mata 5.0, baru *pass*, lulus dan berada di luar kumpulan negara rasuah, tetapi hari ini Malaysia telah jatuh dari segi mata yang dipungut menjadi 6.8. Pada hakikatnya, mata 6.8 yang dipungut oleh Malaysia dalam Kaji Selidik Rasuah PERC 2005, ini adalah lebih baik dari mata 7.33 yang diperoleh tahun lepas, yang merupakan satu penurunan yang serius dari mata 6.0 pada tahun 2003. Fenomena ini ada dijelaskan oleh PERC pada tahun lepas sebagaimana yang saya petik, “disebabkan khasnya oleh kesediaan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi untuk mengakui bahawa masalah rasuah memang wujud berbanding dengan zaman pemerintahan bekas Perdana Menteri, Mahathir Mohamed”.

Semasa mengumumkan hasil Kaji Selidik Rasuah 2004 tahun lepas, PERC menjelaskan mengapa mata yang dipungut oleh Malaysia jatuh dari 6.0 dalam tahun 2003 menjadi 7.33 dalam tahun 2004, dan inilah saya *quote*, “ia tidak bermakna rasuah menjadi lebih buruk dalam tahun sebelumnya, tetapi merupakan pembetulan angka tahun-tahun lepas di mana anggaran yang kurang tepat telah dilakukan.”

PERC menganggap Malaysia sebagai negara contoh masa itu, di mana mata persepsi menjunam tetapi masalah rasuah telah ditangani secara lebih serius. Tetapi apakah penjelasan yang ada terhadap ketidakupayaan Malaysia untuk memperbaiki mata terbaru di dalam Kaji Selidik Rasuah PERC 2005 baru-baru ini supaya pulih kepada tahap sebelum Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri atau sekurang-

kurangnya lulus dengan mata 5.0 memandangkan kempen anti-rasuah telah dinaik taraf menjadi keutamaan agenda negara.

Semasa mengumumkan hasil Kaji Selidik Rasuah 2005, PERC menyatakan bahawa Perdana Menteri telah berjaya menjanakan sokongan kuat daripada orang ramai terhadap kempen memerangi rasuah, tetapi dakwaan-dakwaan mengenai gejala rasuah di kalangan parti-parti pemerintah pula yang timbul semula – *money politics*, soalan korupsi wang, apalah hasil daripada semua tindakan yang ada diambil nampaknya tidak.

Setelah tewas kepada Korea Selatan dan Taiwan dalam senarai PERC 2005 berbanding dengan 10 tahun yang lepas – 1996, Malaysia kini menghadapi risiko ditewaskan oleh negara Thai pada masa yang terdekat kerana negeri Thai telah berjaya merapatkan jaraknya dalam senarai PERC dari 1.55 mata kepada 0.40 mata dalam tempoh 10 tahun yang lepas jika dibandingkan dengan Malaysia. Adalah sungguh memalukan di peringkat antarabangsa sekiranya kedudukan Malaysia, dalam Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa jatuh lebih rendah daripada negeri Thailand setelah Korea Selatan dan Taiwan berjaya memotong kedudukan kita dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Nama Malaysia telah pun dibangkitkan secara *dishonourable* dalam laporan rasuah global antarabangsa, *Transparency International* 2005 yang baru diumumkan dua hari dahulu, di mana Empangan Bakun di Sarawak telah disenaraikan sebagai "*monument* rasuah", dalam senarai *monument* rasuah, dalam kajian yang menumpukan ke atas cara bagaimana rasuah dalam bidang pembinaan menjejaskan pembangunan ekonomi. Kejatuhan kedudukan Malaysia dari tempat ke 37 pada tahun 2003 ke tempat 39 pada tahun 2004 dalam Indeks Persepsi Rasuah *Transparency International* yang berbetulan dengan genap setahun Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri, harus dianggap sebagai amaran yang serius bahawa kempen anti-rasuah kita nampaknya tidak mendatangkan hasil yang ketara.

Adalah perlu digariskan langkah-langkah lebih drastik sekiranya perang menentang rasuah ini tidak tewas sama sekali dan kedudukan Malaysia jatuh lagi dalam indeks *Transparency International* Tahun 2005 dan masa depan. Adalah amat merunsingkan bahawa wujudnya sindrom penafian yang agak berleluasa mengenai

masalah rasuah yang kompleks apabila negara ini gagal mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Pelan Integriti Nasional yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat pada April lalu, iaitu untuk memperbaiki kedudukan kita pada tempat ke 37 dalam tahun 2003 supaya mencapai ke tempat 30 dalam tahun 2008 dalam senarai Indeks Persepsi Rasuah *Transparency International* atau sekurang-kurangnya mencapai objektif yang lebih sederhana, iaitu memperbaiki tujuh kedudukan ke depan dalam tempoh lima tahun atau kemajuan 1.4 kedudukan setiap tahun.

Bagaimanapun dalam tempoh tahun pertama sasaran 2004 – 2008, PIN ini Malaysia telah jatuh dua kedudukan ke belakang dan bukannya maju ke depan walaupun secara sederhana. Sindrom penafian ini jelas terserlah semasa kita berada dalam sesi soal jawab semalam apabila Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mendakwa pihak Pembangkang sebagai berfikiran singkat atau tidak membaca surat khabar. Mengenai Kempen Anti-Rasuah kerajaan ini mengingatkan saya kepada cerita dewa-dewi Hans Anderson, iaitu *Emperor with no cloaks*, yang mendakwa dirinya berpakaian.

Yang Berhormat Menteri mahu Parlimen dan seluruh negara percaya bahawa kempen anti-rasuah merupakan agenda utama kerajaan sungguhpun persepsi ini langsung tidak disetujui oleh masyarakat antarabangsa atau rakyat Malaysia sendiri.

Malaysia telah jatuh 16 anak tangga dalam tempoh 10 tahun ini dalam laporan *Transparency International Corruption Perception Index* pada 1995 daripada kedudukan ke 23 menjadi tempat ke 39 pada tahun lepas dalam senarai *CPI Transparency International.* Memang wujud keprihatinan yang bernas dan meluas bahawa keadaan ini nampaknya bukan sahaja tidak diperbaiki malah semakin merosot. Kerajaan bukan sahaja tidak menangani masalah kedudukan persepsi rasuah antarabangsa yang serius ini, malah telah mengambil keputusan untuk merangka indeks persepsi rasuah sendiri dan sememangnya akan menghadapi masalah kredibiliti yang serius memandangkan objektif utamanya ialah untuk menentang (*counter*) indeks-indeks antarabangsa yang buruk.

Anti-rasuah harus dijadikan agenda utama di Parlimen bukan sahaja menerusi pindaan undang-undang yang menghendaki BPR bertanggungjawab terus terhadap Parlimen, tetapi juga memberangsangkan semangat Parlimen dengan mengkaji semula

sasaran yang sederhana, iaitu kita bukan setakat mahu mencapai tempat ke 30 dalam tahun 2008, tetapi mahu kembali ke tempat 23 seperti mana yang dicapai dalam tahun 1995 dalam *Corruption Perception Index Transparency International*.

Kita juga harus membentuk sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Integriti Nasional untuk menyelia usaha anti-rasuah. Masa pun telah sampai untuk Malaysia menubuhkan gabungan besar menentang rasuah yang terdiri daripada parti-parti politik, NGO, media massa dan badan-badan mencegah rasuah di dalam kerajaan demi memastikan bahawa Malaysia dapat mengelakkan krisis rasuah yang pada masa kini sedang menjahanamkan Kenya kerana kegagalan Presiden Kenya, Mwai Kibacki untuk menunaikan janji pilihan raya dua tahun yang lepas, iaitu untuk membersihkan penyakit rasuah yang berleluasa selama 24 tahun sejak bekas Presiden Daniel Arap Moi memegang kuasa.

Dalam masa 17 bulan lagi Malaysia akan merayakan Hari Kemerdekaan setengah abad sejak 1957. Rancangan Malaysia Kesembilan sedang dirangkakan buat masa ini dan kita juga berada di fasa pertengahan Wawasan 2020 yang mengambil masa 30 tahun untuk mewujudkan bangsa Malaysia dan menjadikan sebuah negara maju. Bagaimanapun beberapa perkembangan dan pengumuman kebelakangan ini telah menunjukkan bahawa Malaysia nampaknya enggan undur ke belakang dalam proses pembangunan negara kita dan bukan melangkah mendekati matlamat Wawasan 2020 untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama yang merupakan keistimewaan unik negara kita.

Pada bulan yang lepas, dalam ucapan beliau kepada UMNO yang dipuji sebagai ucapan yang paling baik sekali, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru supaya diwujudkan generasi Melayu yang memiliki ciri-ciri unggul yang akan mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang usaha mereka.

Ucapan Yang Amat Berhormat mencetuskan pertanyaan-pertanyaan seperti berikut, mengapakah setelah negara merdeka selama 48 tahun kita masih perlu bercakap mengenai Melayu unggul sungguhpun tumpuan sekarang haruslah ke atas usaha mewujudkan rakyat Malaysia unggul. Sama ada saranan untuk mewujudkan kaum Cina unggul, kaum India unggul akan sama diterima baik.

Di manakah perginya Melayu unggul? Di berbagai-bagai bidang usaha negara, 48 tahun selepas merdeka. Apakah yang kita lakukan? Apakah yang kita lakukan untuk memastikan bahawa Malaysia mempunyai institusi-institusi unggul seperti Parlimen unggul, Badan Kehakiman unggul, Perkhidmatan Awam unggul, Media unggul, Universiti-universiti unggul, Pasukan Polis unggul, Badan Pencegah Rasuah unggul, Suruhanjaya Pilihan Raya unggul dan sebagainya supaya munculnya personaliti-personaliti Malaysia unggul.

Rakyat Malaysia sering diingati mengenai, sebagai contohnya kekurangan universiti-universiti unggul di Malaysia yang dikenali oleh dunia akademi antarabangsa. Sebuah universiti yang dikenali oleh dunia antarabangsa sebagai cemerlang dari segi pencapaian akademiknya. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pelajaran Tinggi, telah menidakkan bahawa pelajar-pelajar asing di negara ini telah berkurangan bilangannya dari 40,000 orang pada akhir 2003 ke 23,000 orang tahun ini. Ini jauh ketinggalan dari jumlah pelajar asing di Singapura, yang telah mencapai 60,000 orang. Republik pulau berkenaan berhasrat untuk mencapai sasaran dalam projek global *school house* mereka dengan menambah lagi bilangan pelajar antarabangsa dari 50,000 orang dalam tahun 2003, menjadi 100,000 pelajar yang membayar yuran sepenuhnya serta 100,000 eksekutif korporat antarabangsa yang mendapatkan latihan di negara tersebut pada tahun 2012.

Universiti-universiti Malaysia telah disenaraikan di kedudukan yang buruk di senarai antarabangsa. Misalnya;

(i) universiti terbaik *Asia Week 2000* yang menyenaraikan Universiti Malaya di tempat ke-47 di kalangan 77 universiti serantau dan Universiti Putra Malaysia pula berada di tempat ke-52 dan Universiti Sains Malaysia berada di tempat ke-57.

(ii) *Times Higher Education Supplement* yang menyenaraikan 200 universiti terbaik dunia dalam satu senarai global pada November 2004 telah meletakkan Universiti Malaya di tempat 89 dan Universiti Sains Malaysia di tempat ke-111.

(iii) Senarai 500 universiti terbaik *Shang Hai Chiaw Tong University*, langsung tidak menyenaraikan mana-mana universiti Malaysia.

Disebabkan oleh universiti-universiti tempatan kita yang disenaraikan di kedudukan yang buruk ini, maka saya telah menyarankan supaya dirangka satu pelan induk demi membangunkan Malaysia menjadi pusat akademik cemerlang antarabangsa. Dengan memastikan bahawa sekurang-kurangnya tiga universiti Malaysia akan dikenali di peringkat antarabangsa sebagai yang layak antara 50 universiti paling terbaik di dunia.

Ini tidak harus dianggap sebagai sasaran yang tidak dapat dicapai atau satu misi yang luar keupayaan kita, *mission impossible*. Memandangkan Singapura dan Australia mempunyai dua dan enam universiti masing-masing dan disenaraikan sebagai antara 50 universiti terbaik di dunia, di penilaian global *The Times Higher Education Supplement.* Bagaimanapun, saya benar-benar terkejut apabila terbaca satu *listing web* yang menilai sebanyak 1,000 universiti yang dilakukan oleh *internet lab* bertapak di Madrid atau *Observatorium Technology.Internet,* kerana tidak ada satu pun universiti Malaysia yang dimasukkan ke senarai tersebut. Penyenaraian 1,000 universiti di *internet* ini dibuat atas tanggapan bahawa laman *web* kini merupakan salah satu sumber penting untuk mengumpul maklumat mengenai aktiviti-aktiviti akademik dan saintifik. Dan ia menggunakan beberapa *indicator web matrix* seperti *size*, *visibility*, *popularity* dan bilangan *rich files* sebagai pengukurnya. Memangnya wujud banyak pandangan berbeza mengenai kriteria yang digunakan untuk penyenaraian universiti laman web ini, tetapi apa yang harus menjadi amaran terbaru kepada rakyat Malaysia adalah bahawa tidak satu pun universiti tempatan yang disenaraikan di dalam senarai 1,000 universiti terbaik itu.

Sungguhpun kita telah berkata begitu banyak dan lama mengenai hasrat untuk menjadikan Malaysia pusat akademik cemerlang antarabangsa serta melonjak ke dunia ICT dan era maklumat. Sebab mengapa Malaysia gagal menjadi pusat akademik cemerlang antarabangsa malah dibebankan lagi dengan masalah terbaru di mana 80,000 graduan yang menganggur, tidak sukar difahami. Kekurangan semangat politik ataupun *political will* untuk membina dan menyelenggarakan universiti-universiti unggul dan dikenali ramai di dalam dan di luar negara.

Untuk menyelesaikan krisis pendidikan tinggi ini, Malaysia mesti menjenama semula dirinya sebagai pusat akademi cemerlang antarabangsa yang tulen supaya

Malaysia dapat bersaing dengan negara-negara seperti Singapura dan Australia dan menjadi magnet yang menarik pelajar-pelajar antarabangsa dengan menonjolkan kualiti pendidikan dan sistem paratokrasi di semua peringkat dan aspek pendidikan tinggi di negara ini. Mendakwa diri kita sebagai sebuah pusat akademi cemerlang antarabangsa dan dikenali ramai sebagai pusat akademik cemerlang antarabangsa adalah dua perkara yang berlainan. Universiti Teknologi Mara (UiTM), misalnya mengumumkan bulan April lepas bahawa matlamatnya adalah untuk menjadi, dengan quote, *"Antara institusi pendidikan tinggi yang dikenali sebagai terbaik di dunia dalam tahun 2006."*

Tetapi siapakah yang akan percaya bahawa ia akan mencapai matlamat ini walau dalam tempoh satu atau dua dekad pun, melainkan ia bersedia untuk membuka pintunya kepada semua pelajar yang memang pandai dan cerdik, sama ada mereka ini bumiputera, bukan bumiputera, atau pelajar asing. Adakah UiTM bersedia menjadi sebuah universiti dunia yang paling bagus sekali dengan mengambil pelajar yang memang pandai dan cerdik tanpa mengira sama ada mereka itu bumiputera, bukan bumiputera atau pelajar asing? Aaupun ia lebih selesa dengan sistem mediokriti dan menghadkan kemasukan pelajar dengan berpegang kepada perbezaan kumpulan etnik tertentu?

Adalah amat penting bahawa satu konsensus nasional yang melangkaui perbezaan politik dicapai mengenai soal bagaimana menjenamakan semula Malaysia sebagai sebuah pusat akademik cemerlang antarabangsa yang tulen. Dan, bagaimana caranya untuk menghidupkan semangat politik demi memastikan bahawa nilai meritokrasi akan menjadi asas kepada seluruh dasar dan sistem pendidikan tinggi kita demi mentransformasikan Malaysia dari sebuah pusat akademik cemerlang serantau, menjadi sebuah pusat akademik cemerlang antarabangsa. Hanya apabila para pemimpin nasional bersedia untuk secara terbuka menyuarakan rasa kecewa, malah rasa malu mereka terhadap *listing* rendah universiti kita di dunia antarabangsa berbanding dengan Singapura, Australia. Singapura yang ada dua universiti yang disenaraikan 50 universiti terbaik di dunia, manakala Australia ada enam universiti yang sedemikian berkualiti atau lapan buah universiti yang disenaraikan paling baik di antara 60 universiti di dunia dan Malaysia tidak akan merasa puas hati sehinggalah telah

sekurang-kurangnya tiga universiti Malaysia yang dimasukkan ke senarai 50 universiti terbaik dunia.

Sampai masa itulah baru kita boleh mendakwa bahawa Malaysia memang berada di jalan yang betul dan mula mencapai hasrat menjadi pusat akademik cemerlang antarabangsa yang mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa. Adakah para Ahli Parlimen bersedia menyokong matlamat tinggi sebegini bagi rancangan pendidikan tinggi kita dan mengehendaki Kementerian Pendidikan Tinggi berusaha memastikan matlamat sedemikian dapat dicapai bahawa tiga, sekurang-kurangnya tiga universiti dianggap di dunia sebagai terbaik, 50 universiti yang terbaik sekali.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa sekiranya Vijay Singh,. dibenarkan penetap di Malaysia, ada PR di Malaysia, beliau mungkin tidak akan menjadi pemain golf terbaik di dunia. Kenyataan ini merupakan satu pengakuan terus terang bahawa suasana di Malaysia pada masa kini memang meningkat pertumbuhan sepenuhnya, potensi dan keupayaan seseorang dan bukannya *conducive* untuk memupuk personaliti-personaliti yang unggul. Rancangan Malaysia Kesembilan haruslah berbeza daripada semua rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang lepas dengan memulakan usaha menghapuskan secara berperingkat-peringkat mentaliti subsidi dan gantinya dengan sistem meritokrasi dan bersama dengan faktor keperluan sosial mencipta, dengan izin *powering Malaysian,* rakyat Malaysia yang unggul dalam semua bidang usaha manusia.

**DR23032005/1650/my**

**Tuan Lim Kit Siang:** *….dalam semua bidang usaha manusia…nolly*

Ini adalah satu-satunya cara demi memastikan bahawa kesejahteraan dan kemakmuran Malaysia terjamin di masa depan kerana era Globalisasi tanpa batasan. Dengan kesempatan ini rakyat Malaysia perlu bersaing sesama sendiri, tetapi dunia antarabangsa. Baru-baru ini kenyataan-kenyataan sensitif yang dikeluarkan oleh sesetengah pemimpin UMNO dan Pemuda UMNO mengenai permintaan untuk membina sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 bagi memenuhi keperluan pendaftaran kerajaan yang semakin bertambah setelah

memuji komitmen negara untuk membina sebuah negara berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama yang bersatu padu.

Amat malang sekali bahawa kerajaan gagal mengambil kesempatan daripada Titah Diraja pada hari Isnin untuk menyatakan dua komitmen dasarnya untuk memperkuat dan memperkasakan sekolah rendah kebangsaan sebagai pilihan pertama rakyat ini di samping memberikan layanan adil kepada pendidikan bahasa ibunda, khasnya pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang baru untuk memenuhi keperluan pendaftaran pelajar yang semakin bertambah. Kedua dua ini ialah isu yang berasingan sama sekali dan mempunyai kepentingan masing-masing. Namun demikian, ramai pemimpin UMNO dan Pemuda UMNO tetap mengeluarkan kecaman dengan fikiran bahawa matlamat pendidikan sekolah rendah jenis kebangsaan hanya boleh dicapai dengan mengetepikan kepentingan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Akhbar-akhbar Cina pada hari Sabtu lepas memberikan liputan luar kepada penjelasan Dr. Vincent Lim Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri bahawa Yang Amat Berhormat tidak pernah berkata pada Isnin lalu bahawa tindakan membina sekolah rendah jenis kebangsaan Cina memudaratkan perpaduan negara. Penjelasan ini amat dialu-alukan, akan tetapi adakah tidak sihat, dan tidak wajar bahawa media massa berlainan memberikan persepsi berbeza tentang apakah yang telah disebut atau tidak disebut oleh Yang Amat Berhormat mengenai sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.….Misalnya tiada penjelasan serupanya disiarkan dalam media bahasa yang lain, sungguhpun berita utama halaman pertama Utusan Malaysia mengenai kenyataan Yang Amat Berhormat pada Isnin lalu pada dasarnya membawakan mesej yang sama seperti media bahasa Cina.

Perenggan pertama dalam berita utama halaman pertama Utusan Malaysia pada 15hb Mac2005 di bawah tajuk *“Perkasa Sekolah Kebangsaan Pelbagai Sistem Pendidikan Tidak Baik Untuk Negara (PMi)”,*melaporkan yang berikut:-

*“ Putrajaya 14 Mac - Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan sebarang tindakan untuk menambah sekolah rendah jenis kebangsaan (SRJK) Cina atau Tamil hanya akan mewujudkan pelbagai sistem dalam pendidikan dan ia tidak baik kepada negara”.*

Memandangkan penjelasan bahawa Yang Amat Berhormat tidak berkata bahawa tindakan membina sekolah rendah jenis kebangsaan Cina memudaratkan perpaduan negara, apabila disiarkan oleh media semua bahasa di negara maka rakyat Malaysia diberikan dua persepsi berbeza. Bergantung kepada media bahasa yang manakah menjadi sumber maklumat mereka, iaitu:

i. Media massa Cina menjelaskan bahawa Yang Amat Berhormat tidak membuat kenyataan bahawa tindakan pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina ialah tidak baik untuk perpaduan negara

ii. Media bahasa Malaysia melaporkan bahawa Yang Amat Berhormat telah berkata bahawa tindakan membina lebih banyak Sekolah Rendah Cina tidak baik kepada negara.

Sebaik sahaja selepas kenyataan Yang Amat Berhormat pada hari Isnin, Biro Pendidikan pemuda UMNO mengeluarkan kenyataan yang memberikan sokongan sepenuh kepada pendirian seolah-olahnya pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tindakan membina sekolah rendah jenis kebangsaan Cina tidak selaras (cope) dengan objektif dan visi kerajaan untuk memperkasakan sistem sekolah kebangsaan "Tidak memberikan kesan positif kepada usaha untuk menyatupadukan rakyat Malaysia" Ini juga merupakan kenyataan yang ada sesetengah menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO serta pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO yang menegaskan saranan silap dan tidak berasas mereka bahawa sekolah rendah jenis kebangsaan Cina adalah penghalang kepada perpaduan negara dan punca polarisasi kaum di negara.

Keadaan sedemikian diburukkan oleh kelengahan selama 4 hari dalam memberikan penjelasan segera mengenai apakah yang telah disebut atau tidak sebut oleh Yang Amat Berhormat berhubung tindakan membina sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baru pada hari Isnin. Malaysia sepatutnya dapat menunjukkan kematangan yang lebih dalam membincangkan isu negara-negara memandangkan dalam dua tahun lagi kita akan menyambut usia setengah abad dalam proses pembinaan negara semenjak kemerdekaan pada tahun 1957. Perlulah ada ruang demokratik yang lebih luas bukannya lebih sempit untuk mengadakan perbincangan tentang harapan dan aspirasi rakyat Malaysia secara rasional dan bertanggungjawab.

Tiada sebab mengapa isu pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baru untuk memenuhi keperluan enrolment pelajar yang semakin bertambah haruslah menjadi isu sensitif yang hanya boleh dibincangkan secara tertutup di antara Presiden UMNO dan Presiden MCA sedangkan dalam tempoh 48 tahun yang lalu hal ini tidak pernah dianggap sebagai isu sensitif yang tidak boleh dibincangkan secara terbuka baik di dalam Parlimen, Dewan Undangan Negeri, perhimpunan umum ataupun media massa. Pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baru untuk memenuhi keperluan enrolment pelajar yang semakin meningkat bukan sahaja sejajar dengan hak dan jaminan Perlembagaan Pendidikan Bahasa Ibunda di Malaysia, tetapi juga benteng dalam membawakan pembaharuan pendidikan yang berkualiti di negara.

Selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi sebuah K-ekonomi dengan daya saingan antarabangsa untuk memenuhi cabaran-cabaran globalisasi dunia. Dengan tinggalnya dua tahun lagi, sebelum Malaysia mencapai kenegaraan setengah abad, marilah kita berhenti mempolitikkan isu pendidikan, khasnya pendidikan bahasa ibunda, di mana Barisan Nasional akan menjanjikan layanan adil kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sebelum setiap pilihan raya umum bahkan membina sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baru, iklan halaman penuh telah disiarkan dalam akhbar-akhbar Cina dalam Pilihan Raya Umum 2004 serupa dengan iklan halaman penuh pun sama yang menyeru mengundi calon-calon Barisan Nasional supaya Yang Amat Berhormat boleh menjadi Justice Pow moden untuk membanteras rasuah dalam peringkat kuasa yang tinggi dan sama-sama ada keluar pada masa itu tetapi dilupakan serta merta dalam tempoh dua tahun selepas pilihan raya umum dan permintaan untuk membina sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baru untuk memenuhi keperluan pendaftaran pelajar yang semakin bertambah dianggap sebagai bercanggah dengan kepentingan negara dan tidak patriotik sama sekali.

DAP menyokong tindakan kerajaan memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menjadikan niat pilihan pertama rakyat. Namun demikian sekiranya seluruh strategi untuk menjadikan sekolah kebangsaan pilihan pertama rakyat dilaksanakan dengan menafikan layanan adil kepada pendidikan bahasa ibunda secara berterusan, ini adalah tindakan yang tidak masuk akal dan fikiran. Contoh tindakan yang sedemikian adalah layanan tidak adil yang diberikan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan

Tamil. Sama ada keengganan untuk membina sekolah baru untuk membina sekolah baru untuk memenuhi keperluan pendaftaran pelajar yang semakin meningkat peruntukan dana pembangunan secara adil, latihan guru yang mencukupi ataupun keselesaan murid sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sebanyak 50 hingga 55 pelajar dalam setiap kelas. sedangkan saiz kelas yang sewajarnya adalah 30 murid bagi setiap kelas..

Strategi sedemikian ternyata akan memenuhi kegagalan oleh sebab ia hanya akan menyebabkan lebih ketidak perpaduan penduduk berbilang kaum kita. Di samping menjejaskan kepentingan negara jangka panjang untuk mempertingkatkan daya saing antarabangsa kita dalam menghadapi cabaran-cabaran globalisasi memandangkan Malaysia akan dinafikan pendidikan berkualiti dan kecemerlangan, modal manusia dan merupakan aset paling berharga dalam ekonomi baru yang berasaskan pengetahuan. Hujah pihak-pihak yang membantah pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baru untuk memenuhi keperluan pendaftaran pelajar berdasarkan alasan bahawa ini akan menyimpang kepada polarisasi kaum dan perpaduan negara tidak boleh dipertahankan di atas beberapa sebab termasuk:

(i) tidak mengakui hakikat bahawa pelajar di sekolah rendah cina tidak terdiri daripada satu kumpulan kaum sahaja iaitu Cina memandangkan lebih 10% pendaftaran pelajar merangkumi pelajar Melayu, India, Iban dan Kadazan.

(ii) dwistandard dalam mempertahankan kewujudan institusi-institusi pendidikan yang dikhaskan untuk satu kumpulan etnik sahaja seperti UiTM yang mana menurut seorang Menteri Kabinet tidak akan dibuka kepada pelajar bukan Melayu;

(iii) mengetepikan fakta bahawa lebih 90% pelajar sekolah rendah Cina meneruskan pendidikan menengah di sekolah menengah kebangsaan dan memberikan mereka peluang untuk berinteraksi dengan populasi pelajar lebih berbilang kaum di peringkat menengah dan universiti. Satu strategi berdaya maju dan berjaya untuk memperkasakan sekolah kebangsaan menjadikan pilihan pertama rakyat semestinya strategi yang boleh membuatkan

mereka lebih menarik kepada ibu bapa dan pelajar berbanding dengan sekolah rendah jenis kebangsaan disebabkan kualiti pendidikan, dan suasana pembelajaran untuk memperkembangkan bakat baru dan potensi pelajar di samping memberikan layanan adil dan saksama kepada sekolah rendah Cina dan Tamil sebagai sebahagian penting aliran utama pendidikan kebangsaan pada masa yang sama.

Apabila Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri, beliau telah berjanji untuk mendengar pandangan rakyat. Walau bagaimanapun harapan rakyat agar wujudnya lebih ruang demokratik untuk menyuarakan aspirasi benar-benar mereka telah diketepikan apabila isu pembinaan sekolah rendah Cina baru untuk memenuhi keperluan pendaftaran pelajar yang semakin meningkat telah menjadi satu perkara yang hanya boleh dibincangkan secara tertutup sahaja, di antara dua orang iaitu Perdana Menteri dan Presiden UMNO dengan Presiden MCA yang merupakan rakan Kabinet bawahan beliau.

Adakah Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Parlimen dan masyarakat madani langsung tidak berguna dan tidak relevan kepada proses membuat keputusan? Adakah proses rundingan untuk merumus Rancangan Malaysia Kesembilan akan menjadi lebih terhad lagi dan tidak demokratik berbanding rancangan-rancangan lima tahun sebelum ini?

Empat tahun yang lalu iaitu pada awal tahun 2001 semasa proses perumusan Rancangan Malaysia Kelapan, DAP telah membuat cadangan untuk Perjanjian Pendidikan Bahasa Ibunda yang baru atau *New Deal For Mother Tongue Education* untuk disertakan dalam Rancangan Malaysia tersebut termasuk pembinaan 250 sekolah rendah Cina baru dalam tempoh lima tahun berkenaan berdasarkan hujah-hujah berikut:

(i) terdapat sekitar 70,000 murid bukan Cina di sekolah rendah Cina di negara yang bererti bahawa kira-kira 120 sekolah rendah Cina baru perlu dibina untuk memenuhi keperluan ini;

(ii) sewaktu kemerdekaan pada tahun 1957 terdapat 1,333 sekolah rendah Cina dengan jumlah pendaftaran sebanyak 310,000 murid ataupun 43 tahun kemudian pada tahun 2000, pendaftaran murid

sekolah rendah Cina telah bertambah dua kali ganda melebihi 620,000. Namun demikian tiada pertambahan yang serupa dalam bilangan sekolah rendah Cina dalam tempoh empat dekat lalu. Sebaliknya berlakunya pengurangan 49 sekolah dari 1,033 kepada 1,284;

